

2026

APR - JUN

Vol.102, No.2
Pelajaran Alkitab Sabat
Kelas Dewasa



Kepentingan Nubuatan

**Menjelajahi pelayanan Nubuatan
Daniel dan Yohanes**

Isi Kandungan

1. Pengenalan Nubuatan	 5
2. Utusan Tuhan kepada Raja-raja	 10
3. Empayar Masa Depan Terungkap	 15
4. Penglihatan Pertama Daniel	 20
5. Penggantian Kerajaan	 26
6. Penglihatan Dijelaskan	 31
7. Buku Yang Dimeteraikan Dibuka Kembali	 36
8. Nabi Patmos	 41
9. Naga, Perempuan, dan Sisa	 46
10. Binatang dan Tanda	 52
11. Tiga Malaikat	 57
12. Panggilan Terakhir	 62
13. Akhir yang Dinubuatkan	 67

PELAJARAN ALKITAB SABAT, satu program pembelajaran harian, hanya berdasarkan Alkitab dan Roh Nubuat tanpa ulasan tambahan. Petikan-petikan dibuat sesingkat mungkin untuk memberikan pemikiran yang ringkas dan langsung. Tanda kurung [] disediakan dalam beberapa kes untuk memastikan kejelasan, konteks yang tepat dan dapat dibaca dengan lancar. Pembelajaran lanjut dalam bahan sumber amat disyorkan.

Ilustrasi dan muka depan: Gereja Itali, Misi Cote D'Ivoire, Gereja Prague, H. Cibalde. Diterjemah oleh Yulin L.G

Hakcipta @ 2026 oleh Persidangan Konferens Seventh Day Adventist Gerakan Pembaharuan, Jabatan Sekolah Sabat, 5240 Hollins Road, Roanoke, Virginia 24019, USA. Telefon: 1-540-362-1800 • Web: www.sdarm.org • E-mail: info@sdarm.org

Pelajaran Alkitab Sabat (USPS 005-118), Vol. 102, No. 2, April - June 2026. Diterbitkan setiap suku tahun oleh Persidangan Konferens Seventh Day Adventist Gerakan Pembaharuan, Jabatan Sekolah Sabat. Dicetak dan diedarkan oleh Reformation Herald Publishing Association, 5240 Hollins Road, Roanoke, Virginia 24019-5048, U.S.A. Pos berkala dibayar di Roanoke, Virginia 24022-9993.

U.S.A. dan Kanada

Hubungi: Telefon 1-540-366-9400 • Website: www.reformationherald.com • E-mail: info@reformationherald.org

Langganan tahunan di U.S.A.: U.S. \$22.00. Cetakan besar \$33.00. Antarabangsa \$21.00 termasuk penghantaran. Cetakan besar antarabangsa \$31.00 termasuk penghantaran. Naskhah tunggal \$6.00. Cetakan besar \$9.00. Sila hantar permintaan dan pembayaran langganan (dalam mata wang A.S. sahaja) ke alamat di bawah. Harga tertakluk kepada perubahan tanpa notis.

POSTMASTER, sila hantar perubahan alamat kepada: Sabbath Bible Lessons, P. O. Box 7240, Roanoke, VA 24019-0240.

Australia

Hubungi: Telefon 61-2-9627-7553 • Website: www.sdarm.org.au

• E-mail: info@sdarm.org.au

Langganan tahunan di Australia dan New Zealand: AU \$34.00 (salinan individu \$8.50). Negara lain, AU \$34.00 termasuk penghantaran. Sila hantar permintaan dan pembayaran langganan (dalam mata wang Austral-ia) ke alamat: Sabbath Bible Lessons, P.O. Box 132, Riverstone NSW 2765, Australia.

Kata Pengantar

Alkitab telah ditulis dan dipelihara secara ilahi sebagai pedoman yang diilhamkan bagi kita. Kisah-kisah yang terkandung di dalamnya memberikan pengajaran yang tidak terkira banyaknya untuk kehidupan pribadi kita dan masa di mana kita hidup. Catatan tentang pekerjaan Tuhan melalui sejarah bangsa-bangsa dan umat-Nya ini mendorong kita dan meyakinkan kita akan kasih-Nya. Dan kesaksiannya yang paling berharga—catatan tentang kehidupan dan perkabaran Yesus—membangkitkan kasih kepada Tuhan dalam diri kita, “kerana Dia lebih dahulu mengasihi kita” (1 Yohanes 4:19).

Salah satu aspek yang menakjubkan tentang Tuhan kita yang terdapat dalam Alkitab ialah pengetahuan-Nya—Dia dapat melihat “dari mulanya hal yang kemudian” (Yesaya 46:10). Ini membolehkan Dia menggunakan kuasa-Nya yang tidak terbatas untuk mengerjakan “segala sesuatu ... mendatangkan kebaikan bagi mereka yang mengasihi Dia” (Roma 8:28). Bukan hanya ini, tetapi dari waktu ke waktu Dia memilih untuk mengungkapkan kepada umat-Nya “apa yang harus segera terjadi” (Wahyu 1:1). Ini memberi kita keyakinan akan kasih-Nya dan pemeliharaan-Nya, dan merupakan salah satu bukti inspirasi ilahi Alkitab. Fakta bahawa nubuatan digenapi secara konsisten dalam lembaran sejarah dan penyingkapan peristiwa terkini menunjukkan bahawa firman Tuhan lebih daripada ciptaan manusia.

Nubuatan adalah sangat penting bagi anak-anak Tuhan. Berkat-Nya diucapkan kepada orang yang “membacakan, dan mereka yang mendengarkan kata-kata nubuat ini, dan yang menuruti apa yang ada tertulis di dalamnya” (Wahyu 1:3).

Di antara tulisan para nabi, dua diantaranya menonjol kerana mengandungi ramalan terperinci dan sistematik tentang garis besar sejarah. Daniel dan Yohanes telah diamanahkan dengan perkabaran-perkabaran khusus ini, dan kitab-kitab mereka, kitab Daniel dan kitab Wahyu, menjadi fokus bagi Pelajaran Alkitab Sabat edisi kuartal ini.

Selama tiga bulan ke depan, pelajar sekolah Sabat akan mempelajari kisah Daniel dan Yohanes, dan beberapa bahagian penting nubuatan yang mereka catat. Ini memberikan kerangka untuk memahami perkabaran Advent dan gerakan rohani dan politik masa lalu dan sekarang.

Walaupun tidak cukup ruang untuk membahas setiap bahagian kedua-dua buku pada kuartal ini, para pelajar didorong untuk mempelajari lebih mendalam tentang keseluruhan kandungannya, beserta dengan hubungan dan pautan ke seluruh Alkitab.

Salah satu sumber terbaik yang tersedia untuk kedua-dua pelajar dan guru sekolah Sabat dalam memahami perincian nubuatan ini adalah buku klasik oleh Uriah Smith, *Thoughts on Daniel and the Revelation*. Kami sangat mengesyorkannya sebagai alat bantu untuk belajar sepanjang kuartal ini.

Kami berdoa semoga anda diberkati melalui pembelajaran nubuatan-nubuatan ini, kerana sesungguhnya “waktunya sudah dekat” (Wahyu 1:3).

Jabatan Sekolah Sabat Konferens Umum

Sabat, 4 April 2026

Persembahan Sabat Pertama

Ibu Pejabat untuk Wilayah Itali

Itali, sebuah negara yang indah terletak di tengah-tengah Laut Mediterranean, terkenal di seluruh dunia dengan sejarah purba, seni yang tiada tandingan, masakan yang lazat, dan pemandangan yang menakjubkan. Selain menjadi salah satu destinasi pelancongan utama dunia, ia juga merupakan pengeluar industri dan pertanian yang penting. Dengan lebih 60 juta penduduk, Itali menjamin kebebasan beragama melalui Perlembagaannya. Walau bagaimanapun, Katolik kekal sebagai kepercayaan utama dengan 74% penduduk, diikuti oleh Kristian bukan Katolik sebanyak 9.3%, dan—disebabkan aliran migrasi baru-baru ini—kehadiran Islam yang semakin meningkat pada masa ini mencapai 3.6%. Ini diikuti oleh minoriti agama lain, ditambah dengan ateisme dan agnostik yang semakin meningkat juga.

Perkabaran SDA Gerakan Pembaharuan telah dikhotbahkan buat pertama kali di Itali pada tahun 1926, namun tidak sampai 1939/40 kelompok-kelompok Pembaharu pertama dibentuk. Bermula tahun 1990-an, dengan kedatangan beberapa misionari dari Amerika Selatan, Portugal dan kemudian Romania, pekerjaan itu berkembang dengan pembentukan kelompok-kelompok lain di pelbagai bahagian negara. Sejak itu, perkaraban itu telah diberitakan dengan tekun dan telah didirikan di pelbagai tempat di dalam wilayah itu; hari ini kita mempunyai lebih daripada 130 anggota yang tersebar di antara 6 gereja, dua kelompok, dan anggota-anggota yang terpencil.

Pada masa ini kami hanya mempunyai satu bangunan gereja, terletak di timur laut jauh negara ini, di bandar Trieste. Namun, kami melihat keperluan mendesak untuk ruang strategik yang berfungsi sebagai tonggak kekuatan dan pertumbuhan rohani untuk rakyat kita.

Ruang ini akan menjadi ibu pejabat Lapangan -dan lokasi geografinya yang berpusat akan membolehkan sejumlah besar saudara menyertai aktiviti yang direncanakan, seperti latihan misionari golongan muda melalui seminar, program muzik, projek misionari yang berfokus pada persidangan kesihatan, dan kelas memasak berasaskan tumbuhan. Kami percaya bahawa tempat ini akan menjadi asas untuk memajukan pekerjaan Tuhan di Itali, jadi kami mengundang saudara, saudari, dan rakan-rakan kami dari seluruh dunia untuk bermurah hati menyokong inisiatif ini melalui persembahan mereka.

Dengan kasih karunia Yesus dan dengan kerjasama anda, kami akan mencapai tujuan ini, mengukuhkan penginjilan di negara ini, dan membawa perkabaran keselamatan kepada lebih banyak jiwa. Semoga Tuhan memberkati anda dan memberi ganjaran yang berkelimpahan!

Saudara-saudara anda dari Wilayah Itali

Pengenalan kepada Nubuatan

AYAT HAFALAN: "Dengan demikian kami makin diteguhkan oleh firman yang telah disampaikan oleh para nabi. Alangkah baiknya kalau kamu memperhatikan pelita yang bercahaya di tempat yang gelap sampai fajar menyinsing dan bintang timur terbit bersinar di dalam hatimu." (2 Petrus 1:19)

Cadangan Bacaan: *The Great Controversy*, pp. 593–602.

"Sejarah dan nubuatan bersaksi bahawa Tuhan seluruh bumi mengungkapkan rahsia-rahsia melalui pembawa terang pilihan-Nya kepada dunia."—*Bible Training School*, December 1, 1912.

1. FIKIRAN TIDAK TERBATAS

AHAD, 29 MAC

a. Apakah yang hanya dapat dilihat oleh Tuhan? Yesaya 46:9, 10.

"AKU ADALAH bermaksud hadirat yang kekal; masa lalu, sekarang, dan masa depan adalah sama bagi Tuhan. Dia melihat peristiwa-peristiwa paling jauh dalam sejarah masa lalu, dan masa depan yang jauh dengan visi yang jelas sebagaimana kita melakukan hal-hal yang berlaku setiap hari."—*The SDA Bible Commentary*, vol. 1, p. 10991.

b. Apakah yang Tuhan kita lakukan dengan pengetahuan ini? Daniel 2:20–22.

"Di atas segala gangguan dunia [Tuhan] bersemayam di atas takhta; segala sesuatu terbuka kepada pemeriksaan ilahi-Nya; dan dari kekekalan-Nya yang agung dan tenang Dia memerintahkan apa yang menurut kebijaksanaan-Nya adalah yang terbaik."—*The Ministry of Healing*, p. 417.

"Dalam catatan tahunan sejarah manusia, pertumbuhan bangsa-bangsa, kebangkitan dan kejatuhan kerajaan-kerajaan, kelihatan seolah-olah bergantung pada kehendak dan kekuatan manusia; pembentukan peristiwa kelihatannya, sebahagian besar, ditentukan oleh kekuasaan, cita-cita, atau keinginan manusia. Tetapi dalam firman Tuhan, tirai itu disingkirkan, dan kita melihat, di atas, di belakang, dan melalui semua permainan dan kuasa manusia, dan melalui semua permainan dan pertentangan antara kepentingan kekuasaan, dan nafsu manusia, yang merupakan kekuatan dari Yang Maha Pengasih, secara senyap, dan sabar melaksanakan rencana-rencana menurut kehendak-Nya sendiri."—*Prophets and Kings*, pp. 499, 500.

- a. Apakah yang Tuhan lakukan apabila bersedia untuk melaksanakan kehendak-Nya di bumi? Amos 3:7; Wahyu 1:1.**
-

“Tuhan ALLAH tidak berbuat sesuatu tanpa menyatakan keputusan-Nya kepada hamba-hamba-Nya, para nabi.’ Sementara ‘hal-hal yang tersembunyi ialah bagi Tuhan, Allah kita,’ ‘hal-hal yang dinyatakan ialah bagi kita dan bagi anak-anak kita sampai selama-lamanya.’ Amos 3:7; Ulangan 29:29. Tuhan telah memberikan perkara-perkara ini kepada kita, dan berkat-Nya akan menyertai pembelajaran kitab suci nubuatan dengan penuh hormat dan doa.”—*The Desire of Ages*, p. 234.

- b. Mengapakah Tuhan memberikan perkhabaran seperti itu kepada kita? 1 Yohanes 3:1; Yohanes 1:12; Kolose 1:25–28.**
-

“Alkitab adalah sebuah buku yang luar biasa. Alkitab adalah sejarah yang membukakan kepada kita sejarah berabad-abad yang lalu. Tanpa Alkitab, kita hanya akan bergantung kepada sangkaan dan dongeng-dongeng mengenai peristiwa-peristiwa pada masa lalu. Nubuatanlah yang menyingkapkan masa depan. Firman Tuhan yang menyingkapkan kepada kita rencana keselamatan, menunjukkan jalan bagi kita untuk melepaskan diri dari kematian kekal dan memperoleh kehidupan kekal. Daripada semua buku yang membanjiri dunia, betapapun berharganya, Alkitab adalah Kitab dari segala buku, yang paling layak kita pelajari dan kagumi. Kitab bukan sahaja memberikan sejarah dunia ini tetapi penerangan tentang dunia yang akan datang. Alkitab mengandungi pengajaran mengenai keajaiban alam semesta, ia mengungkapkan kepada pemahaman kita sifat Pencipta langit dan bumi. Di dalamnya terdapat wahyu Allah kepada manusia.” —*The Signs of the Times*, January 30, 1893.

- c. Apakah pengetahuan yang paling penting untuk kita cari? Yeremia 9:23, 24; Yohanes 17:3; Efesus 3:17–19.**
-

“Dalam firman Tuhan, pikiran menemukan subjek bahasan untuk pemikiran yang paling dalam, cita-cita tertinggi. Di sini kita boleh bersekutu dengan para bapa leluhur dan para nabi, dan mendengar suara Yang Maha Kekal ketika Dia berbicara dengan manusia. Di sini kita melihat Keagungan syurga ketika Dia merendahkan diri-Nya untuk menjadi pengganti dan penjamin kita untuk menghadapi kuasa kegelapan seorang diri dan meraih kemenangan bagi kita. Perenungan yang penuh hormat terhadap tema-tema seperti ini pasti melembutkan, memurnikan, dan memuliakan hati, dan, pada masa yang sama, untuk membangkitkan fikiran dengan kekuatan dan semangat baru.”—*Testimonies for the Church*, vol. 5, p. 25.

- a. Apakah bantuan yang kita perlukan untuk memahami Kitab Suci, termasuk nubuatan? Yohanes 16:7–13.**
-

“Tuhan bermaksud bahawa, walaupun dalam kehidupan ini, kebenaran akan sentiasa terungkap kepada umat-Nya. Hanya ada satu cara untuk memperolehi pengetahuan ini. Kita dapat memahami firman Tuhan hanya melalui penerangan Roh Kudus yang dengannya firman itu diberikan.”—*Testimonies for the Church*, vol. 5, p. 703.

“Alkitab tidak boleh dipelajari tanpa doa. Sebelum membuka halamannya, kita harus memohon pencerahan Roh Kudus, dan itu akan diberikan. Ketika Natanael datang kepada Yesus, Juruselamat berseru, ‘Lihat, inilah seorang Israel sejati, tidak ada kepalsuan di dalamnya!’ Kata Natanael, ‘Bagaimana Engkau mengenal aku?’ Jawab Yesus, ‘Sebelum Filipus memanggil engkau, Aku telah melihat engkau di bawah pohon ara.’ Yohanes 1:47, 48. Dan Yesus juga akan melihat kita di tempat-tempat yang tersembunyi jika kita mencari Dia untuk memperoleh terang agar kita dapat mengetahui kebenaran. Malaikat-malaikat dari dunia terang akan bersama mereka yang dengan rendah hati mencari petunjuk ilahi.”—*Steps to Christ*, p. 91.

- b. Mengapakah penting untuk tidak sembarangan mengikut pendapat kita sendiri ketika mempelajari nubuatan? 2 Petrus 1:19–21.**
-

“Dalam pembelajaran kamu tentang firman, tinggalkan prasangka kamu dan idea-idea turun-temurun yang telah kamu tanamkan di pintu hatimu. Kamu tidak akan pernah mencapai kebenaran jika kamu mempelajari Kitab Suci untuk mempertahankan pendapat kamu sendiri. Tinggalkan semua ini di luar pintu, dan dengan hati yang penuh penyesalan, masuklah untuk mendengarkan apa yang Tuhan ingin sampaikan kepadamu. Ketika pencari kebenaran yang rendah hati duduk di kaki Kristus, dan belajar tentang Dia, firman itu memberinya pengertian. Kepada mereka yang terlalu bijak dalam kesombongan mereka sendiri sehingga tidak mahu mempelajari Alkitab, Kristus berkata, Kamu harus menjadi lemah lembut dan rendah hati jika kamu ingin menjadi bijak untuk memperoleh keselamatan.

Jangan membaca firman berdasarkan pendapat-pendapat lama; tetapi, dengan fikiran yang bebas daripada prasangka, selidiki dengan teliti dan berdoa. Jika, saat kamu membaca, keyakinan datang, dan kamu melihat bahawa pendapat-pendapat yang kamu hargai tidak selaras dengan firman, jangan mencuba menyesuaikan firman dengan pendapat-pendapat ini. Sesuaikan pendapat-pendapat kamu dengan firman. Jangan biarkan apa yang kamu percaya atau amalkan pada masa lalu mengendali pemahamanmu. Bukalah mata fikiranmu untuk melihat hal-hal menakjubkan yang berasal dari hukum. Carilah apa yang tertulis, lalu letakkan kakimu di atas Batu yang kekal.”—*Messages to Young People*, p. 260.

a. Bagaimanakah Tuhan menyampaikan firman-Nya, dan bagaimana kita harus mempelajarinya? Yesaya 28:9, 10.

“Bukti kebenaran firman Tuhan adalah dalam firman itu sendiri. Kitab Suci adalah kunci yang membuka kunci kitab suci. Makna yang mendalam dari kebenaran firman Tuhan diungkapkan kepada fikiran kita oleh Roh-Nya.”—*Testimonies for the Church*, vol. 8, p. 157.

“Tidak seorang pun yang ada perasaan untuk menghargai pengajarannya dapat membaca satu bahagian dari Alkitab tanpa memperoleh pemikiran yang bermanfaat daripadanya. Tetapi pengajaran Alkitab yang paling berharga bukanlah diperoleh dengan belajar sekali-sekala atau terputus-putus. Sistem kebenaran yang agung tidak disampaikan sedemikian rupa sehingga dapat difahami oleh pembaca yang terburu-buru atau sembarangan. Banyak kekayaannya tersembunyi jauh di dalamnya, dan hanya dapat diperoleh dengan penelitian yang tekun dan usaha yang berterusan. Kebenaran-kebenaran yang akan membentuk keseluruhan yang agung harus diteliti dan dikumpulkan, ‘tambah ini, dan tambah itu!’ Yesaya 28:10.

“Ketika diteliti dan dikumpulkan, mereka akan menemukan bahawa semuanya saling berkaitan antara satu sama lain. Setiap Injil merupakan pelengkap bagi injil yang lain, setiap nubuatan merupakan penjelasan bagi nubuatan lainnya, setiap kebenaran merupakan perkembangan dari kebenaran lain. Jenis-jenis ekonomi Yahudi dinyatakan dengan jelas oleh Injil. Setiap prinsip dalam firman Tuhan ada tempatnya, setiap fakta ada kaitannya. Dan struktur keseluruhannya, dalam reka bentuk dan pelaksanaannya, memberikan kesaksian tentang Pencipta. Struktur sedemikian hanya dapat dibayangkan atau dibentuk oleh fikiran Yang Maha Tidak Terbatas.”—*Education*, pp. 123, 124.

b. Mengapakah setiap bahagian Alkitab itu penting? Matius 4:4, Lukas 24:27.

“Kita tidak sepatutnya mengambil kesaksian orang siapa pun tentang apa yang diajarkan Kitab Suci, tetapi hendaklah kita sendiri yang mempelajari firman Tuhan. . . . Fikiran akan berkembang jika digunakan dalam menelusuri hubungan antara subjek-subjek dalam Alkitab, membandingkan ayat dengan ayat dan hal-hal rohani dengan kerohanian. . . .

“Kita tidak dapat memperoleh hikmat tanpa perhatian yang sungguh-sungguh dan pembelajaran yang disertai doa. Beberapa bahagian Kitab Suci memang terlalu jelas untuk disalahfahami, tetapi ada bahagian lain, yang maknanya susah difahami untuk dilihat sekilas pandang. Ayat alkitab harus dibandingkan dengan ayat alkitab yang lain. Perlu ada pembelajaran yang teliti dan perenungan dengan penuh doa. Dan pembelajaran demikian akan berhasil dengan berlimpah. Sebagaimana pelombong menemukan urat-urat logam berharga yang tersembunyi di bawah permukaan bumi, demikian pula orang yang dengan tekun menyelidiki firman Tuhan seperti mencari harta tersembunyi akan menemukan kebenaran yang paling berharga, yang tersembunyi dari pandangan pencari yang lalai. Kata-kata inspirasi, direnungkan dalam hati, akan menjadi seperti sungai yang mengalir dari mata air kehidupan.”—*Steps to Christ*, pp. 89–91.

- a. Bagaimanakah sikap dan pilihan kita mempengaruhi kemampuan kita untuk memahami maksud nubuatan itu? Daniel 12:10; 2 Timotius 3:1–8.
-

“Semangat yang kamu bawa ketika menyelidiki Kitab Suci akan menentukan sifat pembantu di sisimu. Malaikat dari dunia terang akan bersama mereka yang dalam kerendahan hati mencari bimbingan ilahi. Tetapi jika Alkitab dibuka dengan sikap tidak hormat, merasakan diri cukup, jika hati dipenuhi dengan prasangka, Setan berada di sampingmu, dan dia akan memutarbalikkan pernyataan firman Tuhan yang jelas.” — *Testimonies to Ministers*, p. 108.

“Setan telah menyebabkan ramai orang percaya bahawa bahagian-bahagian nubuatan dalam tulisan Daniel dan Yohanes penyingkap wahyu tidak dapat difahami. Tetapi janjinya jelas bahawa berkat istimewa akan menyertai pembelajaran nubuatan-nubuatan ini.”—*Prophets and Kings*, p. 547.

- b. Jelaskan kepentingan penerapan kebenaran secara peribadi. Wahyu 22:7; Matius 7:24–27; Yohanes 7:17.
-

“Orang yang lemah lembut dibimbing oleh Tuhan, kerana mereka mudah diajar, bersedia untuk diajar. Mereka mempunyai keinginan yang tulus untuk mengetahui dan melakukan kehendak Tuhan. Janji Juruselamat ialah, ‘Barangsiapa mau melakukan kehendak-Nya, ia akan tahu ajaran itu.’ Yohanes 7:17. Dan Dia menyatakan melalui rasul Yakobus, ‘Tetapi apabila di antara kamu ada yang kekurangan hikmat, hendaklah ia memintakannya kepada Allah,— yang memberikan kepada semua orang dengan murah hati dan dengan tidak membangkit-bangkit; -- maka hal itu akan diberikan kepadanya.’ Yakobus 1:5. Namun janji-Nya hanya kepada mereka yang bersedia mengikuti Tuhan sepenuhnya.”—*Patriarchs and Prophets*, p. 384.

“Jika kamu ingin mengetahui rahasia kesalehan, kamu harus mengikuti firman kebenaran yang jelas—baik ada perasaan atau tidak, emosi atau tidak. Ketaatan harus diberikan berdasarkan prinsip, dan hak itu mesti diperjuangkan dalam semua keadaan.”—*Fundamentals of Christian Education*, p. 125.

SOALAN-SOALAN SEMAKAN PERIBADI JUMAAT, 3 APRIL

1. Dari segi pengetahuan, bagaimanakah Tuhan membezakan diriNya dari semua makhluk lain?
2. Apakah yang Tuhan nyatakan kepada kita dalam tulisan para nabi, dan mengapa?
3. Ketika kita membuka Firman Tuhan, untuk bantuan apakah kita harus berdoa?
4. Seberapa besar usaha yang harus saya laburkan dalam mempelajari Alkitab?
5. Adakah saya bersedia untuk menerapkan apa yang saya temui dalam Firman Tuhan?

Utusan Tuhan kepada Raja-raja

AYAT HAFALAN: “Kepada keempat orang muda itu, Allah memberikan pengetahuan dan kepandaian tentang berbagai-bagai tulisan dan hikmat, sedang Daniel juga mempunyai pengertian tentang berbagai-bagai penglihatan dan mimpi.” (Daniel 1:17).

Cadangan Bacaan: *Prophets and Kings*, pp. 479–490.

“Kehidupan Daniel dan kawan-kawannya merupakan bukti tentang apa yang akan Dia lakukan bagi mereka yang menyerahkan diri kepada-Nya dan dengan segenap hati berusaha untuk mencapai tujuan-Nya.”—*Prophets and Kings*, p. 490.

1. TAWANAN DI BABILON

AHAD, 5 APRIL

a. Bagaimanakah Daniel dapat berada di Babilon? Daniel 1:1–7.

b. Apakah akibat keputusan Daniel tentang makan dari meja raja? Daniel 1:8–16.

“(A) Sebahagian dari makanan itu telah dipersembahkan kepada berhala, makanan dari meja raja diabdikan untuk penyembahan berhala; dan seseorang yang memakannya akan dianggap sebagai memberi penghormatan kepada dewa-dewa Babilon. Dalam penghormatan sedemikian, kesetiaan kepada Yehuwa melarang Daniel dan kawan-kawannya untuk bergabung. . . .

“Mereka juga tidak berani mengambil risiko kesan buruk daripada kemewahan dan pemborosan terhadap perkembangan fizikal, mental dan rohani.”—*Prophets and Kings*, pp. 481, 482.

“Ketika Daniel dan kawan-kawannya diuji, mereka sepenuhnya berpihak kepada kebenaran dan kesetiaan. Mereka tidak bertindak sembarangan, tetapi dengan bijaksana. Mereka memutuskan bahawa makanan daging tidak pernah menjadi bahagian dari makanan mereka pada masa lalu, mereka juga tidak mau memakannya (daging) pada masa mendatang. Dan kerana penggunaan wain (anggur beralkohol) telah dilarang kepada semua orang yang terlibat dalam pelayanan Tuhan, mereka memutuskan untuk tidak meminumnya.”—*In Heavenly Places*, p. 261.

c. Jelaskan percobaan dan pemeriksaan yang dilakukan oleh raja. Daniel 1:17–21.

- a. Di bawah ancaman kematian, bagaimana orang Ibrani diuji mengenai kesetiaan mereka terhadap hukum kedua? Daniel 3:1–15.
-

“Tidak semua orang berlutut di hadapan simbol penyembahan berhala kekuasaan manusia. Di tengah-tengah orang banyak yang menyembah itu, ada tiga orang yang teguh pendiriannya untuk tidak menghina Tuhan surga. Tuhan mereka ialah Raja segala raja dan Tuhan segala tuan; mereka tidak akan tunduk kepada yang lain.”—*Prophets and Kings*, p. 506.

- b. Bagaimanakah mereka dapat mempertahankan iman dan ketaatan mereka? Daniel 3:16–18; Yesaya 43:1, 2.
-

"Ancaman raja itu sia-sia. Dia tidak mampu mengalihkan orang-orang itu dari kesetiaan mereka kepada Penguasa alam semesta. Dari sejarah nenek moyang mereka, mereka telah belajar bahwa ketidaktaatan kepada Tuhan mengakibatkan kehinaan, malapetaka, dan kematian; dan bahwa takut akan Tuhan adalah permulaan hikmat, dasar dari segala kemakmuran sejati. Dengan tenang menghadap tungku api, mereka berkata, "Tidak ada gunanya kami memberi jawab kepada tuanku dalam hal ini. Jika Allah kami [jika inilah keputusanmu], yang kami puja sanggup melepaskan kami dari perapian yang menyala-nyala, dan dari dalam tanganmu, ya raja.' Iman mereka semakin teguh ketika mereka menyatakan bahawa Allah akan dimuliakan dengan melepaskan mereka, dan dengan jaminan kemenangan yang lahir dari kepercayaan sepenuhnya kepada Tuhan, 'Tetapi seandainya tidak, hendaklah tuanku mengetahui, ya raja, bahwa kami tidak akan memuja dewa tuanku, dan tidak akan menyembah patung emas yang tuanku dirikan itu.' ” —*Ibid.*, pp. 507, 508.

- c. Bagaimanakah Tuhan dimuliakan dalam pembebasan mereka? Daniel 3:19, 20, 24–28.
-

“Dari takhta diraja, raja memandang, mengharapkan untuk melihat orang-orang yang telah menentanginya dihancurkan sama sekali. Tetapi perasaan kemenangannya tiba-tiba berubah. . . . Dalam bentuk yang keempat di tengah-tengah api itu raja mengenali Anak Allah. . . .

“Dan kini, kebesaran dan martabatnya sendiri dilupakan, Nebukadnezar diturunkan dari takhtanya. . . .

“Kemudian Sadrakh, Mesakh dan Abednego tampil di hadapan orang banyak itu, menunjukkan diri mereka tidak terluka. . . . Patung emas besar yang didirikan dengan kemegahannya telah dilupakan, ditubuhkan dengan kemegahan sedemikian. Di hadapan Tuhan yang hidup, manusia takut dan gementar.—*Ibid.*, pp. 509, 510.

a. Bagaimanakah Tuhan berbicara kepada raja Nebukadnezar? Daniel 4:4–7.

“Tidaklah menghairankan bahawa raja yang sukses, yang bercita-cita tinggi dan sangat sombong, tergoda untuk menyimpang dari jalan kerendahan hati, yang hanya membawa kepada kehebatan sejati. . . . Dalam belas kasihan, Allah memberikan raja mimpi lain, untuk memperingatkan dia tentang bahaya yang akan mengancamnya dan jerat yang telah dipasang untuk menghancurkannya.” —*Prophets and Kings*, p. 515.

b. Ketika Daniel akhirnya dipanggil untuk menafsirkan mimpi itu, apakah nasihatnya kepada raja? Daniel 4:20–27.

“Bagi Daniel makna mimpi itu jelas, dan maknanya mengejutkannya. . . . Nabi itu menyadari bahawa Tuhan telah meletakkan kepadanya tugas yang mulia untuk menyatakan kepada Nebukadnezar hukuman yang akan menimpanya kerana kesombongan dan keangkuhannya.” —*Ibid.*, p. 517.

“Setelah dengan setia menafsirkan mimpi itu, Daniel mendesak raja yang sombong itu untuk bertobat dan berpaling kepada Tuhan, agar dengan melakukan hal yang benar, dia dapat menghindari malapetaka yang mengancam itu.” —*Ibid.*, p. 518.

c. Kerana terpaksa belajar melalui pengalaman yang sukar dan merendahkan diri, bagaimanakah raja dipimpin untuk memuliakan Tuhan melalui pelajaran Daniel? Daniel 4:34–37.

“Selama tujuh tahun Nebukadnezar menjadi bahan cerita yang mengheran bagi seluruh rakyatnya; selama tujuh tahun dia direndahkan di hadapan seluruh dunia. Kemudian akalinya dipulihkan dan, dengan rendah hati menengadah kepada Tuhan di surga, dia menyadari campur tangan ilahi dalam hukuman yang diterimanya. Dalam satu pernyataan umumnya, ia mengakui kesalahannya dan belas kasihan Tuhan yang besar dalam pemulihannya. . . .

“Raja yang dulunya sombong telah menjadi anak Tuhan yang rendah hati; pemerintah yang kejam, sombong, kini menjadi raja yang bijaksana dan berbelas kasihan. Dia yang telah menentang dan menghujat Tuhan di surga, kini mengakui kuasa Yang Mahatinggi dan dengan sungguh-sungguh berusaha untuk meningkatkan rasa takut akan Yehuwa dan kebahagiaan rakyatnya. . . .

“Tujuan Tuhan agar kerajaan terbesar di dunia harus menunjukkan pujian kepada-Nya kini telah digenapi. Pemberitaan umum ini, di mana Nebukadnezar mengakui belas kasihan dan kebaikan serta kekuasaan Tuhan, adalah tindakan terakhir dalam hidupnya yang tercatat dalam sejarah suci.” —*Ibid.*, pp. 520, 521.

- a. Apakah peristiwa mengejutkan yang secara tiba-tiba menghentikan Belsyazar, keturunan Nebukadnezar, dalam penentangannya yang menghujat terhadap Tuhan di surga? Daniel 5:1–6.**
-

“Diterima dalam kekuasaan kerajaan sejak pada masa mudanya, Belsyazar membanggakan kekuasaannya dan meninggikan hatinya melawan Tuhan di surga. Dia mempunyai banyak kesempatan untuk mengetahui kehendak ilahi dan memahami tanggungjawabnya untuk memberikan ketaatan kepadanya. Dia telah mengetahui tentang pengasingan datuknya, atas ketetapan Tuhan, ia harus menjauhi pergaulan manusia; dan dia mengetahui pertobatan dan pemulihan ajaib Nebukadnezar. Tetapi Belsyazar membiarkan cinta akan kesenangan dan keangkuhan diri menghilangkan pelajaran-pelajaran yang seharusnya tidak pernah ia lupakan.”—*Prophets and Kings*, pp. 522, 523.

- b. Bagaimanakah Daniel diutus sekali lagi untuk menyampaikan perkabaran Tuhan kepada seorang raja kafir? Daniel 5:8–16.**
-

“Nabi mula-mula mengingatkan Belsyazar tentang hal-hal yang telah dia ketahui, tetapi yang tidak mengajarnya pelajaran tentang kerendahan hati yang mungkin dapat menyelamatkannya. Dia bercakap tentang dosa dan kejatuhan Nebukadnezar, dan tentang urusan Tuhan dengan dia—kekuasaan dan kemuliaan yang dianugerahkan kepadanya, penghakiman ilahi atas kesombongannya, dan pengakuannya yang seterusnya akan kuasa dan belas kasihan Tuhan Israel; dan kemudian dengan kata-kata yang berani dan tegas dia menegur Belsyazar atas kejahatannya yang besar.”—*Ibid.*, p. 529.

- c. Bagaimanakah tafsiran Daniel digenapi pada malam itu? Daniel 5:17, 25–31.**
-

“Saat masih di dalam dewan pesta, dikelilingi oleh orang-orang yang nasibnya telah ditentukan, raja diberitahu oleh seorang utusan bahawa 'kotanya telah direbut' oleh musuh yang terhadap penipuannya ia merasa begitu aman. . . . Bahkan ketika dia dan para bangsawannya minum dari bejana-bejana suci Yehuwa, dan memuji dewa-dewa perak dan emas mereka, bangsa Media dan Persia, setelah mengalihkan aliran sungai Efrat, berbaris masuk ke pusat kota yang tidak dijaga. Tentera Koresh kini berdiri di bawah tembok istana; kota itu dipenuhi dengan tentera-tentera musuh, 'seperti ulat' (ayat 14); dan sorak sorai kemenangan mereka terdengar atas seruan keputusan orang-orang yang terdiam itu.”—*Ibid.*, p. 531.

- a. **Mengapa kesetiaan Daniel kepada Tuhan mengakibatkan penganiayaan? Daniel 6:1–5.**

“Penghormatan yang diberikan kepada Daniel menimbulkan kecemburuan para pemimpin kerajaan, dan mereka mencari alasan untuk menjatuhkan dia. . . .

“Tingkah laku Daniel yang tidak bercela masih menimbulkan kecemburuan musuh-musuhnya. . . .

“Kemudian para presiden dan putera-putera, setelah berunding bersama, merancang satu rencana yang mereka berharap dapat digunakan untuk menghancurkan nabi tersebut.” —*Prophets and Kings*, pp. 539, 540.

- b. **Apakah yang terjadi ketika Daniel menolak untuk goyah? Daniel 6:11–17.**

“Walaupun dia tahu sepenuhnya akibat dari kesetiannya kepada Tuhan, semangatnya tidak goyah. Di hadapan orang-orang yang merancang kehancurannya, dia tidak akan membiarkan walaupun kelihatan bahawa hubungannya dengan Surga terputus. Dalam semua kes di mana raja mempunyai hak untuk memerintah, Daniel akan taat; tetapi baik raja maupun perintahnya tidak dapat membuatnya menyimpang dari kesetiaan kepada Raja segala raja.” —*Ibid.*, p. 542.

- c. **Bagaimanakah Tuhan dimuliakan sekali lagi melalui hamba-Nya? Daniel 6:19–23, 27.**

“Tuhan tidak mencegah musuh-musuh Daniel daripada melemparkannya ke dalam gua singa; Dia mengizinkan malaikat-malaikat jahat dan orang-orang jahat untuk mencapai tujuan mereka; namun hal itu dilakukan agar Dia dapat menjadikan pembebasan hamba-Nya lebih nyata, dan kekalahan musuh-musuh kebenaran dan keadilan lebih sempurna. ‘Sesungguhnya amarah manusia akan menjadi syukur bagi-Mu’ (Mazmur 76:10), pemazmur telah bersaksi. Melalui keberanian satu orang ini yang memilih untuk mengikuti yang benar daripada peraturan, Setan harus dikalahkan, dan nama Tuhan harus ditinggikan dan dihormati.” —*Ibid.*, pp. 543, 544.

SOALAN-SOALAN SEMAKAN PERIBADI JUMAAT 10 APRIL

1. Bagaimanakah kita dapat mencontohi pilihan bijak empat orang Ibrani hari ini?
2. Bagaimanakah mungkin melalui ujian dapat membuatkan kita lebih kuat dan membuka pintu untuk kesaksian kepada dunia?
3. Apakah pelajaran yang dipelajari oleh Raja Nebukadnezar yang membawa kepada pertobatannya?
4. Apakah yang dapat dipelajari oleh para pemimpin masa kini daripada malam terakhir Belsyazar di Babilon?
5. Bagaimanakah kisah Daniel dapat menyemangati umat Tuhan menghadapi penganiayaan?

Empayar Masa Depan Terungkap

AYAT HAFALAN: “Dia mengubah saat dan waktu; Dia memecat raja dan mengangkat raja; Dia memberikan hikmat kepada orang bijaksana dan pengetahuan kepada orang yang berpengertian” (Daniel 2:21).

Cadangan Bacaan: *Prophets and Kings*, pp. 491–502.

“Kekuatan bangsa-bangsa, sebagai individu, tidak ditemukan dalam kesempatan atau fasiliti yang kelihatannya menjadikan mereka tidak dapat dikalahkan; itu tidak terdapat dalam kehebatan mereka yang mereka banggakan. Itu diukur dalam kesetiaan mereka dalam memenuhi tujuan Tuhan.”—*Prophets and Kings*, p. 502.

1. MIMPI YANG MENAKJUBKAN

AHAD, 12 APRIL

a. Apakah arahan raja Nebukadnezar setelah terbangun dari mimpi yang menggelisahkan? Daniel 2:1, 2.

b. Apakah respon para penasihat raja terhadap permintaannya yang aneh? Daniel 2:3–7.

“Raja tahu bahawa jika mereka benar-benar boleh memberitahu tafsirannya, mereka boleh memberitahu mimpi itu juga. Tuhan dalam pemeliharaan-Nya telah memberikan mimpi ini kepada Nebukadnezar, dan telah menyebabkan hal-hal tersebut dilupakan, sementara kesan yang menakutkan itu tertanam dalam fikirannya, untuk menyatakan kepura-puraan orang-orang bijaksana di Babel.”—*The Sanctified Life*, p. 34.

c. Walaupun mereka mengakui mempunyai hubungan dengan dunia roh dan kehidupan setelah kematian, apakah yang diakui oleh orang-orang bijaksana Babilon ini? Daniel 2:8–11.

“Dipenuhi dengan ketakutan akan akibat kegagalan mereka, para ahli sihir berusaha untuk menunjukkan kepada raja bahawa permintaannya tidak masuk akal dan ujian yang dihadapinya melebihi apa yang pernah dituntut oleh manusia mana pun.”—*Prophets and Kings*, p. 492.

- a. Bagaimanakah reaksi raja terhadap kegagalan orang-orang bijaksana untuk menyingkapkan dan menafsirkan mimpinya, dan bagaimana Daniel terlibat? Daniel 2:12–16.
-

“Di antara mereka yang dicari oleh para petugas yang bersedia untuk memenuhi persyaratan perintah raja, ialah Daniel dan kawan-kawannya. Ketika diberitahu bahwa menurut perintah itu mereka juga harus mati, ‘dengan cerdas dan bijaksana’ Daniel bertanya kepada Ariokh, ketua pasukan pengawal raja, ‘Mengapa titah yang begitu keras ini dikeluarkan oleh raja?’ Ariokh menceritakan kepadanya kisah kebingungan raja atas mimpinya yang menggelisahkan, dan kegagalannya untuk mendapatkan pertolongan dari orang-orang yang dia percaya sepenuhnya. Setelah mendengar hal itu, Daniel, dengan mempertaruhkan nyawanya, memberanikan diri menghadap raja dan memohon agar diberikan waktu, agar dia dapat memohon kepada Tuhannya untuk mengungkapkan kepadanya mimpi dan tafsirannya.

“Raja menyetujui permintaan ini. ‘Kemudian pulanglah Daniel dan memberitahukan hal itu kepada Hananya, Misael, dan Azarya, teman-temannya.’ Bersama-sama mereka mencari hikmat dari Sumber terang dan pengetahuan. Iman mereka teguh didasarkan pada keyakinan bahawa Tuhan telah menempatkan mereka di mana mereka berada, bahawa mereka sedang melakukan pekerjaan-Nya dan memenuhi tuntutan tugas.”—*Prophets and Kings*, p. 493.

- b. Apakah yang dapat kita pelajari daripada cara Daniel dan teman-temannya berdoa pada peristiwa ini? Daniel 2:17–23.
-

“Pada masa kebingungan dan bahaya [Daniel dan sahabat-sahabatnya] sentiasa berpaling kepada [Tuhan] untuk bimbingan dan perlindungan, dan Dia telah membuktikan pertolongan yang sentiasa ada. Sekarang dengan penyesalan hati mereka menyerahkan diri mereka kembali kepada Hakim bumi, memohon agar Dia akan memberikan pembebasan kepada mereka pada masa mereka yang sangat memerlukan ini. Dan mereka tidak merayu dengan sia-sia. Tuhan yang mereka hormati, kini memuliakan mereka. Roh Tuhan turun ke atas mereka, dan kepada Daniel, ‘dalam penglihatan malam,’ dinyatakan mimpi raja dan maknanya.”—*Ibid.*, pp. 493, 494.

“[Empat orang Ibrani] tidak mencari belas kasihan Tuhan dengan sia-sia. Kemudian Daniel memanggil kawan-kawannya, dan mengucapkan syukur kepada Tuhan kerana doa-doa mereka telah didengar dan dikabulkan, dan mereka mempersembahkan kepada Tuhan persembahan pujian dan kesyukuran, yang sepenuhnya diterima oleh Penguasa alam semesta. [Daniel 2:20–22 dipetik]. Daniel dan kawan-kawannya mengadakan pertemuan pujian, dan seluruh alam semesta di surga bersatu dengan mereka dalam ucapan syukur.”—*The Youth’s Instructor*, November 22, 1894.

- a. Bagaimanakah Daniel berbicara kepada Nebukadnezar mengenai penyingkapan mimpinya? Daniel 2:24–30.**
-

“Lihatlah tawanan Yahudi, tenang dan memiliki keyakinan diri, di hadapan raja empayar paling berkuasa di dunia. Dalam kata-kata pertamanya, dia menolak kehormatan bagi dirinya sendiri dan meninggikan Tuhan sebagai sumber segala kebijaksanaan. Kepada pertanyaan raja yang mencemaskan, ‘Sanggupkah engkau memberitahukan kepadaku mimpi yang telah kulihat itu dengan maknanya juga?’ dia menjawab: ‘Rahasia yang ditanyakan tuanku raja, tidaklah dapat diberitahukan kepada raja oleh orang bijaksana, ahli jampi, orang berilmu atau ahli nujum. Tetapi di sorga ada Allah yang menyingkapkan rahasia-rahasia, Ia telah memberitahukan kepada tuanku raja Nebukadnezar apa yang akan terjadi pada hari-hari yang akan datang.’” —*Prophets and Kings*, pp. 494–497.

“Tawanan Yahudi itu berdiri di hadapan raja empayar yang paling berkuasa yang pernah disinari matahari. Walaupun dia kaya dan mulia, Nebukadnezar berada dalam kesusahan yang besar, tetapi orang muda yang ditawan itu tenang dan bahagia di dalam Tuhan. Kemudian, jika memang ada, Daniel mempunyai kesempatan untuk meninggikan dirinya—untuk menonjolkan kebaikan dan kebijaksanaan yang unggul. Namun usaha pertamanya adalah untuk menolak segala kehormatan bagi dirinya sendiri, dan meninggikan Tuhan sebagai Sumber kebijaksanaan.” —*The Youth’s Instructor*, September 1, 1903.

- b. Jelaskan gambar yang dilihat raja dalam mimpinya. Daniel 2:31–33.**
-

“Mendengar dengan penuh perhatian, ketika setiap perkara diceritakan kembali, raja mengakui perkara ini sebagai mimpi yang sangat menggelisahnya; dan dia bersedia untuk menerima tafsiran itu.” —*Ibid.*

“Raja segala raja akan menyampaikan kebenaran agung kepada raja Babilon. Allah akan menyingkapkan bahawa Dia mempunyai kuasa ke atas kerajaan-kerajaan dunia, kuasa untuk menobatkan dan menurunkan takhta raja-raja. Pikiran Nebukadnezar harus dibangkitkan, jika mungkin, untuk merasakan tanggungjawabnya kepada Surga. Peristiwa-peristiwa yang akan datang, hingga ke akhir zaman, harus dibukakan di hadapannya.” —*Prophets and Kings*, p. 498.

- c. Apakah yang berlaku kepada patung itu ketika raja melihatnya? Daniel 2:34, 35.**
-

a. Apakah makna kepala patung yang diperbuat daripada emas? Daniel 2:36–38.

“Di bawah Raja Nebukadnezar, Babilon adalah kerajaan terkaya dan paling berkuasa di bumi. Kekayaan dan kemegahannya telah digambarkan oleh Inspirasi.” September 29, 1903.

b. Apakah kerajaan yang dilambangkan oleh logam-logam berikutnya? Daniel 2:39, 40.

“Nubuatan telah menelusuri kebangkitan dan perkembangan kerajaan-kerajaan besar dunia—Babilon, Medo-Persia, Yunani, dan Rom.”—*Prophets and Kings*, p. 535.

“Daniel . . . menyatakan kepada Nebukadnezar bahawa kerajaannya akan diganti. Kebesaran dan kekuasaannya di dunia Tuhan akan tiba masanya, dan kerajaan kedua akan muncul, yang juga akan mengalami masa ujiannya apakah kerajaan itu akan meninggikan satu-satunya Penguasa, satu-satunya Allah yang benar. Jika tidak melakukan hal ini, kemuliaannya akan pudar, dan kerajaan ketiga akan menggantikannya. Dibuktikan melalui ketaatan atau ketidaktaatan, ini juga akan berlalu; dan yang keempat, kuat seperti besi, akan menundukkan bangsa-bangsa di dunia. Ramalan dari Yang Tidak Terbatas ini, yang tercatat dalam kitab nubuatan dan ditelusuri dalam halaman-halaman sejarah, diberikan untuk menunjukkan bahawa Tuhan adalah penguasa dalam urusan dunia ini. Dia mengubah waktu dan musim, Dia menyingkirkan dan mengangkat raja-raja, untuk memenuhi tujuan-Nya sendiri.” —*The Youth's Instructor*, September 29, 1903.

“Babilon runtuh kerana dalam kemakmurannya dia melupakan Tuhan, dan menganggap kemuliaan kemakmurannya sebagai pencapaian manusia.

“Kerajaan Medo-Persia telah ditimpa oleh murka surga kerana dalam kerajaan ini hukum Allah diinjak-injak. Takut akan Tuhan tiada tempat dalam hati mereka. Pengaruh yang berlaku di Medo-Persia adalah kejahatan, penghujatan, dan kenajisan.

“Kerajaan-kerajaan yang muncul kemudiannya lebih buruk dan jahat. Mereka merosot kerana mereka meninggalkan kesetiaan mereka kepada Tuhan. Ketika mereka melupakan-Nya, mereka tenggelam lebih rendah dan semakin rendah dalam skala nilai moral.” —*Ibid.*, September 22, 1903.

c. Bagaimanakah kerajaan-kerajaan digambarkan oleh kaki dan jari-jari kaki yang unik? Daniel 2:41–43.

“Kedudukan kita dalam patung Nebukadnezar digambarkan oleh jari-jari kaki, dalam keadaan terbahagi, dan terbuat dari bahan yang rapuh, yang tidak akan dapat bersatu.”

5. KERAJAAN ALLAH YANG KEKAL KHAMIS, 16 APRIL

- a. Kerajaan apakah yang akan mengakhiri seluruh sistem kekuasaan dunia? Daniel 2:44, 45.
-

“Mimpi tentang patung besar itu, yang diperlihatkan kepada Nebukadnezar adalah peristiwa-peristiwa yang akan terjadi pada akhir zaman, telah diberikan agar dia dapat memahami peranan yang harus dia lakukan dalam sejarah dunia, dan hubungan yang harus dipertahankan oleh kerajaannya dengan kerajaan surga. Dalam tafsiran mimpi itu, dia telah diberi petunjuk dengan jelas tentang pendirian kerajaan Allah yang kekal.” — *Prophets and Kings*, p. 503.

- b. Bilakah pemerintahan kerajaan Allah dalam kemuliaan akan bermula? Yohanes 18:36; Matius 25:31–34; 26:64; Wahyu 6:15–17.
-

“Kerajaan kita bukan dari dunia ini. Kita sedang menunggu Tuhan kita dari syurga untuk datang ke bumi untuk menaklukkan segala otoriti dan kuasa, dan mendirikan kerajaan-Nya yang kekal. . . . Nubuatan menunjukkan kepada kita bahawa hari besar Tuhan sudah dekat. Hari itu akan segera tiba.” — *Testimonies for the Church*, vol. 1, pp. 360, 361.

- c. Bagaimanakah respon raja terhadap keberhasilan Daniel dalam menyingkapkan mimpinya? Daniel 2:46–49.
-

“Penjelasan Daniel tentang mimpi ini menghasilkan raja mengurniakan penghargaan dan penghormatan kepada dia dan teman-temannya. . . . Tiga sahabat Daniel diangkat menjadi penasihat, hakim, dan penguasa di negeri itu. Orang-orang ini tidak menyombongkan diri, tetapi mereka melihat dan bersukacita bahwa Tuhan diakui di atas semua penguasa duniawi, dan bahwa kerajaan-Nya dimuliakan di atas semua kerajaan duniawi.” — *The Youth's Instructor*, September 8, 1903.

SOALAN-SOALAN SEMAKAN PERIBADI JUMAAT 17 APRIL

1. Apakah yang ditemukan oleh Raja Nebukadnezar mengenai orang-orang bijaksana yang dipercayainya?
2. Apakah yang penting tentang fakta bahawa doa kesyukuran Daniel dicatat, tetapi bukan doa permintaannya?
3. Walaupun menjadi orang yang paling bijaksana di Babilon, apakah sifat yang dimiliki Daniel?
4. Jelaskan ciri-ciri kerajaan yang digambarkan oleh logam-logam yang berganti.
5. Bilakah bahagian mimpi yang berkaitan dengan batu itu akan digenapi?

Penglihatan Pertama Daniel

AYAT HAFALAN: “Aku melihat tanduk itu berperang melawan orang-orang kudus, dan mengalahkan mereka; sampai Yang Lanjut Usianya itu datang, dan keadilan diberikan kepada orang-orang kudus milik Yang Mahatinggi; dan waktunya datang orang-orang kudus itu memegang pemerintahan” (Daniel 7:21, 22).

Cadangan Bacaan: *The Great Controversy*, pp. 479–491;

Early Writings, pp. 54–56.

“Sewaktu kita menghampiri penghujung sejarah dunia ini, nubuatan-nubuatan yang dicatat oleh Daniel menuntut perhatian khusus kita, kerana nubuatan-nubuatan itu berkaitan dengan zaman yang kita jalani sekarang ini. —*Prophets and Kings*, p. 547.

1. EMPAT ANGIN, EMPAT BINATANG AHAD, 19 APRIL

- a. Bilakah Daniel menerima penglihatan nubuatannya yang pertama, dan bagaimana dia menanggapinya? Daniel 7:1, 15, 16 (bahagian pertama).

“Tidak lama sebelum kejatuhan Babel, ketika Daniel merenungkan nubuatan-nubuatan ini dan memohon Tuhan untuk pengertian pada masa itu, dia menerima serangkaian penglihatan tentang kebangkitan dan kejatuhan kerajaan-kerajaan. Dengan penglihatan pertama, sebagaimana tercatat dalam pasal ketujuh kitab Daniel, satu penafsiran telah diberikan; namun tidak semuanya dijelaskan kepada nabi.” —*Prophets and Kings*, p. 553.

- b. Apakah yang digambarkan oleh unsur-unsur semula jadi yang dilihat? Daniel 7:2; Wahyu 17:15; Yeremia 25:31–33.

- c. Bagaimanakah malaikat menjelaskan maksud empat binatang besar yang muncul? Daniel 7:3, 16 (bahagian akhir), 17.

“Kerajaan-kerajaan besar yang pernah memerintah dunia digambarkan kepada nabi Daniel sebagai binatang buas.” —*The Great Controversy*, pp. 439, 440.

- a. Apakah yang pertama daripada empat binatang itu, dan kerajaan apakah yang digambarkannya? Daniel 7:4; Yeremia 50:17; Habakuk 1:6–8.**
-

“[Babilon] tidak memenuhi tujuan Allah; dan ketika waktu-Nya tiba, kerajaan yang angkuh dan berkuasa ini, yang diperintahkan oleh orang-orang dengan kecerdasan tertinggi, telah hancur, remuk, tidak berdaya. Kristus telah menyatakan, ‘Di luar Aku kamu tidak dapat berbuat apa-apa.’ Para negarawan Babilon yang terkenal tidak menganggap diri mereka bergantung kepada Tuhan. Mereka berfikir bahawa mereka telah menciptakan segala kemegahan dan kemuliaan mereka. Tetapi ketika Tuhan berfirman, mereka adalah seperti rumput yang layu, dan bunga rumput yang layu. Hanya firman dan kehendak Tuhan yang kekal selama-lamanya.” —*The Youth's Instructor*, September 29, 1903.

- b. Bagaimanakah binatang kedua dijelaskan, dan kerajaan apa yang digambarkannya? Daniel 7:5.**
-

“Setiap bangsa yang muncul di panggung sejarah diizinkan untuk menduduki tempatnya di bumi, supaya dapat dilihat apakah ia akan memenuhi tujuan ‘Penjaga dan Maha Kudus.’ Nubuatan telah menelusuri kebangkitan dan kejatuhan kerajaan-kerajaan besar dunia—Babel, Medo-Persia, Yunani, dan Roma. Dengan setiap satu ini, seperti juga negara-negara yang kurang berkuasa, sejarah terulang kembali. Masing-masing mempunyai tempoh ujiannya, masing-masing gagal, kegemilangannya memudar, kekuasaannya hilang, dan tempatnya diganti oleh yang lain.

“Sementara bangsa-bangsa menolak prinsip-prinsip Tuhan, dan dalam penolakan inilah yang membawa kehancuran mereka sendiri, namun masih kelihatan jelas bahawa tujuan ilahi, yang mengatur segalanya sedang bekerja melalui semua gerakan mereka.” —*Education*, pp. 176, 177.

- c. Apakah ciri-ciri aneh binatang ketiga, yang menggambarkan kerajaan Yunani? Daniel 7:6.**
-

“Jika kerajaan-kerajaan ini telah mengutamakan rasa takut akan Tuhan, mereka seharusnya diberikan hikmat dan kuasa, yang akan menyatukan mereka bersama dan membuat mereka kuat. Tetapi para pemerintah kerajaan-kerajaan dunia menjadikan Tuhan sebagai kekuatan mereka hanya apabila tertekan dan bingung. . . . Mereka terpaksa meminta pertolongan kepada mereka yang fikirannya diterangi oleh surgawi, untuk penjelasan tentang misteri yang tidak dapat mereka pahami.” —*The Youth's Instructor*, September 29, 1903.

- a. Apakah yang menyebabkan binatang keempat itu sukar untuk digambarkan secara semula jadi? Daniel 7:7.**
-

“Roh Kudus melambangkan kerajaan dunia di bawah simbol binatang buas yang ganas; tetapi Kristus adalah ‘Anak Domba Allah, yang menghapus dosa dunia.’ Yohanes 1:29. Dalam rencana pemerintahan-Nya tidak ada penggunaan kekerasan untuk memaksa hati nurani.”—*Christ’s Object Lessons*, p. 77.

“Salib dikaitkan dengan kekuasaan Roma. Itu adalah alat bentuk kematian yang paling kejam dan memalukan. Para penjenayah paling rendah harus memikul salib ke tempat pelaksanaan hukum mati; dan sering kali ketika alat penyiksaan itu diletakkan di atas bahu mereka, mereka menentang dengan sangat keras, sehingga mereka tidak berdaya, dan alat penyiksaan diikatkan kepada mereka.” —*The Desire of Ages*, pp. 416, 417.

- b. Apakah yang dilihat di antara tanduk-tanduk binatang keempat? Daniel 7:8.**
-

“Pada abad keenam kepausan telah menjadi kukuh. Pusat kekuasaannya ditetapkan di kota empayar, dan uskup Roma diperakui sebagai ketua seluruh gereja. Paganisme telah memberi tempat kepada kepausan. Naga itu telah memberikan kepada binatang itu ‘kekuatannya, dan takhtanya, dan kekuasaan yang besar.’ Wahyu 13:2. Dan sekarang bermulalah 1260 tahun penindasan kepausan yang dinubuatkan dalam nubuatan Daniel dan Wahyu. Daniel 7:25; Wahyu 13:5–7. Orang Kristian dipaksa untuk memilih antara mengorbankan integriti mereka dan menerima upacara dan penyembahan kepausan, atau menghabiskan hidup mereka di penjara bawah tanah atau menderita kematian oleh siksaan, tumpukan kayu bakar, atau kapak ketua desa. Sekarang genaplah kata-kata Yesus: ‘Kamu akan diserahkan juga oleh orang tuamu, saudara-saudaramu, kaum keluargamu dan sahabat-sahabatmu; dan beberapa orang di antara kamu akan dibunuh. Dan kamu akan dibenci semua orang oleh kerana nama-Ku.’ Lukas 21:16, 17. Penganiayaan terhadap orang-orang beriman terjadi dengan lebih dahsyat daripada sebelumnya, dan dunia menjadi medan perang yang luas. Selama ratusan tahun gereja Kristus mendapat perlindungan dalam kesunyian dan ketidakjelasan. Demikianlah nabi berkata: ‘Perempuan itu lari ke padang gurun, di mana dia telah disediakan suatu tempat baginya oleh Allah, supaya ia dipelihara di situ seribu dua ratus enam puluh hari lamanya.’ Wahyu 12:6.” —*The Great Controversy*, pp. 54, 55.

- c. Apakah yang Daniel ingin ketahui setelah melihat penglihatan itu? Daniel 7:19, 20.**
-

a. Apakah yang dijelaskan oleh malaikat mengenai dengan binatang buas keempat yang mengerikan, yang menggambarkan Kerajaan Rom? Daniel 7:23.

b. Apakah yang dinyatakan tentang tanduk kecil itu? Daniel 7:24.

"Kerajaan Rom yang luas hancur berkeping-keping, dan dari reruntuhnya muncul kuasa besar itu, Gereja Roman Katolik. Gereja ini membanggakan kesucian dirinya dan agama keturunannya. Tetapi agama ini adalah kengerian bagi semua orang yang mengetahui rahasia misteri kejahatan. Imam-imam gereja ini mempertahankan kekuasaan mereka dengan membuat umat tetap tidak mengetahui kehendak Tuhan, sebagaimana yang dinyatakan dalam Kitab Suci." —*The Youth's Instructor*, September 22, 1903.

c. Terhadap siapakah kemarahan kuasa tanduk kecil itu ditujukan? Daniel 7:21, 25.

"Kenaikan kekuasaan Gereja Rom menandakan permulaan Zaman Kegelapan. Ketika kekuasaannya meningkat, kegelapan semakin mendalam. Iman dipindahkan dari Kristus, dasar sejati, kepada paus Rom. Daripada mempercayai kepada Anak Allah untuk pengampunan dosa dan keselamatan kekal, orang-orang menaruh harapan kepada paus, dan kepada para imam dan uskup yang kepadanya dia mewakilkan kuasa. Mereka telah diajarkan bahawa paus adalah pengantara duniawi mereka dan tiada seorang pun boleh mendekati Tuhan kecuali melalui dia; dan, selanjutnya, bahawa paus berdiri di tempat Allah bagi mereka dan kerana itu harus ditaati sepenuhnya. Penyimpangan daripada tuntutan sudah cukup menjadi alasan untuk menjatuhkan hukuman yang paling berat pada tubuh dan jiwa para pelanggar. Demikianlah pikiran manusia berpaling dari Tuhan kepada manusia yang fana, sesat, dan kejam, bahkan lebih dari itu, kepada raja kegelapan itu sendiri, yang menggunakan kekuasaannya melalui mereka. Dosa menyamar dalam balutan kesucian. Apabila Kitab Suci disembunyikan, dan manusia mula menganggap dirinya sebagai yang tertinggi, kita hanya perlu mencari penipuan, tipu daya, dan kejahatan yang merendahkan. Dengan semakin tinggi kedudukan hukum dan tradisi manusia, nampaklah kejahatan yang selalu timbul akibat dari mengesampingkan hukum Tuhan.

"Hari-hari itu adalah hari yang berbahaya bagi gereja Kristus. Pembawa panji yang setia memang sangat sedikit. Walaupun kebenaran tidak dibiarkan tanpa saksi, namun kadang-kadang nampaknya kesalahan dan takhayul akan berlaku sepenuhnya, dan agama sejati akan disingkirkan dari bumi. Injil dilupakan, tetapi bentuk-bentuk agama semakin bertambah, dan orang-orang dibebani dengan tuntutan yang ketat."—*The Great Controversy*, p. 55.

a. Apakah yang akan berlaku di akhir kekuasaan tanduk kecil itu? Daniel 7:26.

“Empat puluh dua bulan [Wahyu 13:5] adalah sama dengan ‘satu masa dan dua masa dan setengah masa,’ tiga tahun setengah, atau 1260 hari, dalam Daniel 7—masa di mana kekuasaan kepausan menindas umat Tuhan. Tempoh ini. . . bermula dengan kekuasaan kepausan, a.d. 538, dan berakhir pada tahun 1798. Pada masa itu paus telah ditawan oleh tentera Perancis, kuasa kepausan menerima luka yang mematikan, dan nubuatan itu digenapi, ‘Barangsiapa ditentukan untuk ditawan, ia akan ditawan.’” —*The Great Controversy*, p. 439.

b. Bagaimanakah proses pengadilan digambarkan? Daniel 7:9, 10, 13.

“Kedatangan Kristus yang digambarkan di sini bukanlah kedatangan-Nya yang kedua di bumi. Ia datang kepada Yang Lanjut Usianya di surga untuk menerima kekuasaan dan kemuliaan dan kerajaan, yang akan diberikan kepada-Nya pada akhir pekerjaan-Nya sebagai pengantara.” —*Ibid.*, p. 480.

c. Apakah keputusan penghakiman itu? Daniel 7:11, 14, 18, 22, 26, 27.

“Rencana penebusan yang agung menghasilkan pemulihan dunia sepenuhnya ke dalam kasih karunia Tuhan. Segala sesuatu yang hilang kerana dosa dipulihkan. Bukan hanya manusia tetapi bumi pun ditebus, untuk menjadi tempat kediaman kekal bagi orang-orang yang setia. Selama enam ribu tahun Setan telah berjuang untuk memper-tahankan kepemilikan bumi. Kini tujuan awal Allah dalam penciptaan-Nya telah tercapai. ‘Orang-orang kudus milik Yang Mahatinggi akan menerima pemerintahan, dan mereka akan memegang pemerintahan itu sampai selama-lamanya, bahkan kekal selama-lamanya.’ —*Patriarchs and Prophets*, p. 342.

SOALAN-SOALAN SEMAKAN PERIBADI JUMAAT 24 APRIL

1. Jelaskan empat binatang buas yang dilihat Daniel keluar dari laut.
2. Sebutkan kerajaan-kerajaan yang dilambangkan oleh binatang-binatang tersebut, dan bagaimana ciri-ciri mereka dipenuhi.
3. Apakah yang membuat kekuasaan tanduk kecil itu berbeza daripada kekuasaan lain yang ditunjukkan?
4. Apakah kata-kata "sombong" kekuasaan tanduk kecil?
5. Kepada siapa penghakiman diberikan kekuasaan atas bumi, dan bila?

Persembahan Sabat Pertama untuk Misi Dunia

Pada Sesi Delegasi Persidangan Agung ke-24, banyak Misi baru yang baru saja dibuka telah diwakili di sana. Kami sangat bersukacita atas kemajuan ini dalam perjuangan kebenaran masa kini, dan pastinya kami berharap untuk membuka lebih banyak lagi Unit seperti itu, kerana seluruh dunia akan diterangi dengan kemuliaan Tuhan.

Terdapat lebih daripada satu cara untuk bekerjasama dalam pekerjaan menyelamatkan jiwa yang menakjubkan ini di tempat baharu. "Sebab barangsiapa yang berseru kepada nama Tuhan akan diselamatkan. Tetapi bagaimana mereka dapat berseru kepada-Nya, jika mereka tidak percaya kepada Dia? bagaimana mereka dapat percaya kepada Dia, jika mereka tidak mendengar tentang Dia. Bagaimana mereka mendengar tentang Dia, jika tidak ada memberitakan-Nya? Dan bagaimana mereka dapat memberitakan-Nya, jika mereka tidak diutus?" (Roma 10:13–15, bahagian pertama). Baik para pekerja mau pun mereka yang membiayai pekerjaan tersebut harus berkorban dengan berbagai cara demi menyelamatkan domba-domba yang hilang.

"Jika semua dalam barisan kita tahu betapa sukarnya pada tahun-tahun sebelumnya untuk membangun pekerjaan di tempat-tempat yang kemudiannya menjadi pusat-pusat penting, mereka akan menyedari bahawa diperlukan keberanian untuk menghadapi situasi yang tidak menjanjikan dan untuk menyatakan, dengan tangan terangkat ke syurga: 'Kami tidak akan gagal dan tidak akan berputus asa.' Mereka yang belum merintis di bidang baru dan sukar tidak menyedari kesukaran pekerjaan perintis. Jika mereka dapat memahami cara pekerjaan Tuhan, mereka bukan sahaja bersukacita kerana apa yang telah dilakukan, tetapi mereka akan melihat alasan untuk bersukacita di masa depan pekerjaan itu.

"Saudara-saudaraku, tidak ada alasan untuk berputus asa. Benih yang baik sedang ditaburkan. Tuhan akan menjaganya, menyebabkannya bertumbuh dan menghasilkan tuaian yang berlimpah. Ingatlah bahawa banyak usaha untuk menyelamatkan jiwa, yang pada awalnya, telah dijalankan di tengah-tengah kesukaran yang besar." — *Testimonies for the Church*, vol.7, p.242.

"Setiap dolar yang kita miliki adalah milik Tuhan. Daripada menghabiskan wang untuk hal-hal yang sia-sia, kita harus melaburkannya dalam menjawab panggilan pekerjaan misionari.

"Sementara ladang-ladang baharu dibuka, permintaan untuk bantuan akan sentiasa meningkat." — *Historical Sketches*, p. 293.

Oleh itu, Persembahan Sabat Pertama hari ini akan dikumpulkan untuk Misi Dunia, dana penting yang sangat diperlukan sekarang. Semoga Tuhan memberkati setiap pemberi untuk memberi dengan sukacita dengan penyangkalan diri dan iman—dan membalas setiap orang secara bergilir.

Saudara-saudara Anda dari Konferens Umum

Pengganti Kerajaan-Kerajaan

AYAT HAFALAN: “Adapun penglihatan tentang petang dan pagi itu, apa yang dikatakan tentang itu adalah benar. Tetapi engkau, sembunyikanlah penglihatan itu, sebab hal itu mengenai masa depan yang masih jauh.” (Daniel 8:26).

Cadangan Bacaan: *The Great Controversy*, pp. 423–432.

“Setiap bangsa. . . telah mempunyai tempoh ujiannya; masing-masing telah gagal, kejayaannya memudar, kekuasaannya hilang.” —*Prophets and Kings*, p. 535.

1. DOMBA JANTAN MENJADI HEBAT AHAD, 26 APRIL

a. Menjelang akhir kekuasaan Babilon, apakah yang dilihat Daniel? Daniel 8:1, 2.

b. Jelaskan tingkah laku binatang pertama yang muncul dan menjadi hebat. Daniel 8:3, 4.

c. Bagaimanakah malaikat menafsirkan domba jantan yang dilihat Daniel? Daniel 8:19, 20.

“Dalam penglihatan nabi [Allah] terlihat menjatuhkan seorang penguasa yang perkasa, dan mendirikan kerajaan yang lain. Dia dinyatakan sebagai raja alam semesta, yang akan mendirikan kerajaan-Nya yang kekal—Yang Maha Lanjut Usia, Tuhan yang hidup, Sumber segala hikmat, Penguasa masa kini, Penyingkap masa depan.” —*The SDA Bible Commentary*, vol. 4, p. 11664.

“Dari kebangkitan dan kejatuhan bangsa-bangsa seperti yang dinyatakan dalam kitab Daniel dan Wahyu, kita perlu belajar betapa tidak berharganya kemuliaan lahiriah dan duniawi semata-mata. Babilon, dengan segala kekuasaan dan kemegahannya, yang sepertinya belum pernah disaksikan oleh dunia kita sejak saat itu—kekuasaan dan keunggulan yang bagi orang-orang pada zaman itu kelihatan begitu stabil dan kekal—betapa ia telah berlalu sepenuhnya! Seperti 'bunga rumput,' ia telah binasa. Demikianlah binasanya kerajaan Medo-Persia, dan kerajaan Yunani dan Rom. Dan demikianlah kebinasaan segala yang tidak mempunyai Tuhan sebagai dasarnya.” —*Prophets and Kings*, p. 548.

a. Apakah kekuasaan baru yang datang untuk menentang Medo-Persia? Daniel 8:5, 21.

b. Jelaskan kekuasaan penaklukan raja kerajaan baru ini. Daniel 8:6, 7.

“Kekuasaan yang digunakan oleh setiap penguasa di bumi dikurniakan oleh Surga; dan kejayaannya bergantung kepada penggunaan kuasa yang diberikan. Kepada setiap orang firman Pengawas ilahi adalah, ‘Aku telah mempersenjатаi engkau, sekalipun engkau tidak mengenal Aku.’ Yesaya 45:5. Dan kepada setiap orang kata-kata yang diucapkan kepada Nebukadnezar masa lalu adalah pelajaran kehidupan: ‘Lepaskanlah diri tuanku daripada dosa dengan melakukan keadilan, dan dari pada kesalahan dengan menunjukkan belas kasihan terhadap orang yang tertindas; dengan demikian kebahagiaan tuanku akan dilanjutkan.’ Daniel 4:27. “Untuk memahami perkara-perkara ini—untuk memahami bahawa ‘kebenaran meninggikan derajat bangsa;’ bahawa ‘takhta menjadi kokoh oleh kebenaran’ dan ‘menopang takhtanya’ (Amsal 14:34; 16:12; 20:28); untuk mengenali pelaksanaan prinsip-prinsip ini dalam pernyataan kuasa-Nya yang ‘memecat raja dan mengangkat raja’ (Daniel 2:21) —inilah yang dimaksudkan dengan memahami falsafah sejarah.

“Hanya dalam firman Tuhan ini dinyatakan dengan jelas. Di sini ditunjukkan bahawa kekuatan bangsa-bangsa, seperti juga individu, tidak terdapat dalam kesempatan atau kemudahan yang kelihatan menjadikan mereka tidak dapat dikalahkan; juga tidak terdapat dalam kehebatan mereka yang dibanggakan. Itu diukur dari kesetiaan mereka dalam memenuhi tujuan Tuhan.” —*Education*, pp. 174, 175.

c. Apakah yang berlaku kepada kerajaan Yunani ketika kerajaannya menjadi sangat hebat pada kemuncak kerjaya Alexander the Great? Daniel 8:8, 22.

“ ‘Orang yang sabar,’ kata orang bijak, ‘melebihi daripada seorang pahlawan; dan orang yang menguasai dirinya, melebihi daripada orang yang merebut kota’. Lelaki atau perempuan yang menjaga keseimbangan fikiran ketika tergoda untuk memanjakan nafsu, berdiri lebih tinggi di mata Tuhan dan para malaikat surgawi daripada jeneral paling terkenal yang pernah memimpin pasukan berperang dan meraih kemenangan. Seorang maharaja terkenal pernah berkata ketika berada dikatilnya yang hampir mati, ‘Di antara semua penaklukan saya, hanya ada satu yang memberikan saya penghiburan sekarang, dan itulah penaklukan yang telah ku perolehi mengatasi atas badai kemarahanku.’ Alexander dan Caesar merasa lebih mudah untuk menaklukkan dunia daripada menaklukkan diri mereka sendiri. Setelah menakluk bangsa demi bangsa, mereka jatuh—salah satunya adalah ‘mangsa ketidakmampuan mengawal diri, yang lainnya kerana cita-cita yang melampau.’ ” —*Child Guidance*, pp. 95, 96.

a. Apakah kekuasaan baru yang digambarkan akan mengambil alih kerajaan Yunani yang terpecah? Daniel 8:9, 23.

b. Jelaskan tindakan Rom—kedua-dua pagan dan paus—yang dilihat Daniel dalam penglihatan. Daniel 8:10–12, 24.

“Kepausan telah menjadi penguasa dunia. Raja-raja dan maharaja tunduk kepada surat ketetapan paus Roma. Nasib manusia, baik untuk masa mahupun untuk kekekalan, kelihatan di bawah kawalannya. . . . Tetapi 'waktu siang bagi kepausan adalah tengah malam bagi dunia. . . .' Selama berabad-abad Eropah tidak mengalami kemajuan dalam bidang pembelajaran, seni, atau budaya. Kelumpuhan moral dan intelektual telah menimpa dunia Kristian.” —*The Great Controversy*, p. 60.

“Sebagaimana yang dinubuatkan oleh nubuatan, kekuasaan kepausan telah merendahkan kebenaran. Hukum Allah diinjak-injak, sementara tradisi dan kebiasaan manusia ditinggikan. Gereja-gereja yang berada di bawah kekuasaan kepausan sejak awal dipaksa untuk menghormati hari Ahad sebagai hari suci. Di tengah-tengah kesalahan dan kepercayaan karut yang merajalela, banyak orang, bahkan umat Tuhan yang sejati, menjadi sangat bingung sehingga walaupun mereka memelihara hari Sabat, mereka juga menahan diri dari bekerja pada hari Minggu. Namun ini tidak memuaskan hati para pemimpin kepausan. Mereka menuntut bukan sahaja hari Ahad dikuduskan, tetapi juga agar hari Sabat dinodai; dan mereka mengecam dalam bahasa yang paling keras bagi mereka yang berani menghormatinya. Hanya dengan melarikan diri dari kekuasaan Roma, seseorang dapat mematuhi hukum Tuhan dengan aman.” —*Ibid.*, p. 65.

c. Walaupun caranya licik, bagaimanakah kuasa ini dapat berakhir? Daniel 8:25.

“Di tengah-tengah kesuraman yang menyelimuti bumi selama masa kekuasaan kepausan yang panjang, terang kebenaran tidak dapat dipadam sepenuhnya. Pada setiap zaman ada saksi-saksi bagi Allah—orang-orang yang menghargai iman kepada Kristus sebagai satu-satunya pengantara antara Tuhan dan manusia, yang menganggap Alkitab sebagai satu-satunya peraturan kehidupan, dan yang menguduskan hari Sabat yang sejati. Berapa besar dunia berhutang kepada orang-orang ini, generasi mendatang tidak akan pernah tahu. Mereka dicap sebagai golongan sesat, motif-motif mereka diragukan, sifat-sifat mereka difitnah, tulisan-tulisan mereka ditindas, disalahertikan, atau dirosakkan. Namun mereka tetap teguh, dan dari zaman ke zaman, mereka mempertahankan iman mereka dalam kemurniannya, sebagai warisan suci bagi generasi yang akan datang.” —*Ibid.*, p. 61.

- a. Apakah perbualan (percakapan) yang didengar Daniel tentang jangka masa yang panjang yang diliputi oleh peristiwa penglihatan itu, dan apa yang akan terjadi pada akhir tempoh waktu itu? Daniel 8:13, 14.
-
-

- b. Apakah peristiwa aneh yang digambarkan oleh pembersihan bait suci, seperti yang digambarkan dalam hukum upacara, dan dinubuatkan dalam penglihatan Daniel? Imamat 23:27–32; 16:33, 34.
-
-

“Dalam sistem biasa, yang merupakan bayangan pengorbanan dan keimamatan Kristus, pembersihan bait suci adalah pelayanan terakhir yang dilakukan oleh imam besar dalam putaran pelayanan tahunan. Itu adalah pekerjaan penutupan penebusan—penyingkiran atau penghapusan dosa daripada Israel. Itu merupakan pekerjaan penutupan dalam pelayanan Imam Besar kita di surga, iaitu penyingkiran atau penghapusan dosa-dosa umat-Nya, yang tercatat dalam catatan surgawi.” —*The Great Controversy*, p. 352.

“Sebagaimana pada zaman dahulu dosa-dosa umat beriman diletakkan di atas korban penghapus dosa dan melalui darahnya dipindahkan, secara simbolik, ke bait suci duniawi, demikian juga dalam perjanjian baru dosa-dosa orang yang bertobat melalui iman ditempatkan di atas Kristus dan dipindahkan, sebenarnya, ke bait suci surgawi. Dan sebagaimana pembersihan bait suci duniawi biasanya dilakukan dengan penghapusan dosa-dosa yang telah mencemarinya, demikian juga pembersihan bait suci yang sesungguhnya harus dilakukan dengan penyingkiran, atau penghapusan, dosa-dosa yang tercatat di sana. Tetapi sebelum ini dapat dilaksanakan, harus ada pemeriksaan buku catatan untuk menentukan siapa yang, melalui pertobatan dosa dan iman kepada Kristus, berhak menerima berkat-berkat penebusan-Nya. Oleh itu, pembersihan bait suci melibatkan pekerjaan penyiasatan—suatu pekerjaan penghakiman. Pekerjaan ini harus dilakukan sebelum kedatangan Kristus untuk menebus umat-Nya; Sesungguhnya apabila Dia datang, Dia membawa upah-Nya untuk membalaskan kepada setiap orang menurut perbuatannya. Wahyu 22:12.” —*Ibid.*, pp. 421, 422.

- c. Apakah yang dikatakan malaikat mengenai nubuatan 2300? Daniel 8:26 (bandingkan ayat 14, margin).
-
-

5. VISI SEBAHAGIANNYA DIFAHAMI KHAMIS, 30 APRIL

- a. Apakah tugas yang diberikan oleh malaikat Gabriel kepada Daniel? Daniel 8:15–18.

“Gabriel, malaikat yang kedudukannya sebaris dengan Anak Allah, yang datang membawa perkhabaran ilahi kepada Daniel. Gabriel, 'malaikat-Nya,' yang diutus Kristus untuk membuka masa depan bagi Yohanes yang dikasihi; dan berkat diucapkan kepada mereka yang membaca dan mendengarkan kata-kata nubuat itu, dan menurut apa yang tertulis di dalamnya. Wahyu 1:3.” —*The Desire of Ages*, p. 234.

- b. Walaupun penjelasan menyeluruh telah diberikan untuk banyak perincian lain, apakah reaksi Daniel setelah mendengar tentang nubuatan waktu 2300 hari? Daniel 8:27.

“Melalui penglihatan yang lain, penjelasan lebih lanjut diberikan mengenai peristiwa-peristiwa di masa depan; dan pada akhir penglihatan ini, Daniel mendengar ‘seorang kudus lain berkata kepada yang berbicara itu, Sampai berapa lama berlaku penglihatan ini?’ Daniel 8:13. Jawapan yang diberikan, ‘Sampai lewat dua ribu tiga ratus petang dan pagi; lalu tempat kudus itu akan dipulihkan dalam keadaan yang wajar’ (ayat 14), membuatnya bingung. Dia bersungguh-sungguh mencari maksud penglihatan itu. Dia tidak dapat memahami hubungan yang terjalin selama penawanan tujuh puluh tahun, sebagaimana yang dinubuatkan melalui Yeremia, hingga dua ribu tiga ratus tahun bahwa penglihatan yang didengarnya dari pengunjung surgawi itu harus terjadi sebelum pembersihan bait suci Allah. Malaikat Gabriel memberikan kepadanya sebahagian penafsiran; namun ketika nabi itu mendengar kata-kata, ‘Penglihatan itu . . . mengenai masa depan yang masih jauh,’ dia lelah dan jatuh sakit. ‘Saya Daniel lelah,’ dia mencatat pengalamannya, ‘dan jatuh sakit beberapa hari lamanya; kemudian bangunlah aku, dan melakukan pula urusan raja; dan aku tercengang-cengang tentang penglihatan itu, tetapi tidak memahaminya.’ Ayat 26, 27.” —*Prophets and Kings*, p. 554.

SOALAN-SOALAN SEMAKAN PERIBADI JUMAAT, 1 MEI

1. Apakah motif-motif yang sering mendorong pencapaian kekuasaan duniawi?
2. Apakah kecacatan ciri-ciri yang tidak diperbaiki yang menyebabkan tanduk kambing jantan yang aneh itu patah?
3. Bagaimanakah fasa pagan dan fasa kepausan serupa antara satu sama lain di Roma?
4. Apakah yang akan berlaku pada akhir 2,300 hari itu?
5. Bahagian manakah dalam penglihatan itu yang masih menjadi misteri bagi Daniel ketika dia lelah dan jatuh sakit?

Penglihatan Dijelaskan

AYAT HAFALAN: “Maka ketahuilah dan pamilah, dari saat firman itu keluar, yakni bahwa Yerusalem akan dipulihkan dan dibangun kembali, sampai pada kedatangan seorang yang diurapi, seorang raja, ada tujuh kali tujuh masa, dan enam puluh dua kali tujuh masa lamanya kota itu akan dibangun kembali dengan tanah lapang dan paritnya, tetapi di tengah-tengah kesulitan.” (Daniel 9:25).

Cadangan Bacaan: *The Great Controversy*, pp. 409–422.

“Malaikat itu diutus kepada Daniel dengan tujuan khusus untuk menjelaskan kepadanya perkara yang gagal dia fahami dalam penglihatan pasal delapan, pernyataan berkenaan dengan masa.” —*The Great Controversy*, p. 326.

1. MEMBACA UNTUK MEMAHAMI

AHAD, 3 MEI

- a. Sekitar masa penaklukan Babilon oleh bangsa Media dan Persia, apakah yang dipelajari oleh Daniel? Daniel 9:1, 2.

“Sementara mereka yang tetap setia kepada Tuhan di tengah-tengah Babel sedang mencari Tuhan dan mempelajari nubuatan-nubuatan yang menubuatkan pembebasan mereka, Allah sedang mempersiapkan hati raja-raja untuk menunjukkan belas kasihan kepada umat-Nya yang bertobat.” —*The SDA Bible Commentary*, vol. 4, p. 11724.

- b. Jelaskan kepentingan nubuatan yang dibaca Daniel. Yeremia 25:8–14.

- c. Apakah yang disarankan oleh nubuatan Yeremia agar dilakukan oleh umat Tuhan? Yeremia 29:10–14.

“Tulisan-tulisan Yeremia berada dalam jangkauan [orang-orang buangan], dan di dalamnya dinyatakan dengan jelas jangka waktu yang akan berlaku sebelum pemulihan Israel dari Babilon. . . . Perkenan akan ditunjukkan kepada sisa Yehuda, sebagai jawaban kepada doa yang sungguh-sungguh.” —*Prophets and Kings*, p. 552.

- a. **Apakah yang Daniel lakukan sebagai respon terhadap apa yang dia baca? Daniel 9:3.**
-

“Dengan iman yang didasarkan pada firman nubuatan yang pasti, Daniel memohon kepada Tuhan agar janji-janji ini segera digenapi. Dia memohon agar kehormatan Tuhan tetap terpelihara. Dalam permohonannya, dia menyatakan dirinya sepenuhnya bersama mereka yang telah gagal mencapai tujuan ilahi, mengakui dosa-dosa mereka sebagai dosa-dosanya sendiri.” —*Prophets and Kings*, pp. 554, 555.

- b. **Setelah membaca doa Daniel, apakah pemerhatian yang akan anda buat tentang bagaimana dia merendahkan diri dan memohon kepada Tuhan? Daniel 9:4–19.**
-

“Walaupun Daniel telah lama dalam pelayanan Tuhan, dan telah disebut oleh surga sebagai ‘yang sangat dikasihi,’ namun kini dia menghadap Allah sebagai seorang berdosa, mendesak akan keperluan besar orang-orang yang dikasihinya.” —*Ibid.*, p. 555.

- c. **Apakah yang menjadi perhatian khusus Daniel? Daniel 9:16, 17.**
-

"Selama hampir tujuh puluh tahun, Israel berada dalam tawanan. Tanah yang telah dipilih Allah sebagai milik-Nya sendiri diserahkan ke tangan bangsa-bangsa kafir. Kota yang dikasihi, penerima terang surga, yang dulunya merupakan sukacita seluruh bumi, kini dihina dan direndahkan. Bait Suci yang pernah menyimpan tabut perjanjian Allah dan kerub-kerub kemuliaan yang menaungi takhta pengampunan, telah hancur. Lokasinya sendiri dinodai oleh kaki-kaki yang tidak kudus. Orang-orang setia yang mengetahui kemuliaan terdahulu, dipenuhi dengan kesedihan atas kehancuran rumah suci yang telah membezakan Israel sebagai umat pilihan Allah. Orang-orang ini telah menjadi saksi kecaman Allah karena dosa-dosa umat-Nya. Mereka telah menjadi saksi penggenapan firman ini. Mereka juga telah menjadi saksi janji-janji kemurahan-Nya jika Israel kembali kepada Allah, dan berjalan dengan bijaksana di hadapan-Nya. Para peziarah yang lanjut usia, yang telah beruban pergi ke Yerusalem untuk berdoa di tengah-tengah reruntuhannya. Mereka mencium batu-batunya, dan membasahinya dengan air mata mereka, saat mereka memohon kepada Tuhan agar mengasihani Sion, dan menutupinya dengan kemuliaan kebenaran-Nya. Daniel tahu bahawa waktu yang ditetapkan bagi penawanan Israel hampir berakhir; namun dia tidak merasakan bahawa kerana Tuhan telah berjanji untuk membebaskan mereka, mereka sendiri tidak berperanan untuk bertindak. Dengan berpuasa dan bertobat dia mencari Tuhan, mengakui dosa-dosanya sendiri dan dosa-dosa umat itu." —*The SDA Bible Commentary*, vol. 4, p. 11724.

a. Bagaimanakah doa Daniel terganggu? Daniel 9:20, 21.

“Surga sedang tunduk mendengar permohonan sungguh-sungguh nabi. Bahkan sebelum dia menyelesaikan permohonannya untuk pengampunan dan pemulihan, Gabriel yang perkasa kembali menampakkan diri kepadanya.” —*Prophets and Kings*, p. 556.

“Gabriel, malaikat yang kedudukannya di sebelah dengan Anak Allah, yang datang dengan perkabaran ilahi kepada Daniel. . . . Allah telah memberikan hal-hal ini kepada kita, dan berkat-Nya akan menyertai pembelajaran kitab suci kenabian dengan penuh hormat dan doa.” —*The Desire of Ages*, p. 234.

b. Apakah tujuan kunjungan Gabriel, dan bagaimana hubungannya dengan penglihatan dalam Bab 8? Daniel 9:22, 23.

“[Gabriel] mengingatkan dia kepada penglihatan yang dilihatnya sebelum kejatuhan Babel dan kematian Belsyazar.” —*Prophets and Kings*, p. 556.

“Tuhan telah memerintahkan utusan-Nya: ‘Buatlah orang ini memahami penglihatan itu.’ Perintah itu harus dipenuhi. Sebagai ketaatan kepadanya, malaikat itu, beberapa lama kemudian, kembali kepada Daniel, dengan berkata, ‘Sekarang aku datang untuk memberi akal budi kepadamu untuk mengerti;’ ‘Jadi camkanlah firman itu dan perhatikanlah penglihatan itu.’ Daniel 8:27, 16; 9:22, 23, 25–27. Terdapat satu perkara penting dalam penglihatan bab 8 yang belum dijelaskan, iaitu, yang berkaitan dengan waktu—tempoh 2300 hari; kerana itu malaikat, dalam melanjutkan penjelasannya, terutama membahas tentang waktu.” —*The Great Controversy*, p. 325.

c. Berapa lama tempoh waktu yang akan diperuntukkan bagi bangsa Yahudi, dan apakah yang akan dicapai selama waktu itu? Daniel 9:24.

“Inti dari khotbah Kristus ialah, ‘Waktunya telah digenapi, Kerajaan Allah sudah dekat; bertobatlah dan percayalah kepada Injil.’ Dengan demikian, perkabaran Injil, sebagaimana yang disampaikan oleh Juruselamat Sendiri, adalah berdasarkan nubuatan-nubuatan. ‘Waktu’ yang Dia nyatakan telah digenapi adalah tempoh yang diberitakan oleh malaikat Gabriel kepada Daniel. . . . Satu hari dalam nubuatan bermaksud setahun. Lihat Bilangan 14:34; Yehezkiel 4:6. Tujuh puluh minggu, atau empat ratus sembilan puluh hari, menunjukkan empat ratus sembilan puluh tahun.” —*The Desire of Ages*, p. 233.

- a. Apakah mandat diraja yang penting untuk menandakan permulaan tujuh puluh minggu? Daniel 9:25.**
-

“Perintah untuk memulih dan membangun Yerusalem, sebagaimana disempurnakan oleh dekrit Artaxerxes Longimanus (lihat Ezra 6:14; 7:1, 9, margin), mula berkuat kuasa pada musim gugur B.c. 457. Dari waktu ini, empat ratus lapan puluh tiga tahun berlanjutan hingga musim gugur A.d. 27.” —*The Desire of Ages*, p. 233.

- b. Jelaskan ketetapan yang tercantum dalam dekrit (perintah rasmi) yang menggenapi nubuatan ini. Ezra 7:11–13, 21–27.**
-

“Tuhan. . . menggerakkan hati raja, sehingga Ezra mendapat kemurahan hati daripadanya. Raja memberikan kepadanya dana yang melimpah untuk membangun kembali bait suci, dan memungkinkan orang Yahudi untuk kembali.” —*The SDA Bible Commentary*, vol. 3, p. 11343.

- c. Apa lagi yang dinubuatkan tentang pelayanan Mesias? Daniel 9:26 (bahagian pertama), 27 (bahagian pertama).**
-

“Menurut nubuatan, tempoh ini akan sampai kepada Mesias, Yang Diurapi. Pada a.d. 27, Yesus menerima pengurapan Roh Kudus saat pembaptisan-Nya, dan segera selepas itu memulakan pelayanan-Nya. Kemudian perkabaran itu diberitakan. 'Waktunya telah genap.'

“Kemudian, kata malaikat itu, ‘Raja itu akan membuat perjanjian itu menjadi berat bagi banyak orang selama satu kali tujuh masa [tujuh tahun].’ Selama tujuh tahun setelah Juruselamat memulai pelayanan-Nya, Injil harus diberitakan terutamanya kepada orang Yahudi; selama tiga setengah tahun oleh Kristus sendiri; dan sesudah itu oleh para rasul. ‘Pada pertengahan tujuh masa itu Ia akan menghentikan korban sembelihan dan korban santapan.’ Daniel 9:27. Pada musim bunga a.d. 31, Kristus korban sejati telah dipersembahkan di Kalvari. Kemudian tabir bait suci terbelah dua, menunjukkan bahawa kesucian dan makna upacara korban telah berakhir. Waktunya telah tiba bagi upacara korban dan persembahan duniawi dihentikan.

Satu minggu—tujuh tahun—berakhir pada 34 M (a.d). Kemudian dengan merejam Stefanus, orang Yahudi akhirnya memeteraikan penolakan mereka terhadap Injil; murid-murid yang telah tercerai-berai kerana penganiayaan ‘menjelajah seluruh negeri itu sambil memberitakan injil’ (Kisah Para Rasul 8:4).” —*The Desire of Ages*, p. 233.

- a. **Apakah tragedi yang akan berlaku selepas 490 tahun berakhir? Daniel 9:26 (bahagian akhir), 27 (bahagian akhir); Lukas 21:20.**
-

“Kesabaran Tuhan yang panjang terhadap Yerusalem hanya menguatkan ketidaktaatan orang-orang Yahudi yang degil (keras kepala). . . . [Saya] dalam kesombongan buta dan menghujat mereka [para pemimpin mereka] secara terbuka menyatakan bahawa mereka tidak takut Yerusalem dihancurkan, kerana itu adalah kota Tuhan sendiri. Untuk memperkasa kekuasaan mereka, mereka menyuap nabi-nabi palsu untuk menyampaikan, bahkan ketika pasukan Roma sedang mengepung bait suci, orang-orang tetap menunggu keselamatan daripada Tuhan. Hingga akhir, banyak orang berpegang teguh pada kepercayaan bahawa Yang Mahatinggi akan campur tangan untuk mengalahkan musuh-musuh mereka. Namun Israel telah menolak perlindungan ilahi, dan sekarang mereka tidak mempunyai pertahanan. Yerusalem sungguh malang! terkoyak oleh perpecahan dalaman, darah anak-anaknya terbunuh oleh tangan satu sama lain, jalan-jalannya berlumuran darah, sementara pasukan asing menghancurkan benteng-bentengnya dan membunuh para pasukan perang!” —*The Great Controversy*, pp. 28, 29.

- b. **Setelah memahami bahagian pertama hari-hari tersebut, apakah yang kita dapat ketahui sekarang? Daniel 8:14; 9:24.**
-

“Setakat ini setiap spesifikasi (perincian) nubuatan telah digenapi secara jelas (menonjol), dan permulaan tujuh puluh minggu ditetapkan tanpa keraguan pada 457 S.M., dan berakhir pada 34 M. Dari data ini tidak ada kesukaran untuk menemukan akhir dari 2300 hari. Tujuh puluh minggu—490 hari—telah dipotong daripada 2300, sisa 1810 hari lagi. Setelah 490 hari berakhir, 1810 hari masih harus digenapi. Dari tahun 34 M, 1810 tahun berlanjutan hingga 1844. Maka 2300 hari dalam Daniel 8:14 berakhir pada tahun 1844. Pada akhir tempoh nubuatan agung ini, berdasarkan kesaksian malaikat Tuhan, ‘tempat kudus itu akan dipulihkan dalam keadaan yang wajar.’ Dengan demikian waktu penyucian bait suci . . . sudah pasti ditunjukkan.” —*Ibid.*, p. 328.

SOALAN-SOALAN SEMAKAN PERIBADIJUMAAT MEI 8

1. **Walaupun Daniel sendiri seorang nabi, apakah yang ia ingin sekali fahami?**
2. **Mengapa Daniel menyertakan dirinya dalam doa-doa pertobatan atas dosa-dosa masa lalu Israel?**
3. **Bagaimanakah kita mengetahui secara tepat bahawa Daniel 9 menyelesaikan misteri (rahasia) dalam Daniel 8?**
4. **Jelaskan peristiwa yang menandakan permulaan nubuatan 490 tahun.**
5. **Jelaskan kehancuran Yerusalem, sebagaimana yang dinubuatkan oleh Daniel dan Yesus.**

Buku Dimeterai Dibuka Kembali

AYAT HAFALAN: “Lalu aku pergi kepada malaikat itu dan meminta kepadanya: "supaya ia memberikan gulungan kitab itu kepadaku. Katanya kepadaku,"Ambillah dan makanlah dia, Ia akan membuat perutmu terasa pahit, tetapi di dalam mulutmu ia akan terasa manis seperti madu." (Wahyu 10:9).

Cadangan Bacaan: *The Great Controversy*, pp. 391–408.

“Malaikat perkasa yang memberi petunjuk kepada Yohanes tidak kurang hebatnya daripada Yesus Kristus.” —*The SDA Bible Commentary*, vol. 7, p. 9717.

1. ORANG BIJAK AKAN BERSINAR

AHAD, 10 MEI

a. Jelaskan percubaan dan kemenangan yang disingkapkan pada akhir penglihatan terakhir Daniel. 12:1, 2.

b. Bagaimanakah orang bijaksana akan dilihat berbeza dengan orang jahat pada hari itu? Daniel 12:3; Matius 13:41–43.

“Jiwa yang bertobat hidup dalam Kristus. Kegelapannya lenyap, dan terang baru dan surgawi bersinar ke dalam jiwanya. ‘Siapa bijak, mengambil hati orang.’ ‘Dan mereka yang berhikmat akan bersinar seperti cahaya cakrawala; dan mereka yang menjadikan banyak orang kepada kebenaran seperti bintang selama-lamanya.’ Apa yang dilakukan melalui kerjasama manusia dengan Tuhan adalah pekerjaan yang tidak akan pernah binasa, tetapi bertahan sepanjang zaman kekekalan. Dia yang menjadikan Allah sebagai hikmatnya, yang bertumbuh menjadi manusia seutuhnya dalam Kristus Yesus, akan berdiri di hadapan raja-raja, di hadapan orang-orang yang disebut besar di dunia, dan menunjukkan pujian kepada Dia yang telah memanggil-Nya keluar dari kegelapan kepada terang-Nya yang ajaib. Ilmu pengetahuan dan sastera tidak dapat membawa masuk ke dalam pikiran manusia yang gelap, terang yang diberikan oleh Injil kemuliaan Anak Allah. Hanya Anak Allah yang dapat melakukan pekerjaan besar untuk menerangi jiwa. Tidak hairan Paulus berseru, ‘Sebab aku mempunyai keyakinan yang kokoh dalam Injil, kerana Injil adalah kekuatan Allah yang menyelamatkan setiap orang yang percaya.’ Injil Kristus menjadi keperibadian dalam mereka yang percaya, dan menjadikan mereka sebagai surat-surat yang hidup, yang dapat dikenal dan dibaca oleh semua orang.” — *Fundamentals of Christian Education*, pp. 199, 200.

- a. **Apakah yang diperintahkan kepada Daniel untuk dilakukan sekarang? Daniel 12:4 (bahagian pertama), 8, 9 (bahagian pertama).**
-

“Dihormati oleh orang-orang yang memikul tanggungjawab negara dan dengan rahsia kerajaan-kerajaan yang berkuasa secara menyeluruh, Daniel dihormati oleh Tuhan sebagai duta-Nya, dan telah diberikan banyak ilham tentang misteri zaman yang akan datang. Nubuatan-nubuatan yang menakjubkan, sebagaimana yang dicatatnya dalam pasal 7 hingga 12 dari kitab yang membawa namanya, tidak difahami sepenuhnya bahkan oleh nabi itu sendiri; namun sebelum hidupnya berakhir, dia diberi jaminan yang diberkati bahawa ‘pada akhir zaman’—dalam tempoh penutupan sejarah dunia ini—dia akan kembali diizinkan untuk berdiri di tempatnya semula. Dia tidak diberikan kesempatan untuk memahami semua yang Tuhan telah nyatakan tentang tujuan ilahi. . . .

“Sewaktu kita mendekati akhir penghujung sejarah dunia ini, nubuatan-nubuatan yang dicatat oleh Daniel menuntut perhatian khusus kita, kerana nubuatan-nubuatan itu berkaitan dengan masa yang kita jalani sekarang. Ajaran-ajaran kitab terakhir dari Kitab Perjanjian Baru harus dikaitkan dengan nubuatan itu.” —*Prophets and Kings*, p. 547.

- b. **Apakah yang menunjukkan bahawa kata-kata malaikat itu menunjuk kepada misteri 2300 hari, dan bilakah misteri itu akan terungkap? Daniel 8:17; 12:4, 9 (bahagian terakhir).**
-

“Nubuatan-nubuatan itu menyajikan serangkaian peristiwa yang mengarah kepada permulaan penghakiman. Ini terutama berlaku dalam kitab Daniel. Tetapi bahagian nubuatannya yang berkaitan dengan hari-hari terakhir, Daniel diperintahkan untuk menutup dan memeteraikan ‘sampai akhir masa.’ Bukan sehingga kita mencapai pada masa ini barulah perkabaran penghakiman dapat diberitakan, berdasarkan penggenapan nubuatan-nubuatan ini. Tetapi pada akhir zaman, kata nabi, ‘banyak orang akan menyelidikinya, dan pengetahuan akan bertambah.’ Daniel 12:4. . . .

“Sejak tahun 1798, kitab Daniel telah terbuka meterainya, pengetahuan tentang nubuatan-nubuatan telah meningkat, dan banyak orang telah menyampaikan perkabaran yang serius tentang penghakiman sudah dekat.

“Seperti Reformasi agung abad keenam belas, gerakan kedatangan Kristus muncul di negara-negara Kristian yang berbeza pada masa yang sama. Baik di Eropah maupun di Amerika, orang-orang yang percaya dan berdoa telah dipimpin untuk mempelajari nubuatan-nubuatan itu, dan, dengan menelusuri catatan yang diilhamkan, mereka melihat bukti yang meyakinkan bahawa akhir dari segala sesuatu sudah dekat. Di berbagai negeri yang berlainan terdapat kelompok-kelompok Kristian yang terasing, semata-mata melalui mempelajari Kitab Suci, akan sampai keyakinan bahawa kedatangan Juruselamat sudah dekat.” —*The Great Controversy*, pp. 356, 357.

- a. **Ketika Daniel memerhati dan mendengar, apakah dekrit (ketetapan) serius yang menandakan tempoh masa menjelang akhir zaman ? Daniel 12:5–7.**
-

- b. **Dengan membandingkan bahagian-bahagian lain, identifikasi (ketahui) masa tempoh nubuatan ini. Daniel 7:25; Wahyu 11:2, 3; 12:6, 14; 13:5.**
-

“Rasul Paulus memberi amaran kepada gereja supaya tidak mengharapkan kedatangan Kristus pada zamannya. ‘Sebab sebelum hari itu,’ katanya, ‘haruslah datang dahulu murtad, dan haruslah dinyatakan dahulu manusia durhaka.’ 2 Tesalonika 2:3. Bukan setelah kemurtadan besar, dan pada masa pemerintahan yang panjang ‘manusia durhaka,’ dapatkah kita menantikan kedatangan Tuhan kita. ‘Manusia durhaka,’ yang juga disebut sebagai ‘rahasia kedurhakaan,’ ‘anak durhaka,’ dan ‘orang jahat itu,’ melambangkan kekuasaan kepausan, yang, sebagaimana yang dinubuatkan dalam nubuatan, akan mempertahankan keunggulannya selama 1260 tahun. Tempoh ini telah berakhir pada tahun 1798. Kedatangan Kristus tidak mungkin berlaku sebelum waktu itu. Paulus menyampaikan amarannya yang mencakup seluruh masa Kekristianan hingga tahun 1798. Inilah masanya perkabaran tentang kedatangan Kristus yang kedua akan diberitakan.” —*The Great Controversy*, p. 356.

- c. **Bagaimanakah tempoh 1260 tahun digambarkan oleh malaikat? Daniel 12:10 (bahagian pertama).**
-

“Pada abad ketiga belas ditetapkan bahawa jentera kepausan yang paling dahsyat dari semua jentera kepausan—iaitu penyiasatan. Raja kegelapan bersekongkol dengan para pemimpin kekuasaan kepausan. Dalam mesyuarat rahasia mereka, Setan dan para malaikatnya menguasai fikiran orang-orang jahat, sementara yang tidak kelihatan di tengah-tengah berdiri satu malaikat Allah, mencatat peraturan-peraturan jahat mereka yang mengerikan dan menulis sejarah perbuatan-perbuatan yang terlalu mengerikan untuk dilihat oleh mata manusia. ‘Babel besar’ yang ‘mabuk oleh darah orang-orang kudus.’ Tubuh-tubuh yang hancur dari jutaan orang terbunuh demi kebenaran (martir) berseru kepada Tuhan memohon pembalasan atas kuasa murtad itu. . . .

“Keadaan dunia di bawah kekuasaan Rom menunjukkan penggenapan yang menakutkan dan menonjol dari kata-kata nabi Hosea. . . . ‘Sebab tidak ada kesetiaan, tidak ada kasih, dan tidak ada pengenalan akan Allah di negeri ini. Hanya mengutuk, berbohong, membunuh, mencuri, berzina, melakukan kekerasan, dan penumpahan darah menyusul penumpahan darah.’ Hosea 4:6, 1, 2. Demikianlah akibat dari penolakan firman Tuhan.” —*Ibid.*, pp. 59, 60.

- a. Perhatikan persamaan dengan Daniel 12:7, bagaimanakah nabi Yohanes melihat terbukanya penglihatan Daniel yang dimeteraikan? Wahyu 10:1, 2, 5, 6.
-

“Malaikat perkasa yang memberi petunjuk kepada Yohanes tidak lain adalah Yesus Kristus. Dia menginjakkan kaki kanan-Nya di atas laut, dan kaki kiri-Nya di atas bumi, menunjukkan peranan yang sedang Ia lakukan dalam peristiwa penutupan pertentangan besar dengan Iblis. Kedudukan ini menunjukkan kekuasaan dan otoriti tertinggi-Nya ke atas seluruh bumi. . . .

“Yohanes melihat kitab kecil itu terbuka meterainya. Kemudian nubuatan-nubuatan Daniel mempunyai tempat yang tepat dalam pekabaran malaikat pertama, kedua, dan ketiga yang akan diberikan kepada dunia. Terbukanya meterai kitab kecil itu adalah pekabaran yang berkaitan dengan masa. . . .

“Masa ini, yang dinyatakan oleh malaikat dengan sumpah yang sungguh-sungguh, bukanlah akhir dari sejarah dunia ini, bukan juga masa percobaan, tetapi tentang masa nubuatan, yang seharusnya mendahului kedatangan Tuhan kita. Iaitu, orang-orang tidak akan menerima pekabaran lain pada masa yang pasti. Selepas tempoh masa ini, hingga . . . ke tahun 1844, tidak ada pengesanan pasti tentang masa nubuatan. Kiraan terpanjang mencapai musim gugur tahun 1844.

“Kedudukan malaikat, dengan satu kaki di laut, yang kaki lainnya di bumi, menandakan luasnya jangkauan penyebaran pekabaran. Pekabaran akan melintasi lautan luas dan diberitakan di negara-negara lain, bahkan ke seluruh dunia.” —*The SDA Bible Commentary*, vol. 7, p. 9717.

- b. Jelaskan bagaimana pengalaman Yohanes dalam penglihatan memakan kitab kecil itu adalah selari dengan pengalaman gerakan Advent pada tahun 1840-an. Wahyu 10:9–11.
-

“Pemahaman akan kebenaran, penerimaan pekabaran sukacita, adalah digambarkan dalam memakan kitab kecil itu. Kebenaran mengenai masa kedatangan Tuhan kita adalah pekabaran yang berharga bagi jiwa kita.” —*Ibid*.

“Masa penantian telah berlalu, dan Kristus tidak datang untuk membebaskan umat-Nya. Mereka yang dengan iman dan kasih yang tulus telah menantikan Juruselamat mereka, mengalami kekecewaan yang pahit. Namun tujuan Tuhan sedang dilaksanakan; Dia sedang menguji hati orang-orang yang mengaku menunggu kedatangan-Nya. . . .

“Tetapi Yesus dan seluruh bala tentera syurga memandang dengan kasih dan simpati kepada mereka yang diuji dan setia namun kecewa. Seandainya tabir yang memisahkan dunia yang kelihatan dari dunia yang tidak kelihatan telah disingkirkan, para malaikat akan terlihat mendekati jiwa-jiwa yang teguh ini dan melindungi mereka dari serangan Setan.” —*The Great Controversy*, p. 374.

- a. Bagaimanakah Daniel digambarkan oleh Yehezkiel, salah seorang yang sezamannya? Yehezkiel 14:14.
-

- b. Bagaimanakah kita dapat termasuk di antara orang-orang yang bijaksana seperti Daniel? Daniel 12:10 (bahagian akhir); Amsal 9:10; Matius 7:24, 25.
-

“Pada ‘Waktu kesesakan yang besar, yang belum pernah terjadi sebelumnya,’ akan segera datang kepada kita; dan kita akan memerlukan pengalaman yang tidak kita miliki sekarang dan yang banyak orang terlalu malas untuk mendapatkannya. Seringkali, masalah kelihatan lebih besar dalam jangkaan daripada secara realiti; tetapi ini tidak benar tentang krisis yang kita hadapi. Penyampaian yang paling jelas tidak dapat menggambarkan besarnya cobaan itu. Pada masa pencobaan itu, setiap jiwa harus berdiri sendiri di hadapan Tuhan. ‘Biarpun Nuh, Daniel, dan Ayub’ berada di tengah-tengahnya, ‘demi Aku yang hidup, demikianlah firman Tuhan ALLAH, mereka tidak akan menyelamatkan baik anak laki-laki maupun anak perempuan; melainkan mereka akan menyelamatkan hanya nyawanya sendiri kerana kebenaran mereka.’ Yehezkiel 14:20.

“Sekarang, sementara Imam Besar kita yang agung sedang melakukan penebusan bagi kita, kita harus berusaha untuk menjadi sempurna dalam Kristus. Bahkan dengan pemikiran sekalipun, Juruselamat kita tidak dapat digoda untuk menyerah kepada kuasa godaan. Setan mendapati suatu titik kelemahan dalam hati manusia di mana dia dapat memperoleh tumpuan; beberapa keinginan berdosa dihargai, yang melalui godaan-godaan itu menyatakan kuasanya. Tetapi Kristus menyatakan tentang diri-Nya: ‘Penguasa dunia ini datang, dan ia tidak berkuasa sedikit pun atas diri-Ku.’ Yohanes 14:30. Setan tidak menemukan apa pun dalam diri Anak Allah yang dapat membantunya memperoleh kemenangan. Dia telah mematuhi hukum-hukum Bapa-Nya, dan tiada dosa di dalam Dia yang dapat dimanfaatkan oleh Setan. Inilah keadaan di mana mereka harus ditemukan berdiri teguh pada masa kesusahan.” —The Great Controversy, pp. 622, 623.

- c. Bagaimanakah malaikat itu akhirnya membiarkan Daniel pergi? Daniel 12:13.
-

SOALAN-SOALAN SEMAKAN PERIBADI JUMAAT, 15 MEI

1. Bilakah kebangkitan yang disebutkan dalam Daniel 12:2 akan berlaku?
2. Apakah yang berlaku sehingga nubuatan Daniel digenapi?
3. Apakah peristiwa yang menandakan permulaan akhir zaman?
4. Apakah nubuatan yang mengungkapkan permulaan kitab Daniel?
5. Bagaimana saya dapat yakin bahawa saya termasuk di antara orang-orang bijaksana?

Nabi Patmos

AYAT HAFALAN: “Seorang di antara murid Yesus, yaitu murid yang dikasihi-Nya, bersandar dekat kepada-Nya, di sebelah kanan-Nya.” (Yohanes 13:23).

Cadangan Bacaan: *The Acts of the Apostles*, pp. 539–556.

“Setelah kenaikan Kristus, Yohanes tampil sebagai seorang pekerja yang setia dan bersungguh-sungguh bagi Guru.” —*The Acts of the Apostles*, p. 546.

1. MURID YANG DIKASIHI YESUS

AHAD, 17 MEI

- a. Apakah contoh-contoh yang menunjukkan kedekatan murid Yohanes dengan Yesus? Matius 17:1; Markus 14:33; Lukas 8:51.

“[Yohanes] kelihatannya telah menikmati persahabatan paling menonjol dengan Kristus, dan dia menerima banyak tanda keyakinan dan kasih Juruselamat. Dia adalah salah satu daripada tiga orang yang diizinkan untuk menyaksikan kemuliaan Kristus di gunung perubahan fizikal dan penderitaan-Nya di Getsemani, dan kepada pemeliharaan-Nyalah Tuhan kita menyerahkan kepada ibu-Nya pada saat-saat terakhir penderitaan di atas kayu salib.” —*The Acts of the Apostles*, p. 539.

- b. Bagaimanakah Yohanes dibezakan di antara murid-murid? Yohanes 13:23; 21:20 (bahagian pertama), 24.

“Yohanes dan Yakobus, Andreas dan Petrus, dengan Filipus, Natanael, dan Matius, telah lebih rapat hubungannya dengan Dia daripada yang lain, dan telah menyaksikan lebih banyak mukjizat-Nya. Petrus, Yakobus, dan Yohanes mempunyai hubungan yang lebih dekat dengan-Nya. Mereka hampir selalu bersama-Nya, menyaksikan mukjizat-Nya, dan mendengar firman-Nya. Yohanes semakin mendekatkan diri kepada Yesus, sehingga dia dikenal sebagai orang yang dikasihi Yesus. Juruselamat mengasihi mereka semua, tetapi roh Yohaneslah yang paling mudah menerima. Dia lebih muda daripada yang lain, dan dengan kepercayaan yang lebih tulus dari seorang anak, dia membuka hatinya kepada Yesus. Dengan demikian, dia semakin bersimpati kepada Kristus, dan melalui dia pengajaran rohani Juruselamat yang paling mendalam disampaikan kepada umat-Nya.” —*The Desire of Ages*, p. 292.

- a. **Apakah kepentingan nama yang Yesus berikan kepada Yohanes dan saudaranya Yakobus? Markus 3:17.**
-

“Yohanes pada awalnya tidak mempunyai sifat-sifat yang menarik yang kemudiannya terbuka (terbongkar) melalui pengalamannya. Secara semula jadi dia mempunyai kelemahan yang serius. Dia bukan sahaja sombong, berpendirian teguh, dan bercita-cita tinggi untuk kehormatan, tetapi bertindak tidak sabar, dan pendendam bila terluka. Dia dan saudaranya disebut ‘anak-anak guruh.’ Bersifat pemarah, suka membalas dendam, suka mengkritik, semuanya ada dalam diri murid yang dikasihi itu. Namu disebalik semua ini, Guru ilahi melihat hati yang bersemangat, tulus dan penuh kasih. Yesus menegur sifat mementingkan diri sendiri, mengecewakan cita-citanya, menguji imannya. Namun Dia menyingkap kepadanya apa yang dirindukan jiwanya—keindahan kekudusan, kuasa kasih yang mengubah.” —*The Acts of the Apostles*, p. 540.

- b. **Bagaimanakah Yohanes mempelajari cara baru untuk berhubungan dengan orang lain? Yohanes 13:34; 1 Yohanes 4:7, 8.**
-

“Pelajaran Kristus, yang menekankan tentang kelemahlembutan, kerendahan hati dan kasih sebagai hal penting untuk pertumbuhan dalam kasih karunia dan kesesuaian untuk pekerjaan-Nya, adalah sangat berharga bagi Yohanes. Dia menghargai setiap pelajaran dan sentiasa berusaha untuk menyelaraskan hidupnya dengan pola (teladan) ilahi. Yohanes mula melihat kemuliaan Kristus—bukan kemegahan dan kekuasaan duniawi yang selama ini diajarkan kepadanya untuk berharap, tetapi ‘kemuliaan yang diberikan kepada-Nya sebagai Anak Tunggal Bapa, penuh kasih karunia dan kebenaran.’ Yohanes 1:14.” —*Ibid.*, p. 544.

- c. **Jelaskan hasil hati yang penuh kasih kepada sesama kita. 1 Yohanes 3:10, 11; Yohanes 13:35.**
-

“Kedalaman dan semangat cinta kasih Yohanes kepada Gurunya bukanlah penyebab kasih Kristus kepadanya, tetapi akibat dari kasih itu. Yohanes rindu menjadi seperti Yesus, dan di bawah pengaruh kasih Kristus yang mengubah hidupnya, ia menjadi lemah lembut dan rendah hati. Dirinya telah tersembunyi dalam Yesus. Di atas semua sahabatnya, Yohanes menyerahkan dirinya kepada kuasa kehidupan yang menakjubkan. . . . Yohanes mengenal Juruselamat melalui pengetahuan secara langsung (ujikaji). Pelajaran-pelajaran Gurunya terukir pada jiwanya. Ketika dia bersaksi tentang kasih karunia Juruselamat, bahasa sederhananya penuh dengan ungkapan kasih yang meresap ke seluruh jiwanya.” —*Ibid.*, pp. 544, 545.

- a. Setelah tindakan untuk membunuh Yohanes tidak berhasil ke mana dia akhirnya dihantar? Wahyu 1:9.**

“Yohanes telah . . . dipanggil ke Rom untuk diadili kerana imannya. Di sini di hadapan pihak berkuasa, ajaran-ajaran rasul telah disalahfahamkan. Saksi-saksi palsu menuduhnya mengajarkan ajaran sesat yang menghasut. Dengan tuduhan-tuduhan ini, musuh-musuhnya berharap dapat membawa kematian kepada murid itu.

“Yohanes menjawab sendiri dengan cara yang jelas dan meyakinkan, dan dengan kesederhanaan dan kejujuran sedemikian sehingga kata-katanya mempunyai pengaruh yang kuat. Para pendengarnya kagum dengan kebijaksanaan dan kefasihannya. Tetapi semakin meyakinkan kesaksiannya, semakin mendalam kebencian para penentangannya.

. . .

“Yohanes dilemparkan ke dalam kualiti berisi minyak yang mendidih; tetapi Tuhan memelihara nyawa hamba-Nya yang setia, sama seperti Dia memelihara tiga orang Ibrani di dalam tungku perapian. Ketika kata-kata itu diucapkan, Demikianlah binasa semua orang yang percaya kepada penipu itu, Yesus Kristus dari Nazaret, Yohanes menyatakan, Guruku dengan sabar menanggung segala tipu daya Iblis dan malaikat-malaikatnya yang dirancang untuk mempermalukan dan menyeksa Dia. Dia memberikan nyawa-Nya untuk menyelamatkan dunia. Saya merasa berbahagia kerana diizinkan menderita demi Dia. . .

“Kata-kata ini mempunyai pengaruh, dan Yohanes dikeluarkan dari kualiti oleh orang-orang yang telah melemparkannya ke dalam. . .

“Atas perintah maharaja, Yohanes dibuang ke Pulau Patmos. . .

“Di sini, musuh-musuhnya berfikir, pengaruhnya tidak lagi dapat dirasakan, dan pada akhirnya dia harus mati dalam kesusahan dan penderitaan.” —*The Acts of the Apostles*, pp. 569, 570.

- b. Apakah keistimewaan berharga yang diperolehinya dari pembuangannya? Wahyu 1:1–3, 10, 11.**

“Patmos, sebuah pulau yang tandus dan berbatu di Laut Aegean, telah dipilih oleh pemerintah Rom sebagai tempat pengasingan bagi para pelaku kejahatan; tetapi bagi hamba Tuhan tempat tinggal yang suram ini menjadi gerbang surga. Di sini, terpencil dari suasana kehidupan yang sibuk, dan dari segala pekerjaan aktif pada tahun-tahun sebelumnya, dia mempunyai persekutuan dengan Tuhan dan Kristus serta para malaikat surgawi, dan daripada mereka dia menerima petunjuk bagi gereja untuk sepanjang masa yang akan datang. Peristiwa-peristiwa yang akan berlaku di akhir sejarah bumi ini telah diterangkan di hadapannya; dan di sana dia menuliskan penglihatan-penglihatan yang diterimanya daripada Tuhan.” —*Ibid.*, pp. 570, 571.

- a. Bagaimanakah Kristus menampakkan diri kepada Yohanes dalam penglihatan di Patmos? Wahyu 1:12–16.**
-

“[Pengikut yang dikasihi] telah melihat Gurunya di Getsemani, wajah-Nya ditandai dengan titisan darah penderitaan, ‘wajah-Nya . . . buruk bukan seperti manusia lagi, dan tampak-Nya bukan seperti anak manusia lagi.’ Yesaya 52:14. Dia telah melihat-Nya di tangan para tentera Rom, berpakaian jubah ungu tua dan dimahkotai duri. Dia telah melihat-Nya tergantung di salib Kalvari, menjadi sasaran ejekan dan penghinaan yang kejam. Kini Yohanes sekali lagi diizinkan untuk melihat Tuhannya. Namun betapa berubahnya penampilan-Nya! Dia bukan lagi Seorang yang penuh Kesengsaraan, dihina dan dihindari orang. Dia mengenakan jubah terang surgawi. . . . Patmos menjadi gemerlap dengan kemuliaan Tuhan yang telah dibangkitkan.” —*The Acts of the Apostles*, p. 582.

- b. Apakah reaksi Yohanes, dan apakah tugas yang diberikan Yesus kepadanya? Wahyu 1:17–19.**
-

“Yohanes dikuatkan untuk hidup di hadapan Tuhannya yang dimuliakan. Kemudian sebelum penglihatannya yang menakjubkan dibuka, kemuliaan surga terungkap. Dia diizinkan untuk melihat takhta Tuhan dan, melihat melampaui konflik (pertentangan) dunia, untuk melihat kerumunan orang-orang yang ditebus yang berjubah putih. Dia mendengar muzik para malaikat surgawi dan nyanyian kemenangan mereka yang telah menang oleh darah Anak Domba dan firman kesaksian mereka. Dalam wahyu yang diberikan kepadanya, terungkap peristiwa demi peristiwa yang sangat menarik tentang pengalaman umat Tuhan, dan sejarah gereja dinubuatkan hingga akhir zaman. Dalam bentuk gambar dan simbol, hal-hal yang sangat penting telah disampaikan kepada Yohanes, yang harus dia catat, agar umat Tuhan yang hidup pada zamannya dan pada zaman-zaman mendatang dapat mempunyai pemahaman yang cerdas tentang bahaya dan konflik yang di hadapan mereka.” —*Ibid.*, pp. 582, 583.

- c. Bagaimanakah kitab Wahyu menjadi perkabaran bagi kita secara peribadi? Wahyu 1:4–6; 3:22.**
-

“Kitab wahyu ini diberikan untuk bimbingan dan penghiburan gereja sepanjang zaman Kekristianan. Namun para guru agama menyatakan bahawa itu adalah kitab yang dimeteraikan dan rahasianya tidak dapat dijelaskan. Kerana itu banyak orang telah berpaling dari catatan kenabian, menolak meluangkan masa dan mempelajari rahasia-rahasiannya. Tetapi Tuhan tidak menghendaki umat-Nya menganggap kitab seperti itu.” —*Ibid.*, p. 583.

- a. Apakah makna penglihatan tentang Kristus di antara tujuh kaki dian emas? Wahyu 1:20.
-

“Kristus digambarkan berjalan di tengah-tengah kaki dian emas. Demikianlah dilambangkan hubungan-Nya dengan gereja-gereja. Dia sentiasa berkomunikasi dengan umat-Nya. Dia mengetahui keadaan sebenar mereka. Dia memerhatikan ketertiban mereka, kesalehan mereka, pengabdian mereka. Walaupun Dia adalah imam besar dan pengantara di bait suci di surga, namun Dia digambarkan berjalan naik turun di tengah-tengah gereja-gereja-Nya di bumi. Dengan berjaga tanpa lelah dan kewaspadaan tanpa henti-hentinya, Dia memerhati untuk melihat apakah terang dari salah satu penjaga-Nya malap atau padam. Jika lilin-lilin itu diserahkan kepada penjagaan manusia semata-mata, nyala api yang berkelip-kelip akan menjadi malap dan mati; tetapi Dia adalah penjaga sejati di rumah Tuhan, pengawas sejati di pelataran bait suci. Pemeliharaan dan kasih karunia-Nya yang berterusan adalah sumber kehidupan dan terang.” —*The Acts of the Apostles*, p. 586.

- b. Jelaskan tujuan perkabaran Tuhan kepada gereja secara keseluruhan, yang digambarkan oleh tujuh gereja dalam Wahyu pasal 2 dan 3.
-

“Nama-nama tujuh gereja adalah melambangkan gereja dalam tempoh yang berbeza Era Kristian. Angka 7 menunjukkan kesempurnaan, dan merupakan simbol fakta bahawa perkabaran-perkabaran itu menjangkau hingga akhir zaman, sementara simbol-simbol yang digunakan mengungkapkan keadaan gereja pada masa yang berbeza dalam sejarah dunia.” —*Ibid.*, p. 585.

“Gereja itu cacat dan memerlukan teguran dan hukuman yang keras, dan Yohanes diilhamkan untuk mencatatkan perkabaran-perkabaran tentang amaran dan teguran serta permohonan kepada mereka yang, mengabaikan prinsip-prinsip dasar Injil, seharusnya tidak membahayakan harapan keselamatan mereka. Namun kata-kata teguran yang menurut Tuhan perlu disampaikan selalu diucapkan dalam kasih yang lembut dan dengan janji perdamaian bagi setiap orang percaya yang bertobat.” —*Ibid.*, p. 587.

SOALAN-SOALAN SEMAKAN PERIBADI JUMAAT, 22 MEI

1. Walaupun Yesus tidak mempunyai murid yang digemari, mengapa Yohanes dipanggil murid yang dikasihi?
2. Apakah yang menyebabkan perubahan dalam kehidupan dan sifat Yohanes?
3. Bagaimanakah Tuhan menggagalkan rencana orang-orang jahat yang cuba menyingkirkan Yohanes?
4. Walaupun sering tersilap disebut sebagai kitab yang dimeterai, apakah makna Wahyu bagi kita?
5. Jelaskan tujuan Tuhan menyampaikan perkabaran teguran kepada gereja-Nya.

Naga, Perempuan, dan Sisa

AYAT HAFALAN: “Maka marahlah naga itu marah kepada perempuan itu, lalu pergi memerangi keturunannya yang lain, yang menuruti hukum-hukum Allah dan memiliki kesaksian Yesus.” (Wahyu 12:17).

Cadangan Bacaan: *The Great Controversy*, pp. 582–592.

“Kebebasan menuruti hati nurani, yang memerlukan pengorbanan yang begitu besar, tidak akan dihormati lagi. Dalam konflik (pertentangan) yang akan segera datang, kita akan melihat teladan dari perkataan nabi.” —*The Great Controversy*, p. 592.

1. GEREJA TERUNGKAP

AHAD, 24 MEI

a. Apakah yang dilihat pada awal penglihatan keempat Yohanes? Wahyu 12:1.

b. Dalam simbol Alkitab, apakah yang digambarkan dengan seorang perempuan? 2 Korintus 11:2; Yehezkiel 23:2–4; Wahyu 17:3–6.

“Dalam Wahyu 17 Babilon digambarkan sebagai seorang perempuan—satu angka yang digunakan dalam Alkitab sebagai simbol gereja, seorang perempuan yang murni menggambarkan sebuah gereja yang murni, seorang perempuan sundal menggambarkan sebuah gereja yang murtad.

“Dalam Alkitab, sifat suci dan kekal dari hubungan yang wujud antara Kristus dan gereja-Nya digambarkan oleh penyatuan perkawinan. Tuhan telah mempersatukan umat-Nya dengan diri-Nya melalui perjanjian yang serius, Dia berjanji untuk menjadi Tuhan mereka, dan mereka berjanji untuk menjadi milik-Nya dan hanya milik-Nya. Dia menyatakan: ‘Aku akan menjadikan engkau isteri-Ku dalam keadilan dan kebenaran, dalam kasih setia dan kasih sayang.’ Hosea 2:19. Dan, sekali lagi: ‘Aku telah menjadi tuan atas kamu.’ Yeremia 3:14. Dan Paulus menggunakan perumpamaan yang sama dalam Perjanjian Baru ketika dia berkata, ‘Aku telah mempertunangkan kamu kepada satu laki-laki untuk membawa kamu sebagai perawan suci kepada Kristus.’ 2 Korintus 11:2.” —*The Great Controversy*, p. 381.

- a. **Bagaimanakah jemaat berusaha keras (bergumul) dalam menantikan kedatangan anak Mesias? Wahyu 12:2; Yesaya 9:6; Lukas 2:25–32.**

“Kata-kata terakhir Yakub sebelum meninggal dipenuhi [umat Yahudi yang setia] dengan harapan, ‘Tongkat kerajaan tidak akan beranjak dari Yehuda, ataupun lambang pemerintahan dari antara kakinya, sampai dia datang yang berhak atasnya.’ Kejadian 49:10. Kekuasaan Israel yang semakin lemah membuktikan bahawa kedatangan Mesias sudah dekat. Nubuatan Daniel menggambarkan kemuliaan pemerintahan-Nya atas suatu kerajaan yang akan menggantikan semua kerajaan duniawi; dan, kata nabi, ‘kerajaan Itu akan tetap untuk selama-lamanya.’ Daniel 2:44. Walaupun hanya sedikit yang memahami sifat misi Kristus, terdapat harapan yang meluas tentang seorang putera yang perkasa yang akan mendirikan kerajaannya di Israel, dan yang akan datang sebagai penyelamat kepada bangsa-bangsa.

“Masa yang tepat telah tiba. Umat manusia, yang semakin merosot moralnya kerana pelanggaran selama berabad-abad zaman pelanggaran, menyeru kedatangan Penebus.” —*The Desire of Ages*, p. 34.

- b. **Apakah kekuasaan sivil (awam) yang digambarkan oleh naga merah padam yang besar? Wahyu 12:3.**

“Di bawah simbol-simbol seekor naga merah yang besar, seekor binatang buas seperti macan tutul (harimau bintang), dan seekor binatang bertanduk seperti anak domba, iaitu pemerintah duniawi yang secara khusus akan menginjak-injak hukum Tuhan dan menganiaya umat-Nya, diperlihatkan kepada Yohanes.” —*The SDA Bible Commentary*, vol. 7, p. 9727.

- c. **Kerana kekuasaan seperti naga ini, apakah bahaya yang dihadapi oleh gereja dan Mesias? Wahyu 12:4.**

“Setan telah berusaha untuk memperdalamkan jurang pemisah antara bumi dan surga. Dengan kepalsuannya, manusia akan semakin berani melakukan dosa. Adalah tujuannya untuk menguji kesabaran Tuhan, dan untuk memadamkan kasih-Nya kepada manusia, sehingga Dia akan menyerahkan dunia kepada kekuasaan setan.” —*The Desire of Ages*, pp. 34, 35.

“Setan di surga telah membenci Kristus kerana kedudukan-Nya di hadapan pengadilan Tuhan. Dia semakin membenci-Nya ketika dia sendiri diturunkan dari takhta. Dia membenci-Nya yang berjanji untuk menebus umat manusia yang berdosa. Namun ke dunia di mana Setan menuntut kekuasaan, Allah mengizinkan Anak-Nya datang, seorang bayi yang tidak berdaya, tertakluk kepada kelemahan manusia. Dia mengizinkan-Nya untuk menghadapi bahaya hidup yang sama dengan setiap jiwa manusia, untuk berperang dalam pertempuran sebagaimana setiap anak umat manusia harus melawannya, dengan risiko kegagalan dan kehilangan hidup kekal.” —*Ibid.*, p. 49.

- a. Apakah pemahaman tentang masa lalu yang disingkapkan kepada Yohanes, dan apakah maksudnya? Wahyu 12:7–9.**
-

“Penentangan terhadap hukum Tuhan bermula di istana syurga, dengan Lucifer, kerub pelindung. Setan bertekad untuk menjadi yang pertama dalam mesyuarat di syurga, dan setara dengan Allah. Dia memulakan pemberontakannya dengan para malaikat di bawah pimpinannya, berusaha untuk menyebarkan mereka semangat ketidakpuasan hati. Dan dia bekerja dengan cara yang sangat menipu di mana ramai malaikat telah dipengaruhi untuk taat setia sebelum tujuannya diketahui sepenuhnya. Bahkan malaikat-malaikat yang setia tidak dapat memahami sepenuhnya tabiatnya, atau melihat ke mana arah pekerjaannya. Setelah Setan telah berhasil mempengaruhi banyak malaikat di pihaknya, dia menyampaikan permohonannya kepada Tuhan, dengan menyatakan bahawa para malaikat menginginkan dia untuk menduduki kedudukan yang dipegang oleh Kristus.

“Kejahatan terus berlanjut sehingga semangat ketidakpuasan hati itu matang menjadi pemberontakan aktif. Lalu terjadilah peperangan di surga, dan Setan serta semua yang bersimpati kepadanya, dibuang.” —*The SDA Bible Commentary*, vol. 7, pp. 972, 9737.

- b. Bagaimanakah pengumuman dalam Wahyu 12:10, 11 menunjukkan terlaksananya penyingkiran Setan selama pelayanan Yesus?**
-

“Dengan melihat nubuatan, Kristus menggambarkan peristiwa-peristiwa yang akan berlaku dalam pertentangan besar terakhir-Nya. Dia tahu bahawa ketika Dia berseru, ‘Sudah selesai,’ seluruh surga akan bersukacita. Telinganya menangkap alunan muzik yang jauh dan sorak-sorai kemenangan di istana surgawi. Dia tahu bahawa lonceng kehancuran kerajaan Setan akan dibunyikan, dan nama Kristus akan dikumandangkan dari dunia ke dunia di seluruh alam semesta.” —*The Desire of Ages*, p. 679.

“Rencana penebusan mempunyai tujuan yang lebih luas dan lebih mendalam daripada keselamatan manusia. Bukan untuk ini saja Kristus datang ke bumi; bukan semata-mata bahawa penduduk dunia kecil ini dapat memandang hukum Tuhan sebagaimana yang sepatutnya; tetapi untuk membuktikan sifat Tuhan di hadapan alam semesta. . . . Tindakan Kristus untuk mati demi keselamatan manusia bukan sahaja membuat surga dapat diakses (dicapai) oleh manusia, tetapi di hadapan seluruh alam semesta, tindakan itu akan mewajarkan Allah dan Anak-Nya dalam menghadapi pemberontakan Setan. Itu akan menegakkan kekekalan hukum Tuhan dan akan menyatakan sifat serta akibat dosa.” —*Patriarchs and Prophets*, pp. 68, 69.

- a. Apakah bahaya yang semakin meningkat sekarang akan disampaikan kepada gereja? Wahyu 12:12, 13 .**
-

“Setan, mengetahui bahawa kekuasaan yang telah dirampasnya pada akhirnya akan dirampas kembali daripadanya, dia bertekad untuk tidak menyia-nyiakan usahanya untuk membinasakan sebanyak mungkin makhluk yang diciptakan Tuhan mengikut gambar-Nya. Dia membenci manusia kerana Kristus telah menunjukkan kasih pengampunan dan belas kasihan yang begitu besar kepadanya, dan dia (setan) kini bersedia untuk melakukan segala jenis penipuan agar orang-orang dapat disesatkan; dia meneruskan tujuannya dengan lebih bersemangat kerana keadaannya sendiri yang tidak berpengharapan.” —*The SDA Bible Commentary*, vol. 7, pp. 973, 9747.

“Pertentangan besar antara yang baik dan jahat akan semakin parah hingga akhir zaman. Sepanjang zaman kemurkaan Setan telah dinyatakan terhadap gereja Kristus; dan Tuhan telah menganugerahkan kasih karunia dan Roh-Nya kepada umat-Nya untuk menguatkan mereka agar dapat berdiri teguh melawan kuasa si jahat. Ketika para rasul Kristus menyampaikan Injil-Nya kepada dunia dan mencatatnya untuk semua zaman mendatang, mereka secara khusus dikurniakan pencerahan Roh. Tetapi ketika gereja menghampiri pembebasannya yang terakhir, Setan akan bekerja dengan kuasa yang lebih besar. . . . Dan semua kedalaman kemahiran dan kelicikan setan yang diperoleh, semua kekejaman yang dikembangkan, selama perjuangan zaman ini, akan digunakan untuk melawan umat Tuhan dalam konflik terakhir. Dan pada masa yang berbahaya ini, para pengikut Kristus harus menyampaikan kepada dunia amaran tentang kedatangan Tuhan yang kedua kali; dan suatu umat harus dipersiapkan untuk berdiri di hadapan-Nya pada kedatangan-Nya, ‘tak bercacat dan tak bernoda.’ 2 Petrus 3:14. Pada masa ini, karunia khusus berupa rahmat dan kuasa ilahi tidak kurang diperlukan bagi gereja daripada pada zaman para rasul.” —*The Great Controversy*, pp. ix, x.

- b. Jelaskan pengalaman gereja selama 1,260 tahun penindasan dan penganiayaan. Wahyu 12:6, 14.**
-

- c. Apakah bantuan yang datang untuk menangkis serangan agen manusia yang ingin digunakan oleh naga terhadap orang-orang beriman? Wahyu 12:15, 16.**
-

“Ketika berita tersebar ke seluruh negara-negara Eropah, tentang suatu negeri di mana setiap orang dapat menikmati hasil kerjanya sendiri dan menaati keyakinan hati nuraninya sendiri, ribuan orang berbondong-bondong ke pantai Dunia Baru.” —*Ibid.*, p. 296.

- a. **Ketika kemarahan naga mencapai puncaknya, bagaimanakah orang-orang yang setia digambarkan? Wahyu 12:17.**
-

“Pewahyu, yang memandang ke masa depan hingga ke akhir zaman, telah menyatakan, ‘Marahlah naga itu kepada perempuan itu, lalu pergi memerangi keturunannya yang lain, yang menuruti hukum-hukum Allah dan memiliki kesaksian Yesus.’ Wahyu 12:17. Beberapa orang yang hidup di bumi saat ini akan melihat firman ini digenapi. Roh yang sama yang pada masa lalu mendorong manusia untuk menganiaya gereja sejati, di masa akan datang akan terulang kembali tindakan yang sama terhadap mereka yang mempertahankan kesetiaan mereka kepada Tuhan. Bahkan sekarang persiapan sedang dilakukan untuk menghadapi pertentangan besar terakhir ini.” —*Prophets and Kings*, p. 605.

- b. **Bagaimanakah ciri-ciri umat sisa menggambarkan gereja pada akhir zaman? Wahyu 14:12; 19:10.**
-

“Gereja sisa akan mengakui Tuhan dalam hukum-Nya dan akan memiliki karunia nubuatan. Ketaatan kepada hukum Tuhan, dan roh nubuat selalu membezakan umat Tuhan sejati, dan ujian biasanya diberikan berdasarkan pernyataan (manifestasi) masa ini.” —*Loma Linda Messages*, p. 33.

“Gereja sisa akan dibawa ke dalam pencobaan dan kesukaran besar. Mereka yang menuruti hukum-hukum Tuhan dan iman kepada Yesus akan merasakan murka naga dan pasukannya. Setan menganggap dunia sebagai rakyatnya, dia telah menguasai gereja-gereja murtad; tetapi di sini ada sekelompok kecil orang yang menentang kekuasaannya.” —*Testimonies for the Church*, vol. 9, p.231

“Penolakan untuk menuruti hukum-hukum Tuhan, dan bertekad untuk menghargai kebencian terhadap mereka yang memberitakan hukum-hukum ini, menyebabkan peperangan yang paling mengerikan di pihak naga, yang seluruh tenaganya dikerah untuk melawan umat Tuhan yang menaati hukum-hukum Tuhan.” —*Ibid.*, vol. 8, p. 117.

SOALAN-SOALAN SEMAKAN PERIBADI JUMAAT, 29 MEI

1. Mengapakah gereja dilambangkan sebagai perempuan dalam Alkitab ?
2. Jelaskan risiko yang diambil oleh Anak Allah untuk datang ke bumi sebagai manusia.
3. Bilakah pengusiran Setan dari surga selesai sepenuhnya?
4. Jelaskan sebab kemarahan naga terhadap gereja.
5. Apakah ciri-ciri yang kita dapat lihat dalam mengenal pasti umat sisa?

Persembahan Sabat Pertama Rumah Doa di Prague, Republik Czech

Republik Czech ialah sebuah negara di tengah-tengah Eropah, bersempadan dengan Jerman, Poland, Austria, dan Slovakia. Dalam negara ini terdapat Bohemia, sebuah wilayah bersejarah dengan perkampungan yang indah, istana yang megah, dan warisan budaya dan rohani yang kaya di mana John Huss (1369–1415) memulakan reformasinya yang hebat. Hari ini Praha adalah sebuah negara sekular moden dengan penduduk sekitar 10.9 juta orang, di mana lebih daripada 1.4 juta tinggal di ibu kota, Praha.

Praha bukan sahaja pusat sejarah dan budaya tetapi juga tempat di mana ribuan orang memerlukan pertolongan secara rohani, banyak orang yang mencari makna kehidupan, harapan, dan kedamaian dalam hati mereka. Di antara penduduknya, 47.8% dianggap tidak beragama, 11.7% menganut agama Kristian (di mana 9.3% menganut agama Katolik dan 2.4% mazhab Kristian lain), dan 10.8% menganut agama lain.

Pelayanan SDA Gerakan Reformasi di bandar ini bermula pada Mei 2014, apabila hanya tiga orang berkumpul untuk pertemuan pertama kali. Kemudian, pada Ogos 2020, seorang pendeta dan keluarganya telah dihantar ke sini untuk memberitakan perkabaran kebenaran keselamatan masakini kepada jiwa-jiwa yang tersesat.

Hari ini, jemaat Praha berjumlah 30 anggota gereja, dan berserta dengan mereka yang berminat dan bersedia untuk dibaptis, lebih kurang 70 orang. Kebaktian ibadah ketika ini diadakan di ruang yang disewa, namun jemaat bersungguh-sungguh berdoa supaya dapat membeli atau membina gereja mereka sendiri—sebuah tempat di mana umat Tuhan dapat berkumpul, menguatkan iman, dan menyampaikan terang kebenaran kepada orang-orang di sekeliling mereka.

“Rumah tempat menyembah Tuhan haruslah sesuai dengan sifat dan keagungan-Nya.” —Testimonies for the Church, for the Churchvol.

Saudara saudari yang dikasihi, hari ini kita mempunyai peluang yang diberkati untuk mengambil bahagian dalam pekerjaan agung Tuhan. Persembahan anda adalah pelaburan untuk kekekalan, untuk keselamatan jiwa, dan untuk menguatkan gereja di kota Eropah. Tolong doakan untuk bimbingan Tuhan, sokongan projek ini, dan penyebaran keperluan ini kepada orang lain. Semoga Tuhan memberkati setiap orang yang dengan penuh kasih mengambil bahagian dalam pekerjaan ini!

“Kami selalu mengucapkan syukur kepada Allah kerana kamu semua, dan menyebut kamu dalam doa kami” (1 Tesalonika 1:2).

Saudara/saudari anda dari Praha

Binatang dan Tanda

AYAT HAFALAN: “Dan Ia menyebabkan, sehingga kepada semua orang, kecil atau besar, kaya atau miskin, merdeka atau hamba, diberi tanda pada tangan kanannya atau pada dahinya” (Wahyu 13:16).

Cadangan Bacaan: *The Great Controversy*, pp. 439–450.

“Tanduk yang menyerupai domba dan suara naga dalam simbol menunjukkan pertentangan yang ketara antara profesi (berpengetahuan tinggi) dan amalan bangsa yang digambarkannya.” —*The Great Controversy*, p. 442.

1. BINATANG CAMPURAN

AHAD, 31 MEI

a. Apakah yang dilihat Yohanes dalam Wahyu 13:1 (bahagian pertama), dan bagaimana kita memahami hal ini berdasarkan kajian kita tentang Daniel 7:3?

b. Apakah yang dapat kita pelajari daripada bagaimana beberapa ciri fizikal binatang itu berkaitan dengan empat binatang yang telah kita pelajari sebelum ini? Wahyu 13:2; Daniel 7:4–6.

“Dalam pasal 13 (ayat 1–10) digambarkan binatang lain, ‘serupa dengan macan tutul,’ yang kepadanya naga memberikan ‘kekuatannya, dan takhtanya, dan kekuasaannya yang besar.’ Simbol ini, sebagaimana yang dipercayai oleh kebanyakan orang Protestan, melambangkan kepausan, yang menggantikan kekuasaan dan takhta serta otoriti (kekuasaan) yang pernah dipegang oleh Kerajaan Rom kuno. .. Mengenai binatang yang menyerupai macan tutul itu dinyatakan: ‘Kepada binatang itu diberikan mulut, yang penuh kesombongan dan hujat. . . . Lalu ia membuka mulutnya untuk menghujat Allah, menghujat nama-Nya dan semua mereka yang diam di sorga. Dan dia diperkenankan untuk berperang melawan orang-orang kudus dan untuk mengalahkan mereka; dan kepadanya diberikan kuasa atas setiap suku dan umat dan bahasa dan bangsa.’ Nubuatan ini, yang hampir sama dengan gambaran tentang tanduk kecil Daniel 7, tidak diragukan lagi menunjuk kepada kepausan.” —*The Great Controversy*, p. 439.

“Di kebanyakan negara Eropah, kuasa yang memerintah dalam gereja dan negara selama berabad-abad telah dikawal oleh Setan melalui perantara kepausan.” —*Ibid.*, pp. 268, 269.

- a. Bagaimanakah identiti (ciri-ciri) binatang itu disahkan berdasarkan masa keunggulannya? Wahyu 13:5; Daniel 7:25.
-

“ ‘Kepadanya diberikan juga kuasa untuk melakukannya empat puluh dua bulan lamanya.’ Dan, kata nabi itu, ‘Tampaklah kepada ku satu dari kepala-kepalanya seperti kena luka yang membahayakan hidupnya.’ Dan sekali lagi: ‘Barangsiapa ditentukan untuk ditawan, ia akan ditawan; barangsiapa ditentukan untuk dibunuh dengan pedang, ia harus dibunuh dengan pedang.’ Empat puluh dua bulan itu sama dengan ‘satu masa dan dua masa dan setengah masa,’ tiga setengah tahun atau 1260 hari, menurut Daniel 7— masa di mana kekuasaan kepausan menindas umat Tuhan. Tempoh ini, . . . bermula dengan kekuasaan kepausan, a.d. 538, dan berakhir pada tahun 1798. Pada masa itu paus telah ditawan oleh tentera Perancis, kekuasaan kepausan menerima luka yang mematikan, dan nubuatan itu digenapi, ‘Barangsiapa ditentukan untuk ditawan, ia akan ditawan.’ ” —*The Great Controversy*, p. 439.

- b. Bagaimanakah kekuasaan binatang yang menyerupai macan tutul itu menjadi lemah? Wahyu 13:3 (bahagian pertama), 10.
-

- c. Apakah tindakan yang akan dilakukan oleh binatang itu? Wahyu 13:6–8.
-

“Pengaruh Rom di negara-negara yang pernah mengakui kekuasaannya masih jauh dari kehancuran. Dan nubuatan menubuatkan pemulihan kekuasaannya. ‘Tampaklah kepadaku satu dari kepala-kepalanya seperti kena luka yang membahayakan hidupnya, tetapi luka yang membahayakan hidupnya itu sembuh. Seluruh dunia heran, lalu mengikuti binatang itu.’ Ayat 3. Penderitaan akibat luka yang mematikan itu menunjukkan kepada kejatuhan kepausan pada tahun 1798. Setelah itu, nabi berkata, ‘luka yang membahayakan hidupnya itu sembuh: dan seluruh dunia heran, lalu mengikuti binatang itu.’ Paulus menyatakan dengan jelas bahawa ‘manusia durhaka’ akan terus ada sehingga kedatangan Yesus kali kedua. 2 Tesalonika 2:3–8. Sampai akhir zaman dia akan terus melakukan pekerjaan penipuan. Dan pewahyu menyatakan, juga merujuk kepada kepausan: ‘Semua orang yang diam di atas bumi akan menyembahnya, yaitu setiap orang yang namanya tidak tertulis sejak dunia dijadikan di dalam kitab kehidupan.’ Wahyu 13:8. Dalam kedua-dua Dunia Lama dan Dunia Baru, kepausan akan menerima penghormatan sebagaimana penghormatan yang diberikan kepada lembaga hari Minggu, yang sepenuhnya didasarkan atas otoriti (kekuasaan) Gereja Rom.” —*Ibid.*, p. 579.

- a. **Apakah kuasa politik baru yang dilihat muncul ketika kekuasaan kepausan menerima luka yang mematikan? Wahyu 13:11.**
-

“Binatang bertanduk dua sama seperti anak domba itu kelihatan ‘keluar dari dalam bumi.’ Daripada melumpuhkan kekuasaan lain untuk menegakkan dirinya, bangsa yang digambarkan demikian harus muncul di wilayah yang sebelumnya tidak diduduki dan membesar secara perlahan-lahan dan aman. Oleh kerana itu, bangsa itu tidak mungkin muncul di antara bangsa-bangsa Dunia Lama yang padat dan saling bersaing —laut bergelora terdiri dari ‘bangsa-bangsa dan rakyat banyak dan kaum dan bahasa.’ Bangsa tersebut harus dicari di Benua Barat.

“Apakah negara di Dunia Baru yang pada tahun 1798 bangkit menjadi berkuasa, menjanjikan kekuatan dan kebesaran, dan menarik perhatian dunia? Penggunaan simbol tersebut tidak diragukan lagi. Hanya satu bangsa, dan hanya satu, yang memenuhi spesifikasi nubuatan ini; itu menunjukkan dengan jelas kepada Amerika Syarikat. Berulang-kali pemikiran, hampir kata-kata itu tepat, dari penulis kitab suci telah secara tidak sedar digunakan oleh pembicara dan sejarawan dalam menggambarkan kebangkitan dan pertumbuhan bangsa ini. Binatang itu kelihatan ‘muncul dari bumi;’ dan, menurut para penterjemah, perkataan di sini diterjemahkan sebagai ‘keluar’ secara harfiah bermaksud ‘tumbuh atau muncul seperti tanaman.’ Dan, seperti yang kita telah lihat, bangsa itu harus bangkit di wilayah yang sebelumnya tidak diduduki. . . .

“ ‘Dan bertanduk dua sama seperti anak domba.’ Tanduk yang menyerupai anak domba menunjukkan orang muda, kemurnian, dan kelembutan, yang secara tepat menggambarkan ciri-ciri Amerika Syarikat ketika diperkenalkan kepada nabi sebagai ‘muncul’ pada tahun 1798. Di antara para orang buangan Kristian yang mula-mula melarikan diri ke Amerika dan mencari perlindungan daripada penindasan kerajaan dan sikap tidak bertolak ansur (tidak bertoleransi) keagamaan, banyak orang bertekad untuk membangun pemerintahan di atas landasan kebebasan awam dan kebebasan beragama. Pandangan mereka dimasukkan dalam Deklarasi Kemerdekaan, yang menyatakan kebenaran agung bahawa ‘semua manusia dicipta setara’ dan dikurniakan hak yang tidak dapat dibatalkan untuk ‘hidup, kebebasan, dan mengejar kebahagiaan.’ Dan Perlembagaan menjamin hak rakyat untuk mengatur diri sendiri, dengan syarat bahawa wakil yang dipilih oleh pemilihan umum hendaklah menetapkan dan melaksanakan hukum. Kebebasan beragama juga diberikan, setiap orang diizinkan untuk menyembah Tuhan sesuai dengan tuntutan hati nuraninya. Republikanisme (ketua negara dilantik bukan atas sebab keturunan tetapi melalui pilihan raya) dan Protestantisme (denominasi Kristian bukan Katolik) menjadi prinsip asas negara. Prinsip-prinsip ini adalah rahsia kekuasaan dan kemakmurannya. Orang-orang yang tertindas dan teraniaya di seluruh dunia Kristian telah berpaling ke negeri ini dengan penuh minat dan harapan. Berjuta-juta orang telah mencari pantai-pantainya, dan Amerika Syarikat telah bangkit menjadi salah satu negara paling berkuasa di dunia.” —*The Great Controversy*, pp. 440, 441.

- a. Apakah perkembangan mengejutkan yang akan berlaku, yang dilaksanakan oleh binatang seperti anak domba itu? Wahyu 13:12, 16.**

“Tanduk yang menyerupai anak domba dan berbicara seperti naga pada simbol tersebut menunjukkan pertentangan yang ketara antara profesion (pemimpin berpengaruh dan berkuasa) dan amalan bangsa yang diwakili olehnya. 'Ucapan' bangsa adalah tindakan pihak berkuasa perundangan dan kehakimannya. Dengan tindakan seperti itu, ia akan memberikan pembbohongan kepada prinsip-prinsip liberal dan aman yang telah mereka sampaikan sebagai asas dasarnya. Nubuatan bahawa binatang seperti anak domba itu akan berbicara 'seperti seekor naga' dan menjalankan 'seluruh kuasa binatang yang pertama' dengan jelas menubuatkan perkembangan sikap tidak bertoleransi dan penganiayaan yang ditunjukkan oleh bangsa-bangsa yang digambarkan oleh naga dan binatang yang menyerupai macan tutul. Dan pernyataan bahawa binatang yang bertanduk dua 'yang menyebabkan seluruh bumi dan semua penghuninya menyembah binatang pertama' menunjukkan bahawa otoriti (kekuasaan) negara ini akan dilaksanakan dengan menguatkuasakan beberapa peraturan secara paksa yang merupakan suatu bentuk penghormatan kepada kepausan.

“Tindakan seperti itu, akan bertentangan secara langsung dengan prinsip-prinsip pemerintahan ini, dengan kepintaran institusi bebasnya, dengan pengakuan sungguh-sungguh Deklarasi Kemerdekaan, dan Perlembagaan. Para pengasas (pemula) negara dengan bijaksana berusaha untuk mengelakkan penggunaan kuasa duniawi oleh pihak gereja, dengan akibat yang tidak terhindarkan- sikap tidak bertolak ansur (tidak bertoleransi) dan penganiayaan. Perlembagaan (undang-undang tertinggi negara) menetapkan bahawa 'Kongres tidak boleh membuat undang-undang tentang penubuhan agama, atau melarang kebebasan menunaikan tuntutan agama,' dan bahawa 'tiada ujian keagamaan diperlukan sebagai kelayakan di mana-mana pejabat amanah awam di bawah Amerika Syarikat.' Hanya dengan pelanggaran terang-terangan terhadap perlindungan kebebasan negara ini, segala amalan keagamaan hendaklah dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa awam.” —*The Great Controversy*, p. 442.

- b. Bagaimanakah menguatkuasaan tanda binatang ini akan menjadi kejatuhan Amerika Syarikat? Amsal 14:34; Mazmur 119:126.**

“Setiap abad kebodohan telah menimbun murka pada hari kemurkaan; dan apabila tiba masanya, dan kedurhakaan telah mencapai puncaknya, maka Tuhan akan melakukan pekerjaan-Nya yang luar biasa. Maka terjadilah hal yang mengerikan jika kesabaran ilahi telah berakhir; kerana murka Tuhan akan turun begitu dahsyat dan kuat sehingga digambarkan sebagai sesuatu yang tanpa campuran belas kasihan; dan bumi akan menjadi sunyi sepi. Pada masa kemurtadan negara, ketika, bertindak atas dasar Setan, para penguasa bumi akan menempatkan diri mereka di pihak orang-orang berdosa-saat itulah ukuran rasa bersalah akan mencapai puncaknya; kemurtadan negara adalah isyarat untuk kehancuran negara.” —*Selected Messages*, bk. 2, p. 3732.

a. Apakah tanda kekuasaan Rom? Daniel 7:25.

“Sebagai tanda otoriti (kekuasaan) Gereja Katolik, para penulis kepausan menyebut ‘tindakan mengubah hari Sabat kepada hari Ahad, yang diakui oleh Protestan; . . . kerana dengan memelihara hari Ahad, mereka mengakui kuasa gereja untuk menetapkan perayaan-perayaan, dan memerintahkannya di bawah dosa.’—Henry Tuberville, *An Abridgment of the Christian Doctrine*, muka surat 58. Lalu apakah perubahan hari Sabat, selain tanda, atau lambang, kekuasaan Gereja Roma—‘tanda binatang’? . . .

“Ketika pematuhan hari Ahad akan dikuatkuasakan oleh hukum, dan dunia akan diterangi mengenai kewajiban Sabat yang sejati, maka barangsiapa yang melanggar perintah Tuhan, untuk menaati suatu ajaran yang tidak mempunyai otoritas (kuasa) yang lebih tinggi daripada Roma, bermakna menghormati kepausan melebihi dari Tuhan.”—*The Great Controversy*, pp. 448, 449.

b. Jelaskan kemuncak dari gerakan yang berbeza-yang satu untuk menerangi jiwa-jiwa tentang kebenaran dan satu lagi untuk melaksanakan tanda binatang itu. Wahyu 13:13–15; 16:13, 14; Matius 24:14, 24.

“Gereja memohon campur tangan kepada kekuasaan awam, dan, dalam pekerjaan ini, kepausan dan Protestan bersatu. Apabila gerakan pematuhan hari Minggu menjadi lebih menonjol dan pasti, hukum akan dikuatkuasakan (dilaksanakan) terhadap orang-orang yang mematuhi perintah. Mereka akan diancam dengan denda dan dipenjarakan, dan sebahagian orang akan ditawarkan dengan kedudukan berpengaruh, dan ganjaran serta keuntungan lainnya, sebagai umpan agar mereka meninggalkan iman mereka. Tetapi jawapan teguh mereka adalah: ‘Tunjukkan kepada kami dari firman Tuhan kesalahan kami’—permohonan yang sama seperti yang dilakukan oleh Luther dalam keadaan yang serupa. Mereka yang dihadapkan ke pengadilan memberikan pembelaan yang kuat terhadap kebenaran, dan sebahagian orang yang mendengarnya terdorong untuk mengambil pendirian mereka untuk menaati semua hukum-hukum Tuhan. Dengan demikian, terang akan terpancar ke hadapan ribuan yang jika tidak, tidak akan mengetahui kebenaran-kebenaran ini.” —*Ibid.*, p. 607.

SOALAN-SOALAN SEMAKAN PERIBADI JUMAAT 5 JUN

1. Bagaimanakah beberapa ciri-ciri binatang dalam Daniel 7 dibawa ke Rom?
2. Tinjau pelbagai cara pengiraan 1260 tahun kekuasaan tertinggi kepausan.
3. Mengapakah luka yang mematikan itu tidak menyebabkan kematian kepada binatang itu?
4. Apakah ciri-ciri unik Amerika Syarikat yang digambarkan oleh tanduk domba tersebut?
5. Adakah orang-orang yang beribadah pada hari Minggu saat ini sudah mempunyai Tanda Binatang?

Tiga Malaikat

AYAT HAFALAN: “Yang penting di sini ialah ketekunan orang-orang kudus, yang menuruti menuruti perintah Allah dan iman kepada Yesus” (Wahyu 14:12).

Cadangan Bacaan: *Early Writings*, pp. 232–261.

“Saya diperlihatkan tiga langkah—perkhabaran malaikat pertama, kedua, dan ketiga. Malaikat pendampingku berkata, ‘Celakalah orang yang akan memindahkan satu balok atau sekecil jarum pun dari perkhabaran-perkhabaran ini. Pemahaman sejati tentang perkhabaran-perkhabaran ini adalah sangat penting.’ ” —*Early Writings*, p. 258.

1. MALAIKAT DALAM WAHYU

AHAD, 7 JUN

a. **Bandingkan dan bezakan pelbagai jenis utusan yang digambarkan oleh malaikat. Wahyu 1:20; 10:1, 5; 11:1; 22:8.**

b. **Bagaimanakah Tuhan menyampaikan perkhabaran kepada setiap orang di bumi? Roma 10:13–15.**

“Sebagai wakil-Nya di antara manusia, Tuhan tidak memilih para malaikat yang tidak pernah jatuh, tetapi manusia, orang-orang yang mempunyai semangat yang sama dengan mereka yang ingin mereka selamatkan. . . . Dan kepada lelaki dan perempuan telah dipercayakan amanah suci untuk memberitakan ‘kekayaan Kristus yang tidak terduga.’ Efesus 3:8.” —*The Acts of the Apostles*, p. 134.

“Kita harus bekerjasama dengan para malaikat syurgawi dalam memperkenalkan Yesus kepada dunia. . . . kerana manusia harus menjadi saluran untuk berkomunikasi dengan manusia. Dan ketika kita menyerahkan diri kita kepada Kristus dengan sepenuh hati, para malaikat bersukacita kerana mereka dapat berbicara melalui suara kita untuk menyatakan kasih Tuhan.” —*The Desire of Ages*, p. 297.

c. **Siapakah yang dilambangkan oleh para malaikat dalam Wahyu 14:6–12 dan misi mereka? Matius 28:19, 20; Kisah 1:8.**

“Para malaikat digambarkan terbang di tengah-tengah langit, menyampaikan perkhabaran peringatan kepada dunia. . . . Tidak seorang pun mendengar suara para malaikat ini, kerana mereka adalah simbol yang mewakili umat Allah yang bekerja selaras dengan alam semesta surgawi.” —*Selected Messages*, bk. 2, p. 3872.

- a. **Kepada siapakah malaikat pertama menyampaikan perkhabarannya? Wahyu 14:6.**
-

“Kebangkitan agama besar di bawah pemberitaan tentang kedatangan segera Kristus dinubuatkan dalam nubuatan perkhabaran malaikat pertama dalam Wahyu 14. . . . Malaikat yang terbang ‘di tengah langit,’ ‘suara nyaring’ oleh mana peringatan itu disampaikan, dan penyebarannya kepada semua ‘yang diam di bumi’—‘kepada setiap bangsa, dan suku, dan bahasa, dan kaum’—memberikan bukti tentang kecepatan dan jangkauan gerakan di seluruh dunia.” —*The Great Controversy*, p. 355.

- b. **Bagaimanakah malaikat pertama menarik perhatian kepada Allah sebagai Pencipta? Wahyu 14:7; Kejadian 1:1; Efesus 3:9.**
-

- c. **Renungkan bagaimana Gerakan Advent disesuaikan dengan perkhabaran malaikat pertama dan penghakiman kepada pemberitaan mereka tentang kedatangan segera Kristus. Daniel 7:26, 27; 8:14; Kisah 17:30, 31 .**
-

“Kepada William Miller dan rakan-rakannya telah diberikan tugas untuk memberitakan amaran di Amerika. Negara ini menjadi pusat gerakan kedatangan Kristus yang agung. Di sinilah nubuatan perkhabaran malaikat pertama digenapi secara langsung. Tulisan Miller dan rakan-rakannya tersebar ke negeri-negeri yang jauh. Di mana saja para penginjil menjangkau ke seluruh dunia, di sanalah kabar gembira tentang kedatangan kembali Kristus yang segera. Sebarkan Injil kekal ke seluruh dunia: ‘Takutlah akan Allah dan muliakanlah Dia; kerana telah tiba saat penghakiman-Nya.’

“Kesaksian dari nubuatan-nubuatan yang kelihatannya menunjuk kepada kedatangan Kristus pada musim semi tahun 1844 sangat mempengaruhi pikiran banyak orang. Ketika perkhabaran itu tersebar dari negeri ke negeri, banyak orang telah terbangkit perhatiannya dengan meluas di seluruh negeri itu. Banyak orang yang diyakinkan bahawa semua pendapat sejak zaman kenabian adalah benar, dan, dengan mengorbankan kesombongan pendapat mereka, mereka dengan sukacita menerima kebenaran itu. Sebahagian pendeta mengesampingkan pandangan dan perasaan fanatik (keterlaluan dalam pegangannya) mereka, meninggalkan gaji dan gereja mereka, dan bersatu dalam memberitakan kedatangan Yesus. Namun, hanya sedikit pendeta yang mahu menerima perkhabaran ini; kerana itu, tugas itu sebahagian besarnya dipercayakan kepada orang biasa yang rendah hati. . . . Keadaan gereja yang tidak beriman dan dunia yang terjerumus dalam kejahatan, membebani jiwa para penjaga sejati, dan mereka dengan rela menanggung susah payah, kekurangan, dan penderitaan, agar mereka dapat membawa manusia untuk bertobat dan memperoleh keselamatan. Walaupun ditentang oleh Setan, pekerjaan itu harus maju, dan kebenaran kedatangan Yesus diterima oleh ribuan orang.” —*Ibid.*, p. 368.

- a. **Apakah yang malaikat kedua katakan tentang keadaan rohani gereja yang mengaku sebagai pengikut Kristus? Wahyu 14:8.**

“Apakah wain (minuman beralkohol) itu?—Ajaran-ajaran palsunya. Dia telah memberikan kepada dunia Sabat palsu sebagai pengganti hari Sabat dari hukum keempat, dan telah mengulangi penipuan yang pertama kali disampaikan Setan kepada Hawa di Eden—kekekalan semula jadi jiwa. Banyak kesalahan yang serupa dia telah sebarkan di banyak tempat, ‘ajaran yang mereka ajarkan ialah perintah manusia’ (Matius 15:9).” — *Selected Messages*, bk. 2, p. 1182.

“Babilon telah menyemai ajaran yang beracun, dengan anggur (wain) kesesatan. Wain kesesatan ini terdiri daripada ajaran-ajaran palsu, seperti keabadian semula jadi jiwa, siksaan kekal bagi orang-orang jahat, penyangkalan terhadap keberadaan Kristus sebelum kelahiran-Nya di Betlehem, dan menganjurkan serta meninggikan hari pertama dalam minggu di atas hari Tuhan yang kudus dan disucikan. Kesalahan-kesalahan ini dan yang serupa dengannya disampaikan kepada dunia oleh berbagai gereja, dan dengan demikian genaplah Kitab Suci yang mengatakan, ‘kerana semua bangsa telah minum dari anggur hawa nafsu cabulnya’ ” — *Testimonies to Ministers*, pp. 61, 62.

- b. **Jelaskan bagaimana para pengikut Gerakan Advent memahami kekecewaan pertama mereka, penemuan akhir sebenar 2300 hari, dan panggilan mereka untuk berpisah daripada mereka yang menolak perkhabaran itu. Habakuk 2:3; Matius 25:6.**

“Pada musim panas 1844, di tengah-tengah antara waktu yang pertama kali disangkakan bahawa 2300 hari itu akan berakhir, dan musim gugur tahun yang sama, yang kemudiannya diketahui bahawa perkhabaran itu disebarkan, dan diberitakan dengan kata-kata Kitab Suci sendiri: ‘Mempelai datang!, Songsonglah dia!’

“Penyebab munculnya gerakan ini ialah penemuan bahawa dekrit (ketetapan) Artah-sasta untuk pemulihan Yerusalem, yang menjadi titik permulaan tempoh 2300 hari, mulai berkuatkuasa (dilaksanakan) pada musim gugur tahun 457 SM, dan bukan pada awal tahun, seperti yang diyakini sebelumnya. Jika dihitung dari musim gugur 457, 2300 tahun berakhir pada musim gugur 1844.” — *The Great Controversy*, pp. 398, 399.

“Kerana gereja-gereja menolak untuk menerima perkhabaran malaikat pertama, mereka menolak terang dari surga dan terlepas dari perkenan Tuhan. Mereka mengandalkan kekuatan mereka sendiri, dan dengan menentang pekhabaran pertama, mereka menempatkan diri mereka di mana mereka tidak dapat melihat terang pekhabaran malaikat kedua. Tetapi mereka yang dikasihi Allah, yang ditindas, menerima perkhabaran, ‘Sudah jatuh Babel,’ dan meninggalkan gereja-gereja.” — *Early Writings*, p. 237.

- a. Apakah amaran mengejutkan yang datang dari malaikat ketiga? Wahyu 14:9–11.**
-

“Ancaman yang paling menakutkan yang pernah ditujukan kepada manusia terkandung dalam perkhabaran malaikat ketiga. Itu pasti dosa yang dahsyat yang mendaatkan murka Tuhan tanpa campuran belas kasihan. Manusia tidak seharusnya dibiarkan dalam kegelapan tentang perkara penting ini; amaran terhadap dosa ini harus diberikan kepada dunia sebelum tiba penghakiman Tuhan, supaya semua orang tahu mengapa mereka harus dihukum, dan berpeluang untuk melepaskan diri darinya. . . . Ia digambarkan dalam nubuatan sebagai seruan dengan suara yang nyaring, oleh malaikat yang terbang di tengah-tengah langit; dan ia akan menarik perhatian dunia.” —*The Great Controversy*, pp. 449, 450.

- b. Pada masa perkhabaran malaikat ketiga, bagaimanakah orang-orang kudus dibezakan? Wahyu 14:12.**
-

“Para penyembah Tuhan akan dibezakan secara khusus oleh penghormatan mereka terhadap hukum keempat, kerana ini adalah tanda kuasa penciptaan Tuhan dan saksi tuntutan-Nya atas penghormatan dan penghargaan manusia. . . . Dalam isu permasalahan konflik ini, seluruh umat Kristian akan terbahagi kepada dua golongan besar, iaitu mereka yang menuruti hukum-hukum Tuhan dan iman kepada Yesus, dan mereka yang menyembah binatang dan patungnya, dan menerima tandanya. Walaupun gereja dan negara akan menyatukan kuasa mereka untuk memaksa semua orang, ‘kecil atau besar, kaya atau miskin, merdeka atau hamba,’ untuk menerima tanda binatang itu, namun umat Tuhan tidak mahu menerimanya. —*Testimonies for the Church*, vol. 9, pp. 16, 17.

- c. Bagaimanakah perkembangan perkhabaran malaikat ketiga digambarkan? Wahyu 7:2, 3.**
-

“Pada pertemuan yang diadakan di Dorchester, Mass., November, 1848, saya telah diberi pandangan tentang pemberitaan perkhabaran pemeteraian, dan kewajiban saudara-saudara untuk menyebarkan terang yang bersinar di jalan kita.

“Setelah sedar dari penglihatan itu, saya berkata kepada suami saya: ‘Saya mempunyai pesan untuk kamu. Kamu harus mula mencetak kertas kecil dan berikannya kepada orang-orang. Biarlah kecil pada mulanya; tetapi sementara mereka membacanya, mereka akan memberikan kamu sarana untuk mencetak, dan itu akan menjadi sukses dari yang pertama. Dari permulaan yang kecil ini, telah ditunjukkan kepada saya sebagai sesuatu aliran terang yang menyinari dunia.’ ”—*Life Sketches*, p. 125.

- a. Bagaimanakah berkat yang diberitakan akan digenapi mengenai mereka yang mati dalam iman ketika pengumuman pekabaran malaikat ketiga? Wahyu 14:13; Daniel 12:2.
-

“Pada tengah malam itulah Tuhan memilih untuk menyelamatkan umat-Nya. Ketika orang-orang jahat mengejek di sekeliling mereka, tiba-tiba matahari muncul, bersinar dalam kekuatannya, dan bulan berhenti. Orang-orang jahat memandang peristiwa itu dengan takjub, sementara orang-orang kudus melihat dengan sukacita yang sungguh-sungguh tanda-tanda pembebasan mereka. Tanda-tanda dan keajaiban terjadi berturut-turut dengan cepat. Segala sesuatu kelihatan berubah dari keadaan semula jadinya. Sungai-sungai berhenti mengalir. Awan gelap dan tebal naik dan bertembung antara satu sama lain. Namun ada satu tempat yang jelas, kemuliaan yang pasti, di sanalah kedengaran suara Tuhan seperti banyak air, menggoncang langit dan bumi. Terjadilah gempa bumi yang dahsyat. Kubur-kubur terbuka, dan mereka yang telah mati dalam iman di bawah perkhabaran malaikat ketiga, memelihara hari Sabat, bangkit dari tempat tidur mereka yang berdebu, dimuliakan, untuk mendengar perjanjian damai yang Tuhan akan buat dengan mereka yang telah menuruti hukum-Nya.” —*Early Writings*, p. 285.

- b. Apakah yang akan berlaku pada akhir perkhabaran tiga malaikat? Wahyu 14:14–16; Markus 4:26–29.
-

“Saya melihat malaikat bergegas ke sana ke mari di syurga. Seorang malaikat dengan kotak dakwat (tinta) penulis di sisinya kembali dari bumi dan melaporkan kepada Yesus bahawa pekerjaannya telah selesai, dan orang-orang kudus telah dihitung dan dimeteraikan. Lalu saya melihat Yesus, yang sedang melayani di hadapan tabut yang berisi sepuluh hukum, melemparkan pedupaan itu. Dia mengangkat tangan-Nya, dan dengan suara nyaring berkata, ‘Sudah terlaksana.’ ” —*Ibid.*, p. 279.

SOALAN-SOALAN SEMAKAN PERIBADI JUMAAT 12 JUN

1. Mengapakah Tuhan menjadikan pemberitaan injil bergantung kepada perantara manusia?
2. Bagaimanakah perkhabaran malaikat pertama sampai ke seluruh dunia?
3. Jelaskan alasan bagi pemberian perkhabaran malaikat kedua.
4. Apakah perbezaan yang ditonjolkan oleh perkhabaran malaikat ketiga?
5. Apakah peristiwa yang akan berlaku selepas perkhabaran tiga malaikat itu selesai disampaikan?

Panggilan Terakhir

AYAT HAFALAN: ““Kemudian dari pada itu aku melihat seorang malaikat lain turun dari surga. Ia mempunyai kekuasaan besar dan bumi menjadi terang oleh kemuliaannya” (Wahyu 18:1).

Cadangan Bacaan: *The Great Controversy*, pp. 603–612.

“Pekerjaan besar Injil tidak akan berakhir dengan pernyataan kuasa Tuhan yang lebih sedikit daripada yang menandai permulaannya.” —*The Great Controversy*, p. 611.

1. BABEL BESAR

AHAD, 14 JUN

- a. Jelaskan pandangan dramatik (menarik perhatian) yang dilihat Yohanes tentang gereja yang dikenali sebagai Babel Besar. Wahyu 17:1–6.**

“Perempuan (Babilon) dalam Wahyu 17 ialah . . . digambarkan sebagai 'berpakaian kain ungu dan kain kirmizi yang dihiasi dengan emas, permata dan mutiara, dan di tangannya ada suatu cawan emas penuh dengan segala kekejian dan kenajisan percabulannya: . . . dan pada dahinya tertulis suatu nama, suatu rahasia, "Babel besar, ibu dari wanita-wanita pelacur. . . .' Kekuasaan yang selama berabad-abad mempertahankan kekuasaan kelaliman atas raja-raja Kristen ialah Rom. Warna ungu dan kain kirmizi yang dihiasi dengan emas dan batu permata dan mutiara, dengan jelas menggambarkan kemegahan dan kemewahan yang melebihi keagungan kerajaan yang ditunjukkan oleh takhta Rom yang angkuh. Dan tidak ada kekuasaan lain yang benar-benar dapat dinyatakan sebagai 'mabuk oleh darah orang-orang kudus' selain gereja yang telah menganiaya pengikut Kristus dengan begitu kejam. Babilon juga dituduh melakukan dosa bersekutu secara tidak sah dengan 'raja-raja di bumi.' Gereja Yahudi menjadi pelacur kerana menjauh dari Tuhan, dan bersekutu dengan orang kafir, bahwa gereja Yahudi telah menjadi pelacur; dan Rom, yang merosakkan dirinya dengan cara yang sama dengan mencari sokongan kekuasaan duniawi, menerima penghukuman yang sama.” —*The Great Controversy*, p. 382. [Author's italics.]

- b. Bagaimanakah kekuasaan ini akan berakhir? Wahyu 17:15–18.**

a. Jelaskan kedatangan malaikat yang muncul dalam Wahyu 18:1.

“Perkhabaran tiga malaikat itu akan digabungkan, memberikan terang tiga serangkai kepada dunia. Dalam Wahyu, Yohanes berkata, ‘Aku melihat seorang malaikat lain turun dari sorga. Ia mempunyai kekuasaan besar dan bumi menjadi terang oleh kemuliaan-Nya.’ [Wahyu 18:2–5 dipetik.] Ini merupakan pemberitaan terakhir dan perkhabaran malaikat tiga serangkai kepada dunia.” —*The SDA Bible Commentary* [E. G. White Comments], vol. 7 p. 985.

“Gereja adalah tempat penyimpanan kekayaan kasih karunia Kristus; dan melalui gereja akhirnya akan dinyatakan, bahkan kepada ‘pemerintah-pemerintah dan penguasa-penguasa di sorga,’ paparan terakhir dan penuh kasih Allah.” —*The Acts of the Apostles*, p. 9.

b. Apakah yang dilambangkan oleh kemuliaan malaikat itu, dan bagaimana hal itu ditunjukkan? Mazmur 29:1, 2; Yohanes 17:22, 23.

“Ketika pembentukan tabiat diabaikan, ketika perhiasan jiwa kurang, ketika kesederhanaan kesalehan diremehkan, kesombongan dan cinta akan pertunjukan menuntut bangunan gereja yang megah, hiasan yang indah, dan upacara yang mengagumkan. Tetapi dalam semua ini Tuhan tidak dihormati. Dia menghargai gereja-Nya, bukan kerana keunggulan luarannya, tetapi untuk kesalehan tulus yang membezakannya dari dunia. Dia memperkirakannya berdasarkan pertumbuhan para anggotanya dalam pengetahuan tentang Kristus, menurut kemajuan mereka dalam pengalaman rohani.” —*Prophets and Kings*, pp. 565, 566.

c. Bagaimanakah Tuhan menggambarkan kemuliaan-Nya sendiri, ketika Musa meminta untuk melihatnya? Keluaran 33:18, 19; 34:5–7.

“Kemuliaan ciri-ciri Tuhan dinyatakan dalam sifat-Nya. Setiap halaman Kitab Suci bersinar dengan terang-Nya. Kebenaran Kristus, seperti mutiara putih yang murni, tiada kecacatan, tidak bernoda. Tidak ada pekerjaan manusia yang dapat memperbaiki karunia Tuhan yang agung dan berharga. Karunia itu tanpa cela.” —*Christ’s Object Lessons*, p. 115.

“Sifat ini terungkap dalam kehidupan Kristus. Supaya Dia dengan teladan-Nya sendiri menghukum dosa dalam daging, Dia mengambil rupa manusia yang berdosa. Dia sentiasa melihat sifat Allah; Dia sentiasa menyatakan sifat ini kepada dunia.

“Kristus menginginkan para pengikut-Nya untuk menunjukkan sifat yang sama dalam kehidupan mereka.” —*God’s Amazing Grace*, p. 322.

a. Bagaimanakah malaikat itu berbicara kepada penduduk Babel? Wahyu 18:2.

“Kuasa dan kemuliaan yang besar diberikan kepada malaikat itu, dan ketika dia turun, bumi diterangi oleh kemuliaan-Nya. Terang yang menyertai malaikat ini menembusi ke semua tempat, ketika dia berseru dengan surara yang lantang dan dahsyat. . . . Perkhabaran tentang kejatuhan Babel, sebagaimana yang disampaikan oleh malaikat kedua, diulangi, dengan tambahan sebutan tentang kemurtadan-kemurtadan yang telah memasuki gereja-gereja sejak tahun 1844.” —*Early Writings*, p. 277.

b. Apakah yang akan berubah di Babilon sejak perkhabaran malaikat kedua pertama kali diberitakan? Wahyu 18:3.

“Perkhabaran malaikat kedua dalam Wahyu 14 pertama kali dikhotbahkan pada musim panas 1844, dan kemudian diterapkan lebih langsung kepada gereja-gereja di Amerika Syarikat, di mana amaran penghakiman telah dikumandangkan secara meluas, dan secara keseluruhannya ditolak, dan di situlah kemerosotan dalam gereja-gereja terjadi dengan cepat. Tetapi pekabaran malaikat kedua tidak mencapai penggenapan sepenuhnya pada tahun 1844. Gereja-gereja kemudiannya mengalami kemerosotan moral, akibat daripada penolakan mereka terhadap terang perkhabaran kedatangan Kristus; namun kejatuhan itu belum lengkap. Ketika mereka terus menolak kebenaran khusus pada masa ini, mereka semakin jatuh dan merosot. Namun, belum dapat dikatakan bahawa Babel sudah rubuh, . . . kerana dia telah memabukkan segala bangsa dengan anggur hawa nafsu cabulnya.’ Dia belum membuat semua bangsa melakukan ini. Semangat untuk menyesuaikan diri dengan dunia dan ketidakpedulian terhadap kebenaran yang menguji pada zaman kita wujud dan telah berkembang di gereja-gereja Protestan di seluruh negara Kristian; dan gereja-gereja ini termasuk dalam kecaman yang sungguh-sungguh dan mengerikan dari malaikat kedua. Tetapi perbuatan kemurtadan masih belum mencapai ke puncaknya.

“Alkitab menyatakan bahawa sebelum kedatangan Tuhan, Setan akan bekerja ‘disertai rupa-rupa perbuatan ajaib, tanda-tanda dan mujizat-mujizat palsu, dan dengan rupa-rupa tipu daya jahat terhadap orang-orang yang harus binasa;’ dan mereka yang ‘tidak menerima dan mengasihi kebenaran yang dapat menyelamatkan mereka,’ akan dibiarkan menerima ‘kesesatan atas mereka, yang menyebabkan mereka akan percaya akan dusta.’ 2 Tesalonika 2:9–11. Bukan sehingga keadaan ini tercapai, dan penyatuan gereja dengan dunia dilaksanakan sepenuhnya di seluruh Kekristenan, barulah kejatuhan Babilon akan lengkap. Perubahan itu bersifat progresif (berperingkat), dan penggenapan sempurna dari Wahyu 14:8 masih akan berlaku di masa depan.” —*The Great Controversy*, pp. 389, 390. [Author’s italics]

- a. Apakah panggilan mendesak yang kemudiannya didengar oleh mereka yang masih di Babilon? Wahyu 18:4.**
-

“Wahyu 18 menunjuk kepada waktu apabila, sebagai akibat daripada penolakan amaran tiga serangkai dari Wahyu 14:6–12, gereja akan mencapai sepenuhnya keadaan yang dinubuatkan oleh malaikat kedua, dan umat Tuhan yang masih berada di Babel akan dipanggil untuk memisahkan diri dari persekutuan mereka. Perkhabaran ini adalah yang terakhir yang akan diberikan kepada dunia; dan ini akan menyelesaikan pekerjaannya. Apabila mereka yang ‘tidak percaya akan kebenaran, dan yang suka kejahatan’ (2 Tesalonika 2:12), akan dibiarkan menerima kesesatan yang dahsyat dan mempercayai dusta, maka terang kebenaran akan bersinar atas semua orang yang hatinya terbuka untuk menerimanya, dan semua anak Tuhan yang masih tinggal di Babel akan mengindahkan panggilan: ‘Pergilah kamu, hai umat-Ku’ (Wahyu 18).” —*The Great Controversy*, p. 390.

- b. Siapakah individu-individu yang disebut sebagai “umat-Ku,” dan ditujukan dalam seruan untuk meninggalkan Babilon? Yohanes 10:16.**
-

“Walaupun kegelapan rohani dan keterasingan dari Tuhan, yang terdapat dalam gereja-gereja yang membentuk Babel, sebahagian besar para pengikut sejati Kristus masih ada dalam persekutuan mereka. Banyak di antara mereka yang tidak pernah melihat kebenaran khusus untuk masa ini. Bukan sedikit yang tidak berpuas hati dengan keadaan mereka saat ini dan merindukan terang yang lebih jelas. Sia-sia saja mereka mencari citra Kristus dalam gereja-gereja yang menjadi perhubungan mereka. Ketika kelompok-kelompok ini semakin menjauh dari kebenaran, dan semakin erat bersekutu dengan dunia, perbezaan antara kedua-dua golongan akan semakin meluas, dan akhirnya akan mengakibatkan perpisahan. Masanya akan tiba apabila mereka yang sangat mengasihi Tuhan tidak lagi dapat berhubungan dengan orang-orang yang ‘lebih menuruti hawa nafsu daripada menuruti Allah; mempunyai bentuk kesalehan, tetapi menyangkal kuasanya.’ ” —*Ibid.*, p. 390.

- c. Mengapakah seruan untuk melarikan diri dari Babilon begitu mendesak? Wahyu 18:5–8.**
-

“Terang yang dipancarkan kepada orang-orang yang menunggu menembusi ke mana-mana, dan mereka yang berada di gereja-gereja yang mempunyai terang, yang belum mendengar dan menolak tiga pekabaran itu, menuruti panggilan itu dan meninggalkan gereja-gereja yang telah jatuh.” —*Early Writings*, p. 278.

5. BERSEDIA MELAKUKAN PANGGILAN KHAMIS, 18 JUN

- a. **Jelaskan kepentingan perkhabaran amaran yang jelas dan pasti. Yesaya 58:1; 1 Korintus 14:7, 8.**

“Pasal kelapan belas dalam Wahyu menyatakan pentingnya menyampaikan kebenaran tanpa istilah ukuran tetapi dengan keberanian dan kuasa. . . . Terdapat terlalu banyak bercakap/ perbincangan yang tidak masuk akal dalam penyampaian pekabaran malaikat ketiga.” —*Evangelism*, p. 230.

“Tuhan menghendaki agar para penjaga harus bangkit dan dengan suara yang ber-satu menyampaikan perkhabaran yang tegas, membunyikan sangkakala dengan suara tertentu, agar semua orang dapat segera menjalankan tugas mereka dan melakukan peranan mereka dalam pekerjaan agung itu. Kemudian, terang yang kuat dan terang dari malaikat lain yang turun dari syurga dengan kuasa yang besar, akan memenuhi bumi dengan kemuliaan-Nya. Kami ketinggalan bertahun-tahun; dan mereka yang berdiri dalam kebutaan dan menghalang kemajuan perkhabaran yang Tuhan maksudkan harus disampaikan dari pertemuan Minneapolis sebagai pelita yang menyala, perlu merendahkan hati mereka di hadapan Tuhan dan melihat serta memahami bagaimana pekerjaan itu terhambat oleh kebutaan fikiran dan kekerasan hati mereka.” —*The Ellen G. White 1888 Materials*, p. 1070.

- b. **Apakah permohonan tulus Yesus yang dapat kita renungkan dalam hati secara individu? Yohanes 12:35, 36.**

“Malaikat lain menyatukan suaranya dengan malaikat ketiga, dan bumi diterangi dengan kemuliaannya. Terang itu bertambah, dan bersinar ke seluruh bangsa di bumi. Dia akan pergi sebagai terang yang menyala. Ia akan disertai dengan kuasa yang besar, sehingga sinar ke-emasannya menyentuh setiap lidah, setiap orang, dan setiap bangsa di seluruh bumi. Izinkan saya bertanya, Apakah yang anda sedang lakukan untuk mempersiapkan pekerjaan ini? Adakah anda sedang membangun untuk kekekalan? Anda mesti ingat bahawa malaikat ini menggambarkan orang-orang yang mempunyai perkhabaran ini untuk disampaikan kepada dunia. Adakah kamu termasuk di antara orang-orang itu?” —*The Review and Herald*, August 18, 1885.

SOALAN-SOALAN SEMAKAN PERIBADI JUMAAT 19 JUN

1. **Jelaskan bagaimana Rom sesuai dengan gambaran Babilon, ibu kepada para pelacur.**
2. **Apakah kemuliaan sejati Tuhan yang dinyatakan oleh malaikat yang lain?**
3. **Mengapakah perkhabaran malaikat kedua harus diulang?**
4. **Di manakah kebanyakan pengikut sejati Yesus hari ini?**
5. **Bagaimanakah saya dapat menjadi pengaruh positif dan bukan penghalang kepada pekerjaan Tuhan hari ini?**

Akhir yang Telah Dinubuatkan

AYAT HAFALAN: “Ia yang duduk di atas takhta itu berkata, "Lihatlah, Aku menjadikan segala sesuatu baru!." Dan firman-Nya: "Tuliskanlah, karena segala perkataan ini adalah tepat dan benar." (Wahyu 21:5).

Cadangan Bacaan: *Early Writings*, pp. 279–295.

“Dunia kecil kita, di bawah kutukan dosa menjadi satu noda gelap dalam ciptaan-Nya yang mulia, akan dihormati melebihi di atas semua dunia lain di alam semesta Tuhan.” —*The Desire of Ages*, p. 26.

1. TUJUH MALAPETAKA TERAKHIR

AHAD, 21 JUN

- a. Apakah yang disingkapkan tentang penghakiman Tuhan yang akan dicurahkan ke atas bumi? Wahyu 15:1; bab 16.

“Aku melihat bahawa tujuh malapetaka terakhir akan segera dicurahkan kepada mereka yang tidak mempunyai perlindungan; namun dunia tidak mempedulikan mereka, sebagaimana halnya tetesan air yang jatuh. Saya kemudiannya diberi kemampuan untuk menanggung pemandangan yang mengerikan dari tujuh malapetaka terakhir, murka Tuhan. Aku melihat bahawa murka-Nya sangat dahsyat dan mengerikan, dan jika Dia mengulurkan tangan-Nya, atau mengangkatnya dalam kemarahan, penduduk dunia akan seperti tidak pernah ujud, atau akan menderita bisul yang tidak dapat disembuhkan dan itulah-tulah dahsyat akan menimpa mereka, dan mereka tidak akan menemukan pembebasan, tetapi akan dibinasakan oleh mereka.” —*Early Writings*, p. 64.

- b. Bagaimana cara yang berbeza untuk menggambarkan peristiwa yang sama ? Yeremia 25:30–33; Wahyu 19:17–21.

“Orang-orang jahat telah melewati sempadan percubaan mereka; Roh Tuhan, yang ditolak terus-menerus, akhirnya ditarik balik. Tanpa perlindungan oleh rahmat ilahi, mereka tidak mendapat perlindungan daripada si jahat. Setan kemudian akan menjerumuskan penduduk bumi ke dalam satu masalah besar dan terakhir. Ketika malaikat-malaikat Tuhan berhenti menahan angin keras nafsu manusia, semua unsur perselisihan akan dilepaskan. Seluruh dunia akan terlibat dalam kehancuran yang lebih dahsyat daripada yang menimpa Yerusalem pada zaman dahulu.” —*The Great Controversy*, p. 614.

a. Bagaimanakah kitab Wahyu menggambarkan kedatangan Kristus kali kedua? Wahyu 1:7; 6:15–17.

“Segera mata kita tertuju ke arah timur, kerana suatu awan hitam kecil telah muncul, kira-kira setengah ukuran tangan manusia, yang kita semua tahu adalah tanda Anak Manusia. Kita semua dalam keheningan yang sungguh-sungguh memandang awan itu ketika ia semakin dekat dan menjadi lebih terang, mulia, dan lebih mulia, sehingga ia menjadi awan putih yang besar. Bahagian bawah kelihatan seperti api; pelangi terbentang di atas awan itu, sementara di sekelilingnya ada sepuluh ribu malaikat, yang menyanyikan lagu yang sangat merdu; dan di atasnya duduklah Anak Manusia. Rambut-Nya putih dan kerinting dan terurai di bahu-Nya; dan di atas kepala-Nya terdapat banyak mahkota. Kakinya kelihatan seperti api; di tangan kanan-Nya ada sabit yang tajam; di tangan kiri-Nya ada sangkakala perak. Mata-Nya seperti nyala api, yang memeriksa anak-anak-Nya sepanjang masa. Lalu semua muka menjadi pucat, dan mereka yang telah ditolak Tuhan berkumpul dalam kegelapan. Lalu kita semua berseru, ‘Siapakah yang dapat bertahan? Apakah jubahku tidak bernoda?’ Kemudian para malaikat berhenti menyanyi, dan terjadilah keheningan yang menakutkan untuk beberapa saat, lalu Yesus berkata: ‘Orang yang bersih tangannya dan murni hatinya akan dapat bertahan; Cukuplah kasih karunia-Ku bagimu.’ Mendengar itu wajah kami berseri-seri, dan sukacita memenuhi setiap hati. Dan para malaikat membunyikan nada yang lebih tinggi dan bernyanyi lagi, sementara awan itu semakin mendekat ke bumi.” —*Early Writings*, pp. 15, 16.

b. Apakah yang dilakukan oleh para malaikat? Matius 24:31; 1 Tesalonika 4:16, 17.

“Dosa telah merosak dan hampir memusnahkan citra ilahi; tetapi Kristus datang untuk memulihkan apa yang telah hilang. Dia akan mengubah tubuh kita yang keji dan membentukkannya seperti tubuh-Nya yang mulia. Bentuk yang mudah rosak dan fana, tanpa keindahan, sekali tercemar dengan dosa, ia menjadi sempurna, indah, dan abadi.

... “Para malaikat ‘mengumpulkan umat pilihan-Nya dari empat penjuru bumi, dari satu ujung ke ujung langit yang lain.’ Anak-anak kecil digendong oleh malaikat suci ke tangan-tangan ibu mereka. Sahabat yang telah lama terpisah oleh kematian kini bersatu kembali, tidak akan pernah berpisah lagi, dan dengan nyanyian sukacita naik bersama ke Kota Tuhan.” —*The Great Controversy*, p. 645.

c. Di manakah Setan akan ditempatkan? Wahyu 20:1, 2.

“Di sinilah akan menjadi rumah Setan bersama para malaikat jahatnya selama 1000 tahun. Terbatas di bumi, dia tidak akan mempunyai akses (jalan masuk) ke dunia lain untuk menggoda dan mengganggu mereka yang tidak pernah jatuh.” —*Ibid.*, p. 659.

- a. Apakah yang akan dilakukan oleh orang-orang kudus selama 1,000 tahun ketika Setan diikat? Wahyu 20:4–6; 1 Korintus 6:2, 3.**

“Selama 1000 tahun antara kebangkitan pertama dan kedua, penghakiman orang-orang jahat berlaku. Rasul Paulus menunjuk kepada penghakiman ini sebagai peristiwa yang mengikuti kedatangan kedua. . . . Daniel menyatakan bahawa ketika Yang Lanjut Usia datang, ‘Keadilan diberikan kepada orang-orang kudus milik Yang Mahatinggi.’ Daniel 7:22. Pada masa ini orang-orang benar memerintah sebagai raja dan imam kepada Tuhan. . . . Pada masa inilah, seperti yang dinubuatkan oleh Paulus, ‘orang-orang kudus akan menghakimi dunia.’ 1 Korintus 6:2. Dalam kesatuan dengan Kristus, mereka menghakimi orang-orang jahat, membandingkan perbuatan mereka dengan kitab hukum, Alkitab, dan memutuskan setiap perkara menurut perbuatan yang dilakukan dalam tubuh. Kemudian bahagian yang harus diderita oleh orang-orang jahat akan ditentukan, menurut perbuatan mereka; dan itu dicatat bersama dengan nama mereka dalam kitab kematian.

“Setan dan para malaikat jahatnya juga dihakimi oleh Kristus dan umat-Nya. Paulus berkata: ‘Tidak tahukah kamu, bahwa kita akan menghakimi malaikat-malaikat?’ Ayat 3. Dan Yudas menyatakan bahawa ‘malaikat-malaikat yang tidak taat pada batas-batas kekuasaan mereka, tetapi yang meninggalkan tempat kediaman mereka, dengan belenggu abadi di dalam dunia kekelaman sampai penghakiman pada hari besar.’ Yudas 6.” —*The Great Controversy*, pp. 660, 661.

- b. Apakah yang akan berlaku pada akhir penghakiman 1,000 tahun? Wahyu 21:2; 20:7, 8.**

“Pada akhir 1000 tahun, kebangkitan kedua akan berlaku. Kemudian orang-orang jahat akan dibangkitkan dari kematian dan menghadap Tuhan untuk pelaksanaan ‘penghakiman yang tertulis. . . .’ Yesaya menyatakan, mengenai orang-orang fasik: ‘Mereka akan dikumpulkan bersama-sama, seperti orang-orang tahanan dimasukkan dalam liang, mereka akan dimasukkan dalam penjara, dan akan dihukum sesudah waktu yang lama.’ Yesaya 24:22.” —*Ibid.*, p. 661. [huruf condong pengarang]

- c. Apakah kesudahan di akhir kehidupan orang-orang jahat? Wahyu 20:9; Maleakhi 4:1.**

“Dalam api penyucian, orang-orang jahat akhirnya dibinasakan, akar dan rantingnya—Setan adalah akar, para pengikutnya adalah ranting-rantingnya. Hukuman penuh undang-undang telah dijatuhkan; tuntutan keadilan telah dipenuhi; dan langit dan bumi, yang menyaksikan, menyatakan kebenaran Yehuwa.” —*Ibid.*, p. 673.

- a. **Jelaskan janji Tuhan untuk menjadikan segala sesuatu baru. Wahyu 21:1, 5; 22:1, 2; Yesaya 65:17.**

“Pekerjaan penebusan akan selesai. Di tempat di mana dosa melimpah, kasih karunia Tuhan jauh lebih melimpah. Bumi itu sendiri, ladang yang diakui Setan sebagai miliknya, tidak hanya ditebus tetapi akan dimuliakan. Dunia kecil kita, di bawah kutukan dosa, satu noda gelap dalam ciptaan-Nya yang mulia, akan dihormati di atas semua dunia lain di alam semesta Tuhan. Di sinilah, di mana Anak Allah berdiam dalam kemanusiaan; tempat Raja kemuliaan hidup, menderita dan mati—di sinilah, ketika Dia akan menjadikan segala sesuatu baru, kemah Allah ada di tengah-tengah manusia, ‘dan Dia akan diam bersama-sama dengan mereka. Mereka akan menjadi umat-Nya, dan Ia akan menjadi Allah mereka.’ Dan sepanjang zaman yang tidak berkesudahan sebagaimana orang-orang yang ditebus berjalan dalam terang Tuhan, mereka akan memuji Dia, ‘Karunia-Nya yang tidak terkatakan—Immanuel, ‘Allah beserta kita.’” *The Desire of Ages*, p. 26.

- b. **Apakah yang akan berbeza di bumi baru? Yesaya 65:21–25; Wahyu 21:4.**

“Kesakitan tidak akan wujud dalam suasana syurga. Tidak akan ada lagi air mata, tiada kereta pengebumian, tiada tanda-tanda perkabungan. . . .

“Di Kota Tuhan ‘malam tidak akan ada lagi di sana.’ Tiada seorang pun memerlukan atau menginginkan istirehat. Tidak akan ada rasa lelah dalam melakukan kehendak Tuhan dan mempersembahkan pujian kepada nama-Nya. Kita akan sentiasa merasai kesegaran pagi dan akan sentiasa jauh dari penghujungnya. ‘Dan mereka tidak memerlukan cahaya lampu dan cahaya matahari, sebab Tuhan Allah akan menerangi mereka.’ Wahyu 22:5. Cahaya matahari akan digantikan oleh pancaran yang tidak menyilaukan, namun jauh melebihi kecerahan pada waktu tengah hari kita.” —*The Great Controversy*, p. 676.

“Dalam Alkitab warisan orang-orang yang diselamatkan disebut ‘tanah air.’ Ibrani 11:14–16. Di sana Gembala surgawi menuntun kawanan domba-Nya ke mata air kehidupan. Pohon kehidupan menghasilkan buahnya setiap bulan, dan daun-daun pohon itu untuk pelayanan bangsa-bangsa. Di sana ada sungai-sungai yang sentiasa mengalir, jernih seperti kristal, dan disampingnya pepohonan yang melambai-lambai menaungi jalan-jalan yang disediakan bagi orang-orang yang ditebus Tuhan. Di sana dataran yang terbentang luas menjadi bukit-bukit yang indah, dan gunung-gunung Tuhan menjulang tinggi puncaknya. Di dataran yang damai itu, di samping sungai-sungai yang mengalir, umat Tuhan, yang telah lama menjadi peziarah dan pengembara, akan memperoleh rumah kediaman.—*Ibid.*, p. 675.

- a. Dengan kata-kata apakah yang Yesus usahakan untuk mendorong para pembaca nubuatan dalam kitab Wahyu? Wahyu 22:7, 12–14.
-

“Tuhan Sendiri telah menyatakan kepada hamba-Nya rahasia-rahasia yang terkandung dalam kitab ini, dan Dia merancang agar nubuatan ini terbuka untuk dipelajari oleh semua orang. Kebenaran-kebenaran dalam nubuatan ini ditujukan kepada mereka yang hidup pada zaman terakhir sejarah bumi ini, serta kepada mereka yang hidup pada zaman Yohanes. Beberapa adegan yang digambarkan dalam nubuatan ini telah terjadi pada masa lalu, sebahagiannya sedang berlaku sekarang; sebahagian memperlihatkan berakhirnya konflik besar antara kuasa kegelapan dan Putera surga, dan sebahagian menyatakan kemenangan dan sukacita yang ditebus di bumi yang diperbaharui.

“Janganlah ada yang berfikir, kerana mereka tidak dapat menjelaskan makna setiap simbol dalam kitab Wahyu, bahawa tidak ada gunanya mereka menyelidiki kitab ini dalam usaha untuk mengetahui makna kebenaran yang terkandung di dalamnya. Dia yang menyingkapkan rahasia-rahasia ini kepada Yohanes akan memberikan kepada pencari kebenaran yang tekun suatu gambaran awal dari hal-hal surgawi. Mereka yang hatinya terbuka untuk menerima kebenaran akan dimampukan untuk memahami ajaran-ajarannya, dan akan diberikan berkat yang dijanjikan kepada mereka yang ‘mendengar kata-kata nubuat ini, dan mematuhi apa yang tertulis di dalamnya.’ ” —*The Acts of the Apostles*, pp. 584, 585.

- b. Bagaimanakah Kristus mengundang kita untuk mencari kehidupan kekal dan damai melalui Dia? Wahyu 22:17; Yesaya 55:1; Yohanes 7:37, 38.
-

“Seruan Kristus kepada jiwa yang haus masih terus bergema, dan menarik perhatian kita dengan kuasa yang lebih besar daripada mereka yang mendengarnya di bait suci pada hari terakhir pesta itu. Mata air kehidupan terbuka untuk semua orang. Mereka yang lelah dan penat ditawarkan minuman yang menyegarkan berupa hidup kekal. Yesus masih berseru, ‘Barang siapa haus, baiklah ia datang kepada-Ku dan minum!’ ” —*The Desire of Ages*, p. 454.

SOALAN-SOALAN SEMAKAN PERIBADI JUMAAT 26 JUN

1. Bagaimanakah malapetaka itu menandai kepada penutupan sejarah dunia?
2. Siapakah yang akan dapat bertahan saat Kristus kembali?
3. Jelaskan tujuan penghakiman selama 1,000 tahun itu.
4. Apakah yang akan menjadi rumah terakhir bagi orang-orang yang ditebus?
5. Adakah saya dengan sepenuh hati menjadi sebahagian daripada kerajaan Tuhan yang kekal?

Persembahan Sabat Pertama



Sabat, 4 April 2026

Ibu Pejabat di Wilayah Itali

Sudah tiba masanya untuk mengembangkan kegunaan pusat pengaruh ini di Itali, untuk kemuliaan Tuhan. (Lihat m/s 4)



Sabat, 2 Mei 2026

Misi Dunia

Jiwa-jiwa yang berharga dalam kegelapan sangat memerlukan kebenaran masa kini untuk hari ini—dan kita dapat membantu menyediakannya kepada mereka. (Lihat ms 25)



Sabat, 6 Jun 2026

Sebuah Rumah Doa di Prague

Mari kita bangkit dan membangun sebuah monumen (tugu peringatan) untuk kemuliaan Tuhan di kota bersejarah yang terkenal dengan reformasi! (Lihat ms 51)